



85-2280

KUMPULAN ESSEI
MENGENAI ISU SEMASA

**MASALAH SOSIAL
DAN POLITIK
DI MALAYSIA**

PROF. KHOO KAY KIM, Ph.D.
ALIAS MOHAMED, M.A.



Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
Kuala Lumpur

Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
198 2nd Floor, Gateway Terrace,
Jalan Pahang,
Kuala Lumpur.

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitka semula, disimpan untuk pengeluaran, atau dikeluarkan ke dalam apa-ap bentuk atau dengan alat apa jua pun, sama ada dengan cara elektronik mekanik, gambar, rakaman atau sebagainya, tanpa kebenaran daripada pemilik. Hakcipta terlebih dahulu.

© Gateway Publishing House Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

ISBN 967-75 - 0000-7

433527
APB

433527

APB

Rekabentuk Kulit oleh AMW Communications Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
Ditaipset oleh Osangeo Systems Enterprise, Kuala Lumpur.
Dicetak oleh Loyal Press Sdn. Bhd.
275, Jln. Perkasa Satu, Taman Maluri, Cheras, Kuala Lumpur.

- 9 MAR 19

KANDUNGAN

Za'aba

Oleh Prof. Khoo Kay Kim 1

Sekolah Akan Hilang Dari Sukatan Pelajaran

Oleh Prof. Khoo Kay Kim 5

Maktab Perguruan

Oleh Prof. Khoo Kay Kim 9

Status Guru Zaman Sekarang

Oleh Prof. Khoo Kay Kim 13

Menjinakkan Murid-Murid Sekolah

Oleh Prof. Khoo Kay Kim 18

Pelajar Jurutera Terciri

Oleh Alias Mohamed 23

Pameran Buku

Oleh Prof. Khoo Kay Kim 27

Kempen Anti Kerajaan Di Luar Negeri

Oleh Alias Mohamed 31

Kehidupan Di Kampus

Oleh Prof. Khoo Kay Kim 40

Pelacuran Remaja

Oleh Alias Mohamed 44

Remaja Ternoda	48
Oleh Alias Mohamed	
Sahabat Pena	52
Oleh Prof. Khoo Kay Kim	
Penulisan Biografi	56
Oleh Prof. Khoo Kay Kim	
Kempen Kebersihan	60
Oleh Prof. Khoo Kay Kim	
Sukan: Riadah Atau Prestasi?	64
Oleh Prof. Khoo Kay Kim	
Elitism dan Kecemerlangan	68
Oleh Prof. Khoo Kay Kim	
Panchsheel (Pancasila)	72
Oleh Prof. Khoo Kay Kim	
Kemalangan Jalanraya	77
Oleh Prof. Khoo Kay Kim	
Pembunuhan Anwar Sadat	82
Oleh Alias Mohamed	
Keganasan Tabiat Manusia?	91
Oleh Prof. Khoo Kay Kim	
Pimpinan Mahathir	95
Oleh Alias Mohamed	
Masalah Pengiktirafan dan Penerimaan Kepimpinan	103
Oleh Alias Mohamed	
UMNO Tidak Bersedia Menerima Kekalahan	113
Oleh Alias Mohamed	
Matlamat Perjuangan	118
Oleh Alias Mohamed	
DEB: Masalah Kemudahan Bank	122
Oleh Alias Mohamed	

Gempar Isu BMF	
Oleh Alias Mohamed	127
BMF: Tentang Keadilan dan Rasuah	
Oleh Alias Mohamed	132

Pendahuluan

Esei-esei yang diterbitkan dalam buku ini sebenarnya pernah di siarkan dalam akhbar, kini dicetak kembali kerana yang dibincangkannya ialah isu-isu semasa atau perkara-perkara yang menyentuh keadaan dan perkembangan terutamanya dalam masyarakat Malaysia sendiri.

Seperti masyarakat di mana-mana juga Malaysia mempunyai masalah yang tersendiri. Masalah timbul bukan semestinya hanya kerana tiada pembangunan berlaku; sering kali masalah timbul kerana pembangunan berlaku dengan kadar yang amat pesat.

Di Malaysia ini ternampak dengan jelas. Walaupun sejak abad ke-19 lagi, negara ini dianggap di antara yang sangat kaya di dunia, sehingga tahun 1957, pembangunan yang diusahakan oleh pihak penjajah adalah secara perlahan-perlahan. Dasar penjajah mudah difahami. Pembangunan ekonomi diutamakan kerana itu akan mendatangkan hasil yang besar dan Britain secara langsung banyak mendapat faedah daripada kejayaan ekonomi negara ini.

Tetapi semakin berjaya ekonomi negara ini semakin dipentingkan kedudukan British yang tidak mahu melihat berlakunya keadaan sebagaimana wujud di India di mana rancangan-rancangan untuk memajukan masyarakat India mengakibatkan lahirnya suatu golongan berpengetahuan maju yang bukan hanya menyoal kehadiran British di India bahkan mencabar kewibawaan British.

Maka perkembangan sosial terutamanya di negara ini dikawal dan dikendalikan supaya tidak sampai kepada peringkat yang boleh membahayakan kedudukan British. Kemudahan-kemudahan disediakan hanya sekadar menjamin supaya pengeluaran dalam bidang ekonomi sentiasa licin; kemajuan orang tempatan hanya dipupuk sekadar mewujudkan masyarakat yang berpuas hati tetapi tidak bercita-cita tinggi. Pendedahan kepada dunia luar dihadkan kepada suatu bilangan yang kecil.

Kemerdekaan pada tahun 1957 seolah-olah meruntuhkan ampangan dan mengakibatkan air mengalir sehingga berlaku banjir. Bukan hanya pendidikan disediakan untuk semua, yang mempunyai kebolehan akademik berpeluang belajar sehingga peringkat universiti. Kemajuan teknologi diutamakan. Penuntutan dihantar ke luar negara. Tiba-tiba jarak di antara Malaysia dengan dunia luar dipendekkan. Ramai penduduk berhijrah dari kawasan desa ke kawasan bandar. Ringkasnya, kualiti kehidupan berubah dengan amat pesat.

Perubahan sosial yang radikal sememangnya mendatangkan masalah sosial yang rumit. Pada peringkat itulah sesebuah masyarakat seharusnya mengambil masa untuk berfikir, mengkaji segala fenomena yang wujud dan di samping itu menyoal secara kualitatif supaya dapat dibuat suatu penilaian yang bererti tentang perkembangan dan perubahan yang berlaku.

Bukanlah dimaksudkan esei-esei dalam buku ini telah melakukan kerja itu dengan begitu rapi dan mendalam. Isu-isu yang dibincangkan dalam buku ini sememangnya terbatas. Yang tak dapat dibincangkan lebih banyak daripada yang dibincangkan. Namun demikian jika sekiranya buku ini berjaya mendorong generasi muda terutama sekali untuk melihat alam sekitar mereka dengan sikap yang lebih terdidik maka penerbitan esei-esei ini bolehlah dianggap bermakna.

Khoo Kay Kim
Professor Sejarah Malaysia
Universiti Malaya

Za'ba

Prof. Khoo Kay Kim

Sepuluh tahun telah berlalu sejak Za'ba meninggal dunia. Dalam sehari dua ini terdapat sedikit perbincangan dalam akhbar dan T.V. tentang ketokohan Za'ba. Tetapi, sehingga masa sekarang masyarakat umum sebenarnya tidak begitu mengetahui tentang perjuangan Za'ba.

Sesungguhnya hanya secara kebetulan Za'ba memberi perhatian yang teliti kepada perkembangan bahasa Melayu. Tulisan-tulisan Za'ba pada awalnya lebih tertumpu kepada masalah sosial orang Melayu. Za'ba telah mula menulis pada waktu Perang Dunia I. Ketika itu beliau berada di Johor. Pada masa itu beliau terpengaruh oleh perjuangan Kaum Muda yang mahu melihat masyarakat Melayu mengamalkan agama Islam selaras dengan Quran dan Hadis; segala amalan atau kepercayaan karut perlu dihapuskan. Menurut Kaum Muda, masyarakat Melayu lemah kerana orang Melayu tidak memahami agama Islam dengan mendalam.

Minat Za'ba dalam bidang agama tetap kuat pada tahun-tahun yang berikut sehingga beliau sangat menghormati Imam Masjid Working di England, Khwaja Kamaluddin. Selama beberapa tahun selanjutnya Za'ba tertarik dengan kegiatan dan ajaran Parti Lahore. Pada tahun 1921, Khwaja Kamaluddin melawat Tanah Melayu; akibatnya sebuah pertubuhan — *Anjuman-i-*

Islam – telah diasaskan di Singapura. Za'ba menjadi ahlinya. Sebilangan besar ahli pertubuhan itu terdiri daripada orang India yang beragama Islam.

Za'ba adalah kelulusan Sekolah St. Paul, Seremban. Beliau adalah anak Melayu pertama yang lulus Senior Cambridge di Negeri Sembilan. Za'ba telah memasuki sekolah Inggeris tanpa direstui oleh ayahnya. Tetapi pelajaran Inggeris tidak mengubah sikap Za'ba tentang pentingnya bahasa Melayu dan agama Islam bahasa Arab. Beliau banyak memberi ceramah kepada orang bukan-Islam tentang agama Islam.

Za'ba juga sangat mengutamakan ilmu dan justeru itu pelajaran. Besar kemungkinan beliau adalah orang Melayu pertama yang menyuarakan tentang mustahaknya diasaskan sebuah universiti untuk orang Melayu. Memang jelas beliau mendahului Abdul Kadir Adabi. Seruan Za'ba telah dibuat pada masa 1916–1917. Selaras dengan miniatnya terhadap pengejaran ilmu, Za'ba mempunyai cita-cita melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti yang terkenal seperti Oxford, Cambridge, Yale atau Harvard.

Tetapi Za'ba juga seorang pengkritik British yang lantang. Dan oleh kerana beliau mempunyai hubungan rapat dengan pejuang-pejuang Islam yang anti-British, Za'ba dianggap merbahaya. Waktu itu Za'ba mengajar di Maktab Melayu Kuala Kangsar. British berpendapat bahawa Za'ba tidak boleh dibiarkan menyebarkan gagasan *subversive* di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Akibatnya beliau telah dipindah ke Kuala Lumpur dan selanjutnya Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim.

Kerana dikurung di Tanjong Malim maka Za'ba terpaksa memberi perhatian sepenuhnya kepada pengembangan bahasa Melayu. Maka banyaklah buku teks yang tulis untuk penggunaan sekolah Melayu. Tetapi jiwa tetap gelisah dan beliau menggunakan segala kesempatan untuk menyebarkan orang Melayu tentang kepincangan masyarakat Melayu.

Walaupun sebelum Perang Dunia II, Za'ba tidak melibatkan diri dalam gerakan politik, kesedarannya tentang perjuangan

orang Melayu adalah ternyata dan pada masa berlakunya gerakan menentang *Malayan Union*, Za'ba adalah seorang ahli yang giat dalam Persatuan Melayu Selangor dan tetap memainkan peranan penting dalam Kongres Melayu yang berlangsung di Sultan Sulaiman Club pada awal March 1946.

Keterlibatan Za'ba kepada pengajaran ilmu ternyata bila beliau mendaftarkan diri sebagai penuntut luar di London University pada masa beliau mengajar di situ. Umur Za'ba pada ketika itu telah sampai 50 tetapi itulah peluang tunggal yang ada padanya untuk menunaikan cita-citanya melanjutkan pelajaran dan akhirnya beliau berjaya mendapatkan ijazah Sarjana Sastera Muda. Dengan ijazah itu Za'ba kemudian menjadi pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya di Singapura.

Ketokohan Za'ba tidak dapat difahami dengan mendalamnya jika sekiranya hanya peranannya dalam mengembangkan bahasa Melayu diberi keutamaan. Za'ba ialah seorang Melayu yang mendahului zamannya. Beliau telah cuba membincangkan masalah sosial dan ekonomi orang Melayu pada waktu sebilangan besar orang Melayu sendiri tidak sedar bahawa masalah itu adalah berat. Walaupun ideanya, kalau dilihat masa sekarang, ternampak agak simplistik tetapi pada zaman 1920an fahamaninya tentang masalah orang Melayu memanglah maju.

Za'ba bukanlah tokoh tunggal dalam sejarah Malaysia yang belum difahami secara mendalam oleh generasi sekarang kerana, sehingga baru-baru ini, tiada penyelidikan teliti dijalankan untuk menulis biografi dengan mendalam.

Keseluruhananya penulisan biografi merupakan sesuatu yang lemah dalam masyarakat Malaysia. Bukan dimaksudkan biografi tidak diminati oleh penulis ataupun sejarawah. Tetapi penulisan biografi sebagai suatu kaedah tidak pernah dikembangkan. Mereka yang cuba menulis biografi biasanya hanya memuji tokoh yang menjadi subjek penulisan. Tidak pernah terlintas dalam fahaman para penulis bahawa biografi memerlukan supaya seseorang tokoh yang dikaji itu ditilik, 'dibedah' dan

dianalisa supaya bukan hanya pemikiran tetapi personalitinya menjadi jelas dan bererti.

Manusia biasanya adalah anak alam sekitar. Tidak mungkin seseorang tokoh dapat difahami jika sekiranya pemikiran dan tindakan serta kegiatannya tidak dilihat dalam konteks alam sekitar di mana dia hidup. Bukanlah menjadi tugas seorang *biographer* untuk menyebutkan hanya perkara-perkara yang manis. Tetapi itu bukan juga bererti dia semestinya mengkritik sahaja.

Sesungguhnya yang penting bukan mengkritik atau memuji; yang penting ialah fahaman. Tetapi untuk mencapai fahaman yang mendalam seseorang *biographer* seharusnya bersikap objektif. Tidak seperti novel atau cerpen, tokoh yang menjadi subjek mengkajian tidak semestinya seorang wira atau *villain*. Manusia adalah rasional atau emosional maka segala tindakannya ada sebab-sebab tertentu. Sebab-sebab itu tidak seharusnya baik atau buruk; niat menentukannya.

Selagi biografi tidak dikembangkan sebagai suatu jenis penerangan di dalam masyarakat Malaysia maka banyaklah perkembangan dalam sejarah tidak dapat difahami dengan baiknya. Individu memang penting sebagai penggerak dalam satu-satu peristiwa atau perkembangan yang berlaku di dalam sesebuah masyarakat. Sains sosial yang amat popular sekarang cuba menarik perhatian kita daripada individu kepada golongan atau kelas. Tetapi dalam kehidupan manusia apa yang penting ialah keseimbangan. Tidak ada satu kaedah yang dapat dikatakan memadai dengan sendirinya. Begitu juga pengkajian tentang masyarakat. Golongan dan kelas adalah penting: individu juga penting. Perkantuman di antara dua pendekatan itu besar kemungkinan akan mendatangkan hasil yang paling tepat dan memuaskan.

Sekolah Akan Hilang Dari Sukatan Pelajaran

Prof. Khoo Kay Kim

Kita adalah masyarakat yang bercita-cita tinggi. Itu sebenarnya tidak salah. Tetapi untuk berlari, seorang kanak-kanak seharusnya merangkak, berdiri dan berjalan dulu. Begitu juga pelajaran yang disampaikan kepada kanak-kanak di sekolah. KBSR adalah suatu percubaan untuk kembali kepada perkara-perkara yang asas. Hanya setelah murid-murid sekolah dapat menguasai yang asas barulah mereka boleh didedahkan kepada perkara-perkara yang lebih kompleks.

Murid-murid seharusnya dididik. Mereka memerlukan bahasa, memerlukan juga pengetahuan matematik yang asas. Selanjutnya mereka memerlukan sedikit sebanyak pengetahuan am. Mereka juga harus dididik supaya menjadi manusia yang bertanggungjawab, bersopan santun dan setia kepada negara. Ringkasnya, dengan beransur-ansur mereka sepatutnya dididik supaya menjadi manusia yang sempurna.

Pada dasarnya, pendidikan seharusnya memberi perhatian kepada penguasaan kemahiran-kemahiran tertentu; tetapi di samping itu, tidak kurang pentingnya ialah pelajaran yang lebih tertumpu kepada aspek-aspek kemanusiaan. Penguasaan kemahiran adalah sesuatu yang ada kaitan dengan kecapaian yang bersifat individualistik. Maksudnya murid-murid disediakan

untuk mengejar satu-satu kerjaya yang tertentu. Itu dengan sendirinya tidak lengkap.

Manusia harus hidup di dalam masyarakat; itu bererti ia seharusnya bergaul dengan orang lain; ia mempunyai tanggungjawab bukan hanya kepada diri sendiri tetapi orang lain juga. Sistem pendidikan yang tidak memberi perhatian kepada aspek itu hanya akan melahirkan manusia yang nafsi, egoistik dan antisosial.

Seseorang yang terdidik akan berupaya melihat masyarakat dan dunia dengan pandangan yang lebih bulat. Dia tidak selalu bertindak mengikut naluri dan emosi; dia adalah manusia yang mampu berfikir secara waras. Tidak mungkin dia dapat memahami alam sekitar di mana dia hidup tanpa pengetahuan sejarah.

Sejarah boleh dibahagikan kepada dua kategori: yang bersifat universal dan yang bersifat kebangsaan. Yang pertama itu penting dari segi pengetahuan am; yang kedua itu mempunyai fungsi yang lebih khusus. Tiap-tiap seorang scharusnya mempunyai pengetahuan tentang negara diri sendiri. Itu bukan hanya penting untuk membolehkan dia memahami masalah, perkembangan dan pergolakan dengan lebih saksama, tetapi, pada zaman moden ini, ramai orang sentiasa keluar negeri dan terpaksa bergaul dengan orang asing. Tanpa pengetahuan yang tepat mengenai negara sendiri tidak mungkin dia dapat memberi penjelasan kepada orang luar tentang segala-gala yang berlaku di dalam masyarakatnya sendiri.

Sejarah juga dapat dipelajari dengan cara yang bermakna atau dengan cara yang tidak bermakna. Buat masa sekarang murid-murid di sekolah-sekolah Malaysia mempelajari sejarah semata-mata untuk lulus peperiksaan. Fakta-fakta dihafalkan dan lepas peperiksaan dilupakan. Tiada sesuatu yang lebih mendalam diserap. Matapelajaran sejarah pula yang dikatakan tidak berguna dan bukan cara pengajarannya ataupun sukanan pelajaran yang biasanya tidak memperhitungkan idea-idea yang ingin disampaikan kepada murid-murid.

Sekarang sudah ada ura-ura hendak mencantumkan beberapa mata pelajaran dan sejarah adalah salah satunya yang akan dicantumkan dengan beberapa mata pelajaran lain. Ini dirasa perlu kerana ada banyak lagi matapelajaran yang akan diperkenalkan di sekolah. Tidak terlintas dalam pemikiran setengah-setengah orang bahawa pendidikan tidak semestinya disampaikan di dalam bilik darjah sahaja. Sivik misalnya sedang diajarkan di dalam bilik darjah. Apakah kesannya? Pada hal sivik bukan sesuatu yang harus dibaca tetapi lebih penting dipraktikkan; begitu juga *consumer education*.

Negara mana-manapun dalam dunia ini Amerika, Rusia, England, China, India, Indonesia, Filipina, Thailand, Australia, dan sebagainya tidak mengabaikan sejarah terutamanya sejarah kebangsaan. Hanya di Malaysia masyarakat seolah-olah tidak menghormati sejarah pada hal di Malaysia inilah usaha-usaha masih diadakan untuk mewujudkan perpaduan dan keutuhan.

Apa yang tidak disedari oleh kebanyakan orang ialah kurikulum sekolah dengan beransur-ansur disusun untuk mencapai tujuan-tujuan yang hampir seratus peratus bersifat materialistik. Masyarakat seolah-olah digalakkan supaya cuba dengan seberapa daya upaya untuk mengejar kekayaan. Maka setiap orang penuntut di universiti akan memilih jurusan pengkhususannya berasaskan *prospect*. Tetapi amat jelas bahawa di dalam masyarakat Malaysia kebanyaknya orang yang sungguh-sungguh kaya tidak pernah mendapat pelajaran yang tinggi. Kalaukah kekayaan begitu penting, sepatutnya pemuda-pemuda di Malaysia tidak digalakkan melanjutkan pelajaran ke universiti kerana ternyata sebilangan besar penjaja lebih kaya daripada profesor di universiti.

Ilmu tidak boleh diukur berdasarkan ringgit dan sen. Orang yang berilmu walaupun tidak kaya sudah tentu banyak kegunaannya kepada masyarakat. Sebaliknya, ramai jutawan sebenarnya sama sekali tidak berguna kepada masyarakat kerana mereka tidak memberi apa-apa sumbanganpun kepada masyarakat. Masyarakat Malaysia sekarang begitu mementingkan

pulangan sehingga mereka yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang bersifat ilmiah gagal mendapat sebarang sokongan dan bantuan daripada orang kaya raya untuk menjalankan projek atau untuk mengeluarkan penerbitan. Firma-firma asing lebih bermurah hati. Ini sangat mengecewakan. Apa gunanya negara memberi keutamaan kepada orang Malaysia sendiri pada hal mereka sama sekali tidak menghiraukan masyarakat sendirinya?

Satu hakikat yang sangat menakutkan ialah sebilangan besar rakyat Malaysia mempunyai pengetahuan yang cetek tentang negara sendiri. Ini disebabkan sejarah diajarkan dengan cara yang tidak berkesan di sekolah, juga kerana sebilangan besar murid-murid sekolah tidak *dibenarkan* mengambil sejarah selepas mereka lulus peperiksaan SRP dan dimasukkan ke dalam Tingkatan Empat Sains.

Di Universiti pula mahasiswa yang mahu mempelajari sejarah tidak akan diberi biasiswa. Walaupun tujuannya ada lojik juga kerana masyarakat memerlukan siswazah dalam berbagai jurusan, tetapi apakah salahnya jika sekiranya ada mahasiswa yang mahu mengambil dua matapelajaran?

Sejarah bukan matapelajaran yang membolehkan seseorang mendapat pekerjaan dengan gaji yang lumayan. Sejarah mempunyai tujuan yang lebih mulia. Setiap orang murid sepaututnya diberi kesempatan untuk mempelajari sejarah Malaysia sekurang-kurangnya sehingga SPM. Walau bagaimana pentingnya matapelajaran lain, sejarah Malaysia tidak boleh dianggap kurang penting kecuali kalau kita berpendapat bahawa negara Malaysia tidak perlu dianggap penting oleh warganegara Malaysia.

KBSR telah menunjukkan banyak idea baru yang dikatakan saintifik sebenarnya gagal bila dilaksanakan. Kita seharusnya mengambil iktibar daripada itu dan jangan mengetepikan idea lama dengan tergopoh-gopoh.

Maktab Perguruan

Prof. Khoo Kay Kim

Waktu Timbalan Perdana Menteri (Datuk Musa) memberi arahan supaya Maktab Perguruan Bahasa kembali kepada fungsi asalnya maka terlintas dalam pemikiran saya tentang kedudukan Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim. Bukanlah dimaksudkan MPSI juga sepatutnya tetap memberi latihan kepada guru di sekolah rendah.

MPSI mempunyai kedudukan yang lebih istimewa lagi daripada Maktab Perguruan Bahasa. Ia mempunyai sejarah yang lebih tua dan dalam lembaran sejarah Malaysia ia telah mendapat tempat yang kukuh kerana dari situlah lahirnya tokoh-tokoh dalam bidang kesusastraan, pelajaran dan politik. Sebuah institusi yang begitu termasyhur seharusnya tetap diberi perhatian utama. Sekurang-kurangnya MPSI sepatutnya dijadikan maktab perguruan utama di Malaysia.

Waktu rancangan dibuat bagi mendirikan sebuah maktab perguruan untuk guru-guru sekolah Melayu, Tanjung Malim dipilih kerana dua faktor: pertama, bandar itu terletak di tengah-tengah bahagian Barat Semenanjung; kedua, keretapi melintasi bandar itu. Kedua-dua faktor ini masih penting walaupun sekarang telah ada jalanraya yang moden yang dengan mudah dapat membawa seseorang itu ke Tanjung Malim.

Tetapi perhitungan yang lebih penting mengapa MPSI sepatut-

nya dijadikan maktab perguruan utama adalah hakikat bahawa ia mempunyai sejarah yang mulia. Bangunannya juga luarbiasa kerana mempunyai senibina yang tersendiri, berbeza dengan banyak bangunan baru yang menjadi maktab perguruan. Oleh yang demikian ia tidak koman. Di negara-negara Barat dan banyak juga negara-negara Asia, bangunan lama mempunyai nilai yang tinggi dan tidak biasa diganti dengan bangunan moden yang tidak mempunyai *character*.

Tradisi memang mustahak kepada satu-satu negara. Melalui tradisi keperibadian sesebuah negara dapat ditonjolkan. Tradisi juga sebahagian daripada kebudayaan; dia adalah kepunyaan kita diri sendiri. Di MPSI banyak dapat diperlihatkan jika sekiranya ada percubaan serius untuk menghidupkan balik suasana yang bersejarah itu. Kita dapat menunjukkan bukan hanya buku, majalah, alat dan barang yang bersejarah bahkan juga, misalnya, bilik yang biasa digunakan oleh Abdul Hadi bin Haji Hassan, rumah yang didiami oleh Za'ba asrama di mana Harun Aminur-rashid biasa memberi ceramah.

Memang tidak salah jika sekiranya sebahagian bangunan lama itu digunakan sebagai muzium tetapi hanya sebahagian kerana MPSI masih hidup, masih berfungsi tetapi adalah bertentangan dengan hasrat kita mahu memelihara warisan kita kalau maktab itu diturunkan pangkat sehingga menjadi sebuah maktab perguruan yang tidak lagi ada *prestige* berbanding dengan maktab-maktab lain yang sama sekali tidak mempunyai sejarah yang semulia.

Oleh kerana MPSI sekarang dianggap tidak begitu penting maka tiada usaha juga untuk menjaga atau memperbaiki bangunannya; tiada juga usaha untuk mempamerkan kemasyhuran guru dan pelajar yang pernah berada di maktab itu. Tidak juga ada galakan untuk penuntut-penuntut maktab perguruan melawat institusi ini tiap-tiap tahun supaya mereka dapat melihat dan merasa keadaan maktab yang bersejarah ini.

Di Cambridge, England, walaupun pembangunan tetap berlaku bahagian lama Cambridge, kebanyakannya terdiri daripada

bangunan-bangunan universiti, sememangnya dipelihara. Orang Malaysia masih dapat melihat di manakah Tunku Abdul Rahman pernah belajar, dari pintu gerbang manakah beliau biasa keluar sebelah malam dan bagaimana beliau dapat memasuki asrama pada lewat malam walaupun pintu gerbang telah ditutup.

MPSI adalah sebuah maktab yang dahulu memberi keutamaan kepada pengajian kemanusiaan kerana guru-guru yang mendapat latihan di situ pada dasarnya dikehendaki menyebarkan pengetahuan tentang sejarah, kesusastraan dan kesenian Melayu. Sebenarnya tidaklah keterlaluan jika sekiranya dikatakan bahawa melalui MPSI persuratan Melayu lama dihidupkan kembali sehingga masyarakat tidak melupakan tulisan-tulisan lama seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Abdullah*. Munsyi Abdullah sendiri menjadi termasyhur di kalangan generasi moden kerana perhatian diberi kepada tulisan-tulisannya di maktab dan justeru itu di sekolah.

Usaha untuk mengeluarkan buku-buku teks secara sistematis adalah salah satu fungsi MPSI yang sangat penting. Maka bukan hanya buku-buku sastera dan bahasa sahaja yang dikeluarkan oleh tenaga pengajar di MPSI bahkan buku sejarah juga. Siri buku *Sejarah Alam Melayu* yang dimulakan oleh Abdul Hadi dan kemudian disambung oleh Buyong Adil tetap digunakan di sekolah-sekolah Melayu sehingga sukatan pelajaran baru digubal untuk zaman kemerdekaan. Buku Abdul Hadi itu sesungguhnya sangat penting kerana ia merupakan sejarah 'kebangsaan' yang ditulis buat kali pertamanya dalam bahasa Melayu dan banyak memberi kesedaran kepada orang Melayu tentang asal usul dan perkembangan masyarakat Melayu. Dari buku itulah terdapat juga kesedaran perpaduan umat Melayu dan itu memberi kesan penting kepada perjuangan kebangsaan. Sedikit sebanyak pertanggapan Ibrahim Haji Yaacob tentang 'Melayu Raya' diilhamkan juga oleh buku *Sejarah Alam Melayu*.

Kecenderungan zaman sekarang ialah untuk menempatkan segala-galanya di Kuala Lumpur pada hal kadang-kadang Kuala Lumpur tidak mempunyai tradisi yang sesuai untuk men-

jadi pusat satu-satu kegiatan dan Kuala Lumpur juga terlampaui sibuk dengan berbagai jenis hiburan; akibatnya amat sukar *esprit de corps* diwujudkan di kalangan para pelajar sesebuah institusi. Kuala Lumpur semakin jelas mirip kepada bandaraya di negara-negara Barat dengan sistem nilai yang bukan hanya materialistik tetapi individualistik. Keadaan di Kuala Lumpur membenarkan mereka mengikut jalan yang tersendiri. Suasana di bandar seperti Tanjung Malim lebih tenang dan tenteraman, tidak banyak *distraction*. Para pelajar akan lebih rela melibatkan diri dalam berbagai jenis kegiatan luar kurikula.

Walau bagaimanapun sebab utama mengapa MPSI sepatutnya dijadikan maktab perguruan utama adalah supaya tradisinya dapat dipelihara dan dengan adanya maktab itu bersama-sama sejarah dan tradisinya dapat memberi kesedaran kepada generasi pelajar zaman sekarang (sama ada bakal guru ataupun murid sekolah) bahawa negara ini mempunyai akar umbi yang kukuh. Inilah salah satu cara untuk mewujudkan semangat kebangsaan. Semangat kebangsaan hanya akan timbul jika sekiranya setiap generasi disedarkan bahawa negara mempunyai tradisi dan sejarah yang dapat dibanggakan. Mereka tidak akan merasa bangga dengan masyarakat yang pada dasarnya merupakan masyarakat tiruan — tiada sesuatu yang dapat dikatakan "Kita punya" atau sekurang-kurangnya mereka dapat merasa bahawa kalau orang lain ada maka kita sendiripun ada.

Manusia memerlukan simbol untuk menjadi objek kesetiaan dalam pengertian yang lebih luas. Oleh sebab itulah sejarah tidak boleh dikorbankan. Sejarah bukan hanya untuk dihafal kerana mahu lulus peperiksaan. Sejarah adalah hakikat. Maksudnya, masyarakat kita muncul, walaupun melalui suatu proses evolusi, daripada satu-satu punca yang tertentu. Dalam berbagai aspek kehidupan zaman sekarang, sememangnya ada punca-punca yang dimaksudkan itu. Kalau warisan kita tidak dipelihara maka generasi moden akan terapung-apung tanpa haluan yang tertentu, tiada kekuatan jiwa maka tiada keupayaan untuk menerima cabaran hidup yang sangat kompleks itu.

Status Guru Zaman Sekarang

Prof. Khoo Kay Kim

Satu kritikan yang biasa dikemukakan tentang guru zaman sekarang ialah mereka kurang berdedikasi. Secara umum kritikan itu berasas juga. Banyak sebab dapat diberikan mengapa keadaan itu boleh timbul. Pertama, murid-murid terlampau ramai. Di kebanyakan sekolah khususnya sekolah-sekolah di bandar, dalam setiap darjah atau tingkatan terdapat lebih kurang 50 orang murid. Guru-guru tidak berdaya memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap orang murid. Kedua, perkhidmatan perguruan tidak memuaskan. Guru merasa terbiar. Sama ada pihak berkuasa ataupun komuniti umumnya tidak mengambil berat tentang masalah guru.

Sebab-sebab yang tersebut di atas memang ada kebenarannya. Ini semua ada kaitannya dengan persepsi masyarakat tentang kedudukan guru. Kalau diperhatikan keadaan yang wujud sebelum keperdekaan akan ternampak adanya perbezaan yang besar pada umumnya. Sesungguhnya pada waktu dahulu pun ada keadaan yang berbeza-beza di antara guru-guru di sekolah aliran Inggeris dengan para guru di sekolah vernakular. Ini juga melahirkan sikap yang berlainan. Oleh yang demikian, dahulu, yang lebih banyak bersungut adalah guru sekolah vernakular.

Terutama sekali gaji yang diberikan kepada guru sekolah Inggeris jauh lebih tinggi; perbezaan adalah sampai lebih kurang \$40 sebulan. Maka gaya hidup guru sekolah Inggeris dengan guru sekolah vernakular juga tidak sama. Guru sekolah Inggeris, kebanyakannya di bandar-bandar, lebih mampu mendapatkan berbagai kemudahan dan keperluan bahkan ada berlebihan daripada gaji mereka untuk hidup dengan agak mewah.

Tidak menghairankanlah, guru-guru Inggeris merasa agak puashati; mereka tidak terlibat dalam perjuangan politik bahkan mereka bersikap setia kepada pihak pemerintah dan tidak bertujuan mengubah *status quo*. Guru-guru sekolah vernakular sememangnya giat dalam politik. Perjuangan dalam masyarakat Melayu banyak melibatkan para guru dan sekolah Cina merupakan pusat bagi menyibarkan ideologi ekstrimis. Mereka kurang puashati dengan *establishment* kerana tidak diberi layanan yang memadai.

Guru pada zaman dahulu juga tidak banyak pilihan. Bagi mereka yang berjaya dalam pelajaran sama ada di sekolah Inggeris atau sekolah vernakular, pekerjaan yang agak terbuka kepada mereka ialah perguruan. Amat kecil bilangan yang mampu melanjutkan pelajaran ke peringkat *tertiary*. Dalam setiap komuniti atau bandar hanya terdapat beberapa orang doktor atau peguam bahkan di bandar-bandar yang lebih kecil peguam pun tidak ada. Jawatan-jawatan yang lebih tinggi sama ada di sektor awam atau swasta dipegang oleh orang Eropah. Oleh yang demikian seseorang guru lazim berkhidmat selama 20 tahun lebih dan biasanya di dalam sebuah sekolah sahaja.

Dalam keadaan itu seseorang guru itu bukan hanya terikat kepada sesebuah sekolah tetapi dikenali oleh komuniti dan dihormatinya sebab para guru adalah di antara golongan kecil yang dapat dianggap terpelajar. Yang lebih tinggi daripada guru dari segi *status* tidak ramai; biasanya kelas atasan terdiri daripada pembesar-pembesar bergelar, pegawai-pegawai Barat, dan golongan ikhtisas (doktor atau peguam). Keseluruhannya masyarakat dapat dikatakan sederhana; bilangan penduduk di

satu-satu tempat tidak begitu ramai; mereka saling berkenalan dan tidak sukar untuk menjalankan satu-satu kegiatan.

Selepas merdeka, keadaan masyarakat telah berubah dengan kadar yang amat pesat. Hampir semua jawatan penting terutamanya dalam sektor awam diambil alih oleh orang tempatan. Peluang pelajaran diberi kepada bilangan yang semakin bertambah. Universiti Malaya yang diasaskan pada tahun 1949 mula melahirkan para siswazah dengan semakin ramai sejak dari waktu menjelang kemerdekaan.

Saya masih ingat ketika saya mula-mula mengajar di sekolah setelah lulus dari universiti pada awal tahun 1960; kehadiran saya di sekolah itu kurang disambut baik oleh generasi guru yang agak tua kerana, walaupun saya masih muda, gaji saya lebih tinggi daripada gaji mereka kecuali kalau mereka adalah kelulusan Raffles College. Tidak dapat disangka keadaan itu berlaku juga di sekolah-sekolah lain di mana guru siswazah mula bertambah ramai.

Tetapi guru siswazah sendiri mendapati bahawa kedudukannya dalam komuniti walaupun lebih baik daripada guru-guru yang lebih rendah kelayakannya tidak pula begitu baik berbanding dengan mereka yang berkhidmat dalam jabatan-jabatan kerajaan, terutamanya yang ada hubungan erat dengan komuniti seluruhnya. Misalnya, pembantu teknik dalam Jabatan Kerja Raja atau Inspektor Polis dianggap lebih penting oleh masyarakat daripada guru siswazah, justeru itu lebih dihormati. Begitu juga doktor dan peguam yang lebih ramai bilangannya selepas merdeka.

Dengan secara otomatis, tetapi secara tidak formal, masyarakat mula menentukan semula struktur sosial; ini semcmangnya berlaku di peringkat tempatan. Status yang diberikan kepada guru, berbanding dengan zaman sebelum merdeka, adalah rendah — maksudnya lebih rendah daripada banyak ikhtisas bahkan lebih rendah daripada golongan peniaga yang semakin mewah kerana merdeka membawa pembangunan yang pesat dan

mereka berkesempatan (misalnya, para kontraktor) menikmati hasil proses pembangunan itu.

Zaman selepas merdeka juga menyaksikan munculnya suatu golongan baru yang memang disanjung tinggi oleh masyarakat — ahli politik; bukan hanya para ‘Yang Berhormat’ yang berpengaruh tetapi juga mereka yang memegang jawatan dalam parti politik di satu-satu peringkat. Tidaklah keterlaluan jika sekiranya dikatakan selepas merdeka status guru telah jatuh sekurang-kurangnya empat atau lima tangga.

Keadaan baru kelihatan jelas mengecewakan guru. Selain daripada itu, guru zaman sekarang, terutamanya guru siswazah, mempunyai banyak pilihan. Apabila mereka merasa kurang puas hati mereka akan memohon pekerjaan lain. Kalau ditinjau sama ada di sektor awam atau swasta masa sekarang memang ramai pegawai dan eksekutif yang merupakan bekas-guru.

Mobiliti yang ada pada guru zaman sekarang tidak semestinya negatif. Kemerdekaan memang bertujuan memberi peluang kepada orang Malaysia yang berkebolehan dan berkelayakan untuk memainkan peranan yang besar dan berkesan dalam menjalankan pentadbiran dan sistem ekonomi negara. Tetapi di samping itu kesan-kesan ke atas sekolah tidaklah begitu baik.

Kerana status guru begitu rendah sekarang dan keadaan di sekolah tidak begitu menggalakkan guru-guru menjalankan tugas dengan penuh dedikasi, guru, kalaupun mereka tidak mencari kerja lain, akan cuba memberi perhatian kepada punca-punca lain yang dapat mendatangkan pendapatan tambahan. Di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, ini sudah menjadi suatu keperluan kerana dengan gaji yang begitu kecil (kalau mereka hanya berkelulusan maktab) mereka merasa amat sukar hidup walaupun secara sederhana sahaja. Membeli rumah, misalnya, tak mampu, hendak menyewa lebih berat lagi dan kalau isteri tidak bekerja, keadaan mereka sungguh malang.

Walaupun umum kurang menyedari bahawa peranan guru dalam proses sosialisasi pemuda-pemudi amat penting, hakikatnya kemerosotan *morale* para guru adalah satu perkembangan

yang terlampau serius. Kita dapat melihat keadaan generasi muda sekarang seolah-olah tidak mempunyai haluan tertentu dalam kehidupan mereka. Penagih dadah di kalangan mereka hanyalah masalah tunggal; itupun sudah cukup menakutkan kerana bilangannya terlalu besar. Mungkinkah pihak yang berkuasa akan mulai memberi perhatian yang lebih berat kepada masalah guru dengan tujuan mewujudkan keadaan di mana guru akan mendapat dorongan untuk bekerja dengan lebih berdedikasi sebagaimana guru sebelum Perang Dunia II?

Menjinakkan Murid-Murid Sekolah

Prof. Khoo Kay Kim

Dari semasa ke semasa kita membaca dalam akhbar tentang kes di mana guru dituduh melakukan kekejaman terhadap murid sekolah. Tetapi kita jarang membaca tentang perbuatan murid di sekolah yang kadang-kadang amat dahsyat seperti membakar meja di bilik darjah, memukul guru dan mencabar kewibawaan sekolah. Misalnya, baru-baru ini di sebuah sekolah di Petaling Jaya, bila seorang murid diminta mematuhi peraturan sekolah menjawab bahawa dia hanya menerima perintah daripada ibunya saja.

Kewibawaan sekolah dengan beransur-ansur telah menjadi suatu konsep/fahaman yang sama sekali tidak mempunyai makna lagi. Siapa sebenarnya yang *berkuasa* di sebuah sekolah? Penge-tua dan para guru atau ibubapa? Nampak seolah-olah, pada zaman sekarang, ibubapa lebih berkuasa dan oleh kerana ibubapa tidak biasa berada di sekolah maka 'wakil' mereka adalah anak-anak mereka atau murid-murid sekolah.

Tentu ada ramai yang tidak bersetuju dengan pendapat saya ini terutama sekali ibubapa (setengah-setengahnya merupakan guru juga); tetapi saya cukup yakin kebanyakan guru sendiri, kerana ada pengalaman secara langsung, dapat mengakui bahawa apa yang saya sebutkan itu adalah benar. Bahkan seorang penge-tua sekolah baru-baru ini kerana begitu kecewa dengan keadaan

yang wujud masa sekarang, dalam ucapannya dalam satu jamuan makan malam, meminta sama ada saya dapat memberikan *formula* kepadanya bagaimana beliau dapat mengatasi masalah yang semakin rumit itu.

Kita sering kali mendengar tentang masalah belia di negara ini terutamanya masalah dadah yang telah diakui oleh kerajaan satu masalah yang sungguh merbahaya. Tetapi dadah bukan masalah yang wujud dalam keadaan terpencil – bukan masalah pengedar dan pengguna saja. Dadah itu suatu penyakit sosial; ia bermula daripada rumah dan sekolah iaitu dua alam sekitar yang berkaitan rapat dengan proses sosialisasi pemuda-pemudi satu-satu masyarakat.

Ibubapa seharusnya membuat keputusan sama ada perlu atau tidak untuk anak-anak mereka pergi ke sekolah. Kalau tidak perlu, lebih baik anak-anak mereka dikeluarkan daripada sekolah dan biarlah ibubapa sendiri mencari ikhtiar mendidik anak mereka. Kalau perlu, mereka seharusnya menaruh kepercayaan kepada sekolah dan sebalah bukan tempat di mana ibubapa diberi tauliah untuk mengeluarkan perintah.

Dengan susah payah guru diberi latihan. Itu bererti mereka lebih memahami selok belok pendidikan berbanding dengan orang kebanyakan yang bukan terlatih dalam jurusan pendidikan. Tetapi itu bukan andaian yang diterima oleh sebilangan ibubapa. Kadangkala kerana ibubapa berpangkat tinggi maka mereka menggunakan kedudukan mereka untuk menundukkan para guru. Itu menjadi satu halangan besar kepada guru yang mahu memainkan peranan mereka secara berkesan.

Nampaknya tidak terlintas dalam pemikiran ibubapa bahawa disiplin di sekolah amat penting. Kanak-kanak harus dilatih supaya berdisiplin kerana kesedaran tentang disiplin bukan sesuatu yang jatuh dari langit. Ibubapa yang menyokong anak-anak mereka untuk mencabar kewibawaan sekolah akan memberi suatu perspektif kepada anak-anak mereka bahawa di mananya mereka berada hak individu mengatasi kepentingan masyarakat keseluruhannya.

Memang ada para pendidik (pakar-pakar ilmu pendidikan) yang juga berkecenderungan menyalahkan para guru. Kononnya guru tidak tahu menjalankan fungsi mereka atau guru tidak memahami aspirasi murid-murid. Yang anehnya ramai daripada golongan ini bukanlah orang yang sanggup mengajar di sekolah atau dapat memberi demonstrasi secara konkret bagaimana seorang guru seharusnya mengendalikan kelasnya.

Hanya guru mengetahui bahawa di setiap sekolah terdapat lebih kurang dua jenis murid – satu banyak memberi tumpuan kepada pelajaran mereka dengan tujuan mahu berjaya dalam peperiksaan SRP, SPM dan STPM; satu lagi kurang berminat dalam pelajaran mereka. Di antara golongan kedua itu ada yang tidak banyak menimbulkan masalah disiplin dan ada yang sungguh *destructive*. Malangnya, di kalangan murid-murid sekolah terdapat sistem nilai yang sangat negatif. Murid-murid yang dianggap *hero* adalah mereka yang berani mencabar kewibawaan guru.

Dalam keadaan di mana murid-murid sengaja mencabar kewibawaan guru dan sekolah siapakah sebenarnya yang bertanggungjawab menjamin supaya kewibawaan sekolah akan terpelihara? Ini tidak jelas sehingga ramai pengetua sekolah berpendapat bahawa lebih baik menutup mata saja kalau ada masalah disiplin. Kesannya dapat dilihat dalam masyarakat umumnya.

Bukan dadah saja yang merupakan penyakit sosial. Di banyak pejabat para pekerja amat sukar dikawal. Sikap mereka adalah 'Apa engkau boleh buat?' Dan sikap ini sebenarnya telah tertanam waktu mereka masih di sekolah. Tetapi kestabilan dalam sesebuah masyarakat tidak mungkin dapat diwujudkan kalau anggota-anggota di dalam masyarakat tersebut mempunyai sikap anarkis. Sememangnya ada perbezaan di antara demokrasi dengan anarkisme. Demokrasi bukan hanya menitikberatkan kebangsaan individu tetapi di samping itu tanggungjawab individu kepada masyarakat. Di antara kebebasan atau hak individu dengan kepentingan masyarakat umum, seharusnya keutamaan diberi kepada kepentingan umum. Faham anarkis menekankan

bahawa manusia sepatutnya diberi kebebasan tanpa batasan bahkan institusi kerajaan pun tidak perlu diadakan.

Untuk menjamin kestabilan masyarakat dan di samping itu kepentingan individu, undang-undang dan peraturan-peraturan mesti dipatuhi. Pemain bola sepak yang memukul pengadil, misalnya, tidak boleh dimaafkan. Kalau pengadil membuat kesilapan atau melakukan kecurangan bukan terpulang kepada para pemain untuk mendisiplinkannya.

Begitu juga di sekolah – disiplin sekolah adalah tanggung-jawab pengetua dan para guru. Disiplin pengetua dan para guru adalah tanggungjawab Jabatan dan Kementerian Pelajaran *bukan* tanggungjawab ibubapa; lebih-lebih lagi bukan tanggung-jawab anak-anak mereka yang belajar di sekolah. Murid-murid zaman sekarang memang pandai menggunakan perkataan ‘ke-adilan’. Tetapi tafsiran ‘keadilan’ bukan terserah kepada mereka.

Masyarakat semestinya mempunyai *order* yang tertentu bahkan di masyarakat komunis sendiri *order* sangat diutamakan walaupun pihak komunis yang paling cepat menyebut tentang masyarakat tanpa kelas. Dalam konteks sekolah, kemerosotan kewibawaan pengetua dan para guru telah melahirkan suatu golongan pemuda-pemudi yang tidak biasa patuh kepada peraturan dan jika sekiranya keadaan ini dibiarkan berlanjutan, retakan akan cepat berlaku pada struktur masyarakat; ini seterusnya akan memberi kesan buruk kepada keadaan ekonomi. Dan jika sekiranya keadaan ekonomi merosot maka keadaan sosial pula akan menjadi kucar-kacir.

Ramai orang sedar bahawa bahaya yang dihadapi oleh masyarakat sekarang ialah keruntuhan *order* kerana anggota-anggota masyarakat kurang berdisiplin dan tidak sanggup mematuhi peraturan dan undang-undang. Tetapi tidak ramai yang menyedari bahawa keadaan itu hanya dapat dibetulkan jika sekiranya kewibawaan sekolah dapat dipulihkan kembali. Setakat ini tidak nampak ada langkah-langkah tegas diambil untuk menjamin supaya murid-murid sekolah diberi pengajaran yang berkesan tentang akhlak dan tatatertib. Sivik bukan hanya

perlu diajarkan; ia mesti dipraktikkan. Tetapi siapa yang menjamin bahawa sivilik yang diajarkan itu juga dipraktikkan di sekolah sekarang?

Pelajar Jurutera Tercicir

Alias Mohamed

Universiti Malaya sudah lama terkenal dengan pelbagai macam isu di mana hampir semua masalah pelajaran Melayu dan bidang-bidang profesional dalam dan luar kerajaan boleh dikatakan tertumpu di universiti itu. Ini tidak dapat dielakkan. Universiti Malaya ialah universiti tertua di negara ini. Statusnya adalah setanding dengan mana-mana jua universiti yang terkenal di seluruh dunia.

Siswazah-siswazahnya telah sampai ke Oxford, Cambridge, Harvard, Stanford, Cornell dan sebagainya. Dan buat pertama kalinya negara mempunyai seorang Perdana Menteri yang mendapat didikan dalam negeri. Kerana adanya Universiti Malayalah maka adanya Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian, Universiti Sains dan Universiti Teknologi. Sekarang Universiti Islam pula.

Tetapi Universiti Malaya juga adalah sebuah universiti yang kontroversial. Beberapa banyak masalah bahasa, masalah pelajaran Melayu, masalah ekonomi dan masalah perhubungan kaum telah tertumpu di universiti ini kerana isu-isu yang melibatkan dasar negara.

Malah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa salah satu dari masalah besar dalam negara iaitu pergolakan politik 13 Mei 1969 sedikit sebanyak mempunyai tempat bertolaknya di Universiti

Malaya. Jika tidak ada cendikiawan Melayu di tanahair mereka sendiri, maka tidak akan ada pentadbiran yang diwarisi oleh Allahyarham Tun Razak.

Jika ada orang berkata tidak akan ada Dr. Mahathir Mohamad di puncak kuasa pada hari ini jika tidak kerana pergolakan itu yang dibantu oleh para pemikir di Universiti Malaya, yang sekarang ini menjadi pemimpin-pemimpin politik, seperti Anwar Ibrahim, dan beberapa orang lagi yang menjadi Menteri dan Timbalan Menteri, dan juga pemimpin-pemimpin beberapa buah universiti dalam negeri, kita tidak bersedia untuk menafikkannya.

Sesungguhnya tidak semua yang kontroversial itu tidak baik kerana satu-satu masyarakat boleh matang dalam keadaan kontroversi jika orang-orang yang menolong mewujudkan kontroversi itu boleh mengawal keadaan. Banyak pelajaran yang boleh dipelajari dari satu-satu keadaan yang bergelodak. Masalah pelajar-pelajar Melayu yang ramai gagal di bidang kejuruteraan di Universiti Malaya adalah satu contoh yang baik.

Sungguhpun, seperti yang dikatakan, ini bukan kali pertama isu pelajar di universiti itu meledak, cara-cara penyelesaian harus berkesan dan lancar. Ia harus dilakukan dengan deras.

Angka-angka menunjukkan sejak 25 tahun yang lampau Universiti Malaya hanya mampu mengeluarkan 81 orang jurutera bumiputera dari lebih dari seribu orang. Demikian juga, angka jurutera bumiputera yang berdaftar hanya lebih kurang 10 peratus berbanding dengan angka selebihnya dari kaum bukan bumiputera.

Dalam kesibukan angka ini, Universiti Kebangsaan pula mengeluarkan cadangan untuk melatih pelajar bumiputera dalam bidang kejuruteraan di Universiti itu "kalau kami diberi kepercayaan".

Soal yang penting adalah banyak. Pertama adakah pihak Universiti Malaya belum lagi mewujudkan satu cadangan komprehensif mengenai cara-cara yang paling berkesan sekali untuk me-

ramaikan bilangan pelajar Melayu di fakulti kejuruteraan, sesudah sekian kali universiti berkenaan ditimpa 'bom' demi 'bom' pelajaran?

Kedua adakah Kementerian Pelajaran cukup puas hati dengan adanya seorang dua bumiputera yang memimpin fakulti tersebut? Adakah patut alasan pelajar Melayu tidak gemar kepada ilmu hisab itu dikemukakan? Adakah tidak mungkin akan berlaku kelalaian ke atas pihak-pihak yang dikatakan bertanggungjawab memimpin fakulti tersebut sehingga mereka tidak lagi dapat mengikuti perkembangan kemajuan pelajar-pelajar Melayu di fakulti berkenaan?

Sudahkah satu perbandingan dibuat antara pelajar-pelajar Melayu di fakulti itu dengan pelajar-pelajar Melayu yang memasuki bidang kejuruteraan (awam, elektrik dan sebagainya) di universiti-universiti luar negeri? Jika pelajar Melayu yang pergi ke Australia, Amerika, Britain, Kanada dan lain-lain boleh lulus apakah sebabnya mereka tidak boleh lulus di Universiti Malaya?

Cadangan Prof. Awang Had Salleh untuk melatih pelajar-pelajar Melayu dalam bidang kejuruteraan di UKM haruslah mempunyai konotasi yang penting yang terbit dari kegagalan pelajar-pelajar Melayu di Universiti Malaya itu.

Jika kita dapat membuat natijah dari beberapa pertanyaan di atas, maka tidakkah perlu Kementerian Pelajaran masuk campur dalam kontroversi kegagalan pelajar-pelajar Melayu itu dan bertindak serta-merta untuk membuang segala 'akar-akar' yang berlingkar-lingkar di sekeliling kontroversi ini? Ini bukan masanya anak-anak Melayu menjadi 'guinea pigs' lagi.

Barangkali tindakan membuang 'rumput-rampai' yang tidak dikehendaki di fakulti kejuruteraan di Universiti Malaya itu adalah salah satu dari cara-caranya. Manakala satu lagi cara yang paling baik ialah memperbesarkan peruntukan biasiswa supaya lebih ramai anak Melayu boleh melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan di luar negeri.

Adalah tidak bijaksana bagi para ahli akademik untuk me-

nunggu tindakan dari cawangan dan bahagian UMNO atau menanti sesuatu yang konkrit dari Rumah Persekutuan untuk membetulkan kesilapan yang berlaku dalam bilik tidur sendiri.

Puluhan ribu anak Melayu pernah menjadi mangsa akibat tindakan 'adhocism' seperti ini.

Pameran Buku

Prof. Khoo Kay Kim

Pameran buku yang baru-baru ini diadakan di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Malaya, mencapai kejayaan yang banyak memberi kepuasan hati kepada mereka yang ingin melihat masyarakat Malaysia berkembang sehingga menjadi masyarakat yang terdidik. Beribu-ribu orang membanjiri Dewan Tuanku Canselor selama beberapa hari. Ramai juga yang datang dari luar Kuala Lumpur. Yang mustahaknya, mengikut pihak penerbit buku, mereka bukan hanya melihat tetapi juga memberi buku.

Dalam masa pameran buku itu banyak juga telah dibincangkan tentang kurangnya kegemaran membaca di kalangan orang Malaysia. Sebenarnya Malaysia bukan tidak biasa membaca. Memandangkan begitu banyak majalah diterbitkan setiap bulan dan purata dikatakan bahawa setiap majalah (terutamanya dalam bahasa Malaysia) dapat dijual sebanyak 20,000 naskah maka tidaklah keterlaluan jika sekiranya dikatakan bahawa ramai juga orang Malaysia yang suka membaca.

Yang menjadi soal ialah apakah bahan-bahan yang lebih digemari oleh para pembaca di negara ini. Sekali lagi berdasarkan majalah-majalah yang diterbitkan setiap bulan jelas bahawa bahan-bahan ringan yang lebih biasa dibaca; di antara yang paling popular, misalnya, ialah majalah hiburan. Majalah-majalah

seperti ini biasanya menyiaran gambar-gambar bintang filem serta penyanyi pop.

Penyanyi pop zaman sekarang memang bernasib baik berbanding dengan mereka yang popular pada lewat 1940-an ataupun 1960-an. Bayaran kepada penyanyi yang lebih popular sekarang cukup tinggi untuk membolahkan mereka hidup dengan agak mewah. Umum mengetahui tentang Sudirman, seorang peguam, yang lebih suka hidup sebagai penyanyi daripada peguam.

Dalam keadaan yang seperti ini memang tidak ramai orang yang sedia membaca buku-buku yang serius. Majalah yang serius, misalnya, hanya dapat dijual lebih kurang 3,000 naskah setiap kali diterbitkan, itupun jika sekiranya dapat diedarkan kepada sekolah. Maka orang perseorangan yang sanggup membeli majalah serius sebenarnya tidak ramai. Buku atau majalah serius lebih biasa dibeli untuk perpustakaan.

Tetapi bukan semua perpustakaan sekolah yang mempunyai buku atau majalah yang kemaskini. Di setengah-setengah sekolah di Kuala Lumpur atau Petaling Jaya, buku-buku yang terbaru ada di dalam perpustakaan ialah buku yang dicetak lebih kurang 15 tahun dahulu; ini termasuk sekolah-sekolah yang ada kelas STPM.

Pada masa sekarang, para pelajar di sekolah kurang digalakan membaca buku, selain daripada buku teks. Oleh yang demikian mereka yang dianggap penuntut yang berkaliun biasanya tidak mempunyai pengetahuan yang luas. Kerana mereka hanya memberi perhatian kepada peperiksaan maka hanya ilmu yang diperlukan untuk peperiksaan diberi keutamaan. Apabila mereka sampai ke universiti, mereka sebenarnya belum dapat menyesuaikan diri dengan kehendak-kehendak universiti. Umpamanya, mereka tidak tahu ke mana mereka seharusnya pergi untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang tertentu.

Untuk penuntut-penuntut sedemikian, mereka banyak bergantung kepada kuliah. Segala-gala yang disebutkan oleh pensyarah dianggap sebagai kebenaran. Tiada percubaan dibuat untuk menimbangkan satu-satu pendapat secara kritis. Dan

jika sekiranya pensyarah tidak menyebutkan nama buku atau majalah yang seharusnya dibaca maka mereka akan putus asa dan tidak mempunyai hasrat untuk mendalami satu-satu cabang ilmu.

Kempen untuk menggalakkan masyarakat membaca tidak sepertutnya dilancarkan di kalangan orang dewasa. Bukan dimaksudkan kempen di kalangan orang dewasa sama sekali tidak berkesan; tetapi keberkesanannya akan lebih terjamin jika sekiranya kempen itu dilancarkan di kalangan murid-murid sekolah.

Pada masa pameran buku memang ada guru yang membawa murid-murid mereka ke Dewan Tuanku Canselor tetapi bilangan mereka tidaklah begitu ramai. Kegiatan-kegiatan di sekolah masa sekarang tidaklah begitu membina. Itu timbul daripada pemikiran pihak-pihak tertentu tentang pengertian pendidikan.

Memang tidak dapat dinafikan hanya mereka yang terdidik yang biasanya merasa perlu membaca buku kerana mereka sentiasa dahagakan ilmu. Maka bila mereka melibatkan diri dalam satu-satu jenis kegiatan, termasuk sukan, mereka akan mencari fahaman yang lebih mendalam. Mereka yang kurang terdidik cepat merasa puas hati. Bagi mereka segala-galanya begitu sederhana sahaja.

Ramai orang, misalnya, berpendapat bahawa sejarah itu bukan ilmu yang penting. Persepsi dan fahaman mereka tergantung kepada sejarah yang pernah mereka pelajari masa di sekolah. Tidak terlintas dalam pemikiran mereka bahawa mempelajari sejarah sehingga SRP ataupun SPM sahaja tidak mungkin memadai untuk mereka memahami pengertian sejarah. Mereka yang terdidik akan menyiasat, mungkin membuat penyelidikan, sebelum mereka membuat kesimpulan.

Malaysia jelas belum lagi mempunyai tradisi intelektualisme yang kuat. Terutama sekali, Malaysia adalah masyarakat yang berkembang kerana ia berfungsi sebagai pusat perdagangan. Ertinya dari awal-awal lagi mereka yang berada di sini lebih mengutamakan perdagangan — mengejar kemewahan material. Sehingga sekarang bila orang mempunyai masa kelapangan

mereka berkumpul untuk berbual-bual tentang *business*. Topik perbualan jarang sekali melampaui bidang perniagaan dan perdagangan.

Untuk mengubah tendensi itu tumpuan di sekolah seharusnya melebihi kehendak-kehendak peperiksaan sahaja. Murid-murid perlu diberi suatu perspektif yang lebih luas tentang kehidupan. Pameran buku seperti diadakan baru-baru ini memang suatu strategi yang baik dan jika sekiranya diperluaskan skopnya tiap-tiap tahun boleh menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat umum tentang kepentingan membaca, iaitu membaca bahan-bahan yang lebih serius supaya mereka dapat membuat penilaian yang lebih *sophisticated* dan kritis tentang segala-gala yang berlaku di sekeliling mereka.

Kempen Anti Kerajaan Di Luar Negeri

Alias Mohamed

SOALAN-soalan yang selalu ditimbulkan oleh pelajar-pelajar kita di luar negeri adalah sensitive. Jika hujah-hujah dan tuduhan mereka dibiarkan, maka keadaan yang akan kita dapati di negara kita seharusnya adalah satu keadaan 'reverse' yang wujud kerana persesuaianya dengan teguran-teguran para pelajar tersebut, iaitu yang kucar-kacir, yang tidak sama rata, yang mengulangi zaman 'antecedent' dan perpecahan di kalangan rakyat.

Adalah silap bagi pelajar-pelajar itu menganggap bahawa dengan menjayakan DEB, hak istimewa orang Melayu, Dasar Bahasa dan sebagainya rakyat akan hidup bebas tanpa satu pihak atau kaum mengganggu satu kaum yang lain.

Mereka menggunakan bahan-bahan yang persatuan mereka terima pada setiap masa dari FEUMSO menerusi lidah rasminya FIJAR. FEUMSO ialah sebuah pertubuhan pelajar Malaysia di United Kingdom yang belot dan menderhaka kepada Kerajaan.

Malah ada di antara persatuan pelajar-pelajar Malaysia di Kanada menyiarkan semula bahan-bahan dalam FIJAR dalam akhbar-akhbar atau bulletin persatuan-persatuan tersebut.

Dari masa ke semasa mereka menjelajah ke Kanada dan USA dan berbincang sesama sendiri dalam musim cuti universiti.

Setengah dari bahan-bahan yang digunakan untuk menuduh dan mengcam Kerajaan itu adalah yang dikirim dari parti-parti

pembangkang atau yang disebarluaskan oleh penyokong mereka di kampus-kampus universiti di luar negeri.

Kitapun tahu dari masa ke semasa pelajar-pelajar terdedah kepada perbincangan-perbincangan "akademik" mengenai falsafah dan konsep sama rata atau equality yang diadakan di bilik-bilik seminar universiti.

Biasanya bahan-bahan yang dihidangkan itu adalah dari keskes yang isolated, yang berupa 'exception' dari 'a rule'. Kesemuanya menjadikan bahan-bahan seperti itu hanya 'a half truth', dan 'a half truth' boleh jadi 'a whole lie'.

Hujah-hujah pelajar juga berdasarkan beberapa buah buku akademik yang melihat sesuatu isu di negara kita dengan kaca-mata "akademik" dan oleh itu sentiasa berselindung di belakang kata-kata "kajian objektif". Padahal yang objektif dan akademik itu tidak selalunya harus berpunca dari kajian-kajian yang melihat sesuatu masalah dari teropong pengkaji bukan Melayu, dan kajian yang melihat masalah dalam negara dengan aspirasi orang Melayu itu tidak akademik dan objektif. ✓

Akademik dan objektiviti bukan saja relatif, tetapi juga abstrak. Orang-orang di negara kulit putih suka melihat sesuatu masalah di negara mereka mengikut ukuran, dan 'pride' orang-orang keturunan kulit putih. Sikap melihat bangsa asli di negara mereka sebagai tidak tertarik kepada kemudahan-kemudahan moden, tidak mempunyai otak yang cergas, tidak sesuai dengan kehidupan kota dan oleh itu harus dipisahkan dari masyarakat terbanyak, menguasai bukan saja bidang akademik tetapi juga dasar-dasar kerajaan mereka, walaupun dengan selindung-selindung.

Dengan mengadakan 'Indian Reserves' kerajaan kulit putih di Kanada dan Australia dengan sendirinya menafikan hak sama rata kepada orang-orang asli di negara mereka. Mereka tidak digalakkan menyertai masyarakat terbanyak kerana kononnya orang-orang asli hanya mempunyai kemampuan untuk menyertai kegiatan moden yang kecil.

Pengkaji-pengkaji kulit putih yang sama menggunakan bahan-

bahan kajian yang wujud di USA, Afrika Selatan, Britain, Australia, Kanada dan Rhodesia (sebelum Zimbabwe) untuk kepentingan keturunan kulit putih atau keturunan-keturunan yang ada hubungan secara langsung dengan mereka, seperti bangsa-bangsa yang memberi sumbangan besar kepada ekonomi mereka di zaman penjajahan.

✓ Di Malaysia teori yang menguasai masyarakat di negara-negara maju diterapkan ke atas orang Melayu.

Perbezaannya ialah di Malaysia orang Melayu merupakan bangsa pribumi atau bumiputera yang bilangan penduduknya mengatasi kaum-kaum lain.

Yang keduanya, kaum-kaum lain berada di Malaysia akibat dasar penjajah Inggeris yang membawa kuli-kuli keturunan Cina dari negeri China untuk bekerja di lombong-lombong bijih dan kuli India di estet-estet getah.

Tidak timbul masalah sama rata pada ketika itu kerana tidak ada orang Cina atau India yang memikirkan mereka ingin menetap di Malaysia. Orang Melayu juga tidak pernah merasa diri mereka tercabar sehingga pada tahun-tahun hampir pecah Perang Pasifik dan sesudah Jepun menyerah kalah di Malaysia.

Yang demikian jika kita ingin patuh dan tunduk kepada fikiran-fikiran yang menuntut mahukan segala-segalanya sama bagi semua kaum — menggunakan semua bahasa sebagai Bahasa Kebangsaan, universiti-universiti yang menggunakan bahasa pengantar keturunan kaum yang ada di negara kita, dan mewujudkan kemudahan dan keistimewaan yang serupa kepada semua kaum, maka kita hendaklah imagine dan mengelamun bahawa tidak pernah ada satu keturunan kaum yang menjadi golongan majoriti di negara ini.

Kita juga hendaklah imagine bahawa di negara ini tidak pernah wujud apa yang digelar sistem politik bumiputera sebelum kuli-kuli Cina dan pekerja estet keturunan India datang ke Malaysia.

Kita juga barangkali terpaksa berkhayal dengan fikiran bahawa di dunia sebelah sini tidak wujud Empayar Melaka di mana

Bahasa Melayu menjadi bahasa perhubungan atau lingua franca yang tunggal.

Yang lebih penting pelajar-pelajar yang menimbulkan masalah sama rata itu hendaklah memikirkan golongan manakah sama rata itu diperjuangkan. Jika mereka memperjuangkan sama rata untuk keturunan kaum mereka, maka mereka hendaklah sedar bahawa ada lagi keturunan kaum-kaum lain yang lebih berhak memperjuangkan sama rata untuk kamu mereka.

Sama rata tidak wujud dalam satu kebudayaan dan filsafat perjuangan satu-satu kaum tertentu sahaja di dunia ini. Sama rata juga bukan milik satu-satu bangsa kerana semata-mata mereka ingin mewujudkan kuasa yang lebih besar bagi kaum mereka.

Adalah silap bagi pelajar untuk menganggap bahawa kerana orang Melayu yang memimpin kerajaan di Malaysia, maka dengan sekilip mata sama rata tidak lagi wujud.

Jika kita ingin memperjuangkan sama rata bagi semua kaum, maka bangsa yang teruk sekali tertindas dan tertekanlah yang harus kita bela. Yang keduanya, jika kita ingin bersifat objektif dan akademik, maka kita hendaklah kembali kepada satu titik waktu di mana satu kaum yang terbesar di negara ini yang memiliki negara ini, tidak pernah menikmati apa yang sekarang pembangkang-pembangkang di Malaysia gelarkan sebagai sama rata dan sama peluang itu.

Bangsa yang teruk sekali tertindas dan tertekan di negara kita ialah orang Melayu. Mereka diiktiraf sebagai bangsa pribumi, tetapi tidak diiktiraf sebagai bangsa yang perlu mengecap dan menikmati apa yang bangsa kulit putih gelarkan sebagai sama rata itu.

Bagi bangsa kulit putih dan bagi setengah-setengah orang di Malaysia dan bagi setengah pelajar di luar negeri, sama rata itu hanya milik dan untuk orang bukan Melayu. Jadi apabila orang Melayu meminta sedikit bahagian mereka dari apa yang digelar sama rata itu, mereka terus dikecam sebagai pilih kasih, memperjuangkan untuk keturunan kaum sendiri dan tidak adil.

Sungguhpun dalam sejarah pimpinan orang Melayu di Malaysia orang bukan Melayu terus dibela dan dijamin, malahan semakin bertambah maju dan kaya berpuluhan kali ganda dari orang Melayu, Kerajaan terus juga dikecam.

Demikian juga jika kita kembali ke satu titik waktu di mana orang Melayu hidup tertekan dan teraniaya, sehingga memberi masalah pula kepada mereka untuk menjalankan dasar-dasar untuk membela nasib kaum mereka sekarang, maka kita akan segera sedar kenapa kerajaan wujudkan dasar-dasar mengenai ekonomi, bahasa dan pelajaran pada hari ini.

Lagipun, semua dasar-dasar ini, anihnya, bukan hasil dari gubalan dan tuntutan orang Melayu sejak zaman berzaman dahulu lagi sahaja, sebaliknya juga hasil dari persetujuan kaum-kaum bukan Melayu sendiri.

Sementara dengan melaksanakan dasar-dasar ini orang Melayu mendapat sedikit bahagian dari hak mereka ke atas negara ini dan, yang mustahak, tanpa mengusik hak yang ada pada kaum-kaum lain, maka tiada sebab mengapa sama rata boleh terjejas.

Sebaliknya keadaan sama rata itu boleh terjejas jika kita membiarkan keadaan rakyat dan masyarakat berada di takuk sebelum titik waktu yang kita katakan itu, atau jika kita mengakui tuduhan dan kecaman pelajar itu benar.

Kerana jika kita membenarkan kecaman-kecaman seperti itu, maka kita terpaksa merombak segala dasar yang ada untuk mewujudkan sama rata dan memadankan serta menyesuaikannya dengan kecaman dan cadangan-cadangan para pengkritik.

Perombakan dasar seumpama ini samalah dengan menidakkannya adanya keadaan tidak sama rata di kalangan rakyat, kalangan keturunan kaum dan kalangan golongan berada dan tidak berada di negara kita selama ini.

Oleh itu apa yang setengah-setengah pelajar cadangkan itu ialah mewujudkan satu keadaan bebas dari kawalan. Mereka mahu wujudkan sebuah universiti yang menggunakan pengantar bahasa Cina mereka inginkan supaya Kerajaan mewujudkan sistem merit

untuk masuk ke universiti-universiti dalam negeri dan untuk memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar di luar negeri.

Mereka mahukan supaya DEB ditiadakan. Mereka mahukan kebebasan bersuara yang benar-benar bebas. Mereka mahukan hak istimewa orang Melayu dihapuskan dan mereka juga berkata pilihanraya di negara kita tidak bebas dan menyeleweng.

Kesemua cadangan-cadangan dan fikiran ini bukan perkara baru. Ia disebut oleh FEUMSO. Ia disebut oleh parti-parti pembangkang di negara kita. Ia sering digambarkan secara "akademik" oleh pengkaji-pengkaji dan wartawan-wartawan asing. Dan ia selalu diperbincangkan oleh pelajar-pelajar.

Tetapi benarkan kata-kata mereka itu? Seperti yang saya katakan, adakah cadangan-cadangan itu berdasarkan falsafah sama rata yang tidak memperhitungkan kaum mana yang memerintah Malaysia? Atau adakah kerana orang Melayu dan bukan parti-parti bukan Melayu yang memimpin Malaysia, maka lantas mereka ingin mengubah apa yang wujud pada hari ini untuk disesuaikan dengan fikiran dan nafsu kaum mereka?

Jika benar anggapan saya, maka ternyata konsep-konsep "keadilan" dan "sama rata" yang saudara perjuangkan itu tidak serupa dengan keinginan mereka yang sebenar.

Jika demikian, bagaimanakah orang Melayu boleh diyakinkan bahawa di bawah pimpinan orang bukan Melayu Malaysia boleh wujud sebagai sebuah negara yang mengamalkan toleransi, keadilan dan sama rata?

Atau bolehkah mereka memberi jaminan bahawa jika diberi peluang pimpinan parti bukan Melayu, bahkan parti Melayu yang lainpun, selain UMNO, akan lebih adil dan lebih saksama dari UMNO?

Mereka juga menimbulkan isu kononnya pimpinan UMNO sekarang ini adalah di kalangan extremis Melayu yang memperjuangkan untuk kepentingan orang Melayu.

Sekali lagi mereka telah membenarkan diri mereka diperalatkan oleh parti-parti pembangkang di negara kita. Mereka telah

didedahkan kepada tulisan-tulisan akhbar luar negeri yang ingin melagakan orang Melayu dengan bukan Melayu, supaya negara hancur dan di atas kehancuran itu akan wujud sebuah negara komunis di Asia Tenggara.

Mereka tidak akan berada di luar negeri untuk mendapat didikan tinggi yang baik jika pimpinan UMNO sekarang dari kalangan extremis Melayu.

Para pelajar tidak mungkin dapat pulang ke tanahair lagi setelah mendapat ijazah jika extremis Melayu yang mendokong Kerajaan sekarang. Para pelajar dan parti-parti pembangkang yang kerjanya hanya menegur kesilapan Kerajaan, walaupun bukan kesilapan, nescaya akan dilayan seperti pelarian-pelarian Vietnam, jika extremis Melayu yang memimpin kerajaan.

Jika UMNO parti extremis, bagaimakah Kerajaan yang ia dokong sekarang boleh membiarkan berjuta-juta wang dikirim oleh ibu bapa pelajar ke luar negeri untuk membiayai pelajar mereka?

Bagaimana pula para pelajar melihat sikap Kerajaan apabila ia membenarkan para pelajar keluar negeri dalam jumlah ribuan setiap tahun dan pulang semula ke tanahair tanpa seorang pun tertinggal di belakang dan mendapat kerja yang baik di Malaysia? Mungkinkah sebuah Kerajaan yang extremis mengamalkan sikap ini?

Jika extremis yang memerintah negara sekarang, bagaimana pula para pelajar melihat kemajuan orang Cina yang bertambah meningkat dan malah melabur secara besar-besaran dengan Kerajaan dalam projek-projek besar dan antarabangsa?

Jika extremis yang mendokong Kerajaan tentulah tidak akan ada bank-bank antarabangsa, bantuan-bantuan dan usahasama dengan negara maju dalam projek-projek pembangunan di negara kita. Bagaimakah para pelajar melihat perkembangan seperti ini?

Jika UMNO didokong oleh extremis-extremis Melayu, orang Cina mungkin tidak lagi dikehendaki menyertai pentadbiran

politik Kerajaan hari ini. Nescaya tidak akan ada parti-parti pembangkang seperti DAP yang setiap masa mencari peluang untuk mengecam Kerajaan.

Kerajaan yang didokong oleh extremis tidak akan membentarkan penentangan. Malah tidak akan wujud demokrasi. Tidak ada pilihanraya, walaupun ada pelajar yang mengatakan pilihanraya di negara kita selelewengkan.

Anggapan pelajar mengenai pilihanraya di negara kita juga tidak tepat. Jika saudara menganggap pilihanraya di negara kita seleleweng, maka pilihanraya di negara yang manakah yang tidak seleleweng?

Mereka tidak boleh mengikut bilangan anggota UMNO di Parlimen sebagai hasil sistem yang seleleweng. Kedudukan UMNO dan penyertaan orang Melayu dan kaum-kaum bumiputera lain dalam Kerajaan adalah hasil yang dipersetujui oleh datuk nenek kaum pelajar dalam tahun 1948 dan 1957.

Lagipun, yang lebih menyeleweng ialah tuduhan yang mengatakan proses demokrasi dan Kerajaan itu menyeleweng. Kerana jika mereka ingin mewujudkan perimbangan dalam Kerajaan untuk memberi gambaran perimbangan kaum-kaum yang terbesar, kita tidak boleh melihat dari segi kedudukan UMNO dan MCA sahaja.

Parti-parti bukan Melayu yang lain harus juga diperhitungkan yang mempunyai perwakilan dalam Kerajaan.

Keduanya, jika pihak-pihak ini ingin mewujudkan perimbangan dalam erti kata yang sebenar, maka mereka hendaklah juga memperjuangkan kedudukan orang Melayu dalam ejensi-ejensi dan jabatan-jabatan Kerajaan yang lain di mana bilangan orang Melayu didapati lebih kecil dari orang bukan Melayu. Terutama sekali dalam bidang profesional dan yang mendapat gaji dan kedudukan yang tinggi.

Seperti yang saya katakan, sama rata bukan milik dan hak satu-satu kaum tertentu sahaja, kerana semata-mata golongan tersebut ingin memuaskan nafsu kaumnya sendiri.

Kembali kepada extremis dalam UMNO, adalah terpesung

untuk menganggap bahawa sebarang ikhtiar untuk menolong kaum yang tertindas, iaitu orang Melayu, sebagai ikhtiar extremis.

Kerana jika dengan mudah kita boleh memberi gelaran extremis kepada pemimpin-pemimpin Melayu yang memperjuangkan yang hak dan sah bagi kaumnya, maka kenapa pula kita tidak boleh memberi label yang serupa kepada parti pembangkang Cina dan kepada setengah pelajar yang memperjuangkan bahasa dan kebudayaan Cina, kuasa politik Cina dan monopolii ekonomi oleh orang-orang Cina?

Sekali lagi, bagi tiap-tiap perkara yang diperjuangkan oleh satu-satu kaum di negara kita, kita jangan lupa bahawa ada lagi kaum yang lain yang mempunyai hak yang lebih besar untuk diperjuangkan bagi kaumnya.

Kehidupan Di Kampus

Prof. Khoo Kay Kim

Bagi para pelajar yang dalam setahun dua lagi mungkin akan berjaya memasuki universiti, sudah tentu terdapat banyak pertanyaan di dalam kepala mereka. Mendapatkan peluang untuk menuntut di universiti adalah satu harapan besar bagi ramai pemuda-pemudi.

Walaupun ramai penuntut STPM mempunyai sahabat-sahabat di universiti berita-berita yang mereka perolehi tidak mungkin sama dengan pengalaman secara langsung. Apa yang dilihat dari jauh sering kali jauh berbeza dengan apa yang dilihat dari dekat. Biasanya yang dilihat dari jauh ternampak lebih romantis.

Itu bukan bererti kehidupan di kampus itu semestinya terlalu membosankan. Banyak bergantung kepada seseorang mahasiswa sendiri, iaitu sama ada dia mahu hidup secara positif atau negatif. Terdapat sebilangan besar mahasiswa yang lebih suka mengasingkan diri daripada menyertai kegiatan-kegiatan yang dijalankan sebagai rancangan luar kurikula.

Ini ada kaitan dengan sikap seseorang mahasiswa tentang mengapakah dia berada di universiti. Bagi setengah-setengah mahasiswa kehadiran mereka di kampus hanya kerana satu matlamat — memperolehi ijazah (melalui peperiksaan) supaya mereka dapat hidup dengan mewah. Maka kegiatan-kegiatan yang tidak secara langsung membantu mereka lulus peperiksaan

dianggap membuang masa sahaja.

Dalam pada itu terdapat juga satu golongan lain pula yang cuba melibatkan diri dalam seberapa banyak yang boleh kegiatan-kegiatan luar kurikula dengan tidak memberi perhatian langsung kepada pelajaran mereka. Walaupun masih ada di antara mereka yang dapat lulus peperiksaan golongan ini sebenarnya tidak berjaya mendalami bidang akademik.

Sama atau mereka sedar atau tidak para mahasiswa terpaksa berhadapan dengan satu keadaan di mana mereka harus meng-suaikan diri dengan keperluan untuk menghadapi realiti di samping menjalani latihan akademik. Kedua-dua proses itu tidak semestinya sama.

Pelajaran akademik kadang kala wujud dalam satu keadaan yang sangat *artificial*. Perkara-perkara yang dibincangkan atau dibahaskan tidak semestinya berasaskan kebenaran, hanya pada andaian. Ini memang satu kebiasaan di universiti Barat di mana *intellectual exercise* sangat dipentingkan.

Di universiti-universiti tempatan terdapat percubaan untuk sengaja mewujudkan satu keadaan yang lebih seimbang bahkan ada desakan supaya perhatian yang lebih berat diberikan kepada realiti sosial. Para mahasiswa selalunya diingatkan bahawa mereka adalah sebahagian daripada masyarakat dan tidak sepatahnya melupakan masyarakat. Pelajaran di universiti adalah satu cara menyediakan mereka untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

Tetapi, yang ganjilnya, walaupun mahasiswa sering kali diminta supaya memikirkan tentang kepentingan masyarakat, umumnya mereka lebih mengutamakan kepentingan diri sendiri. Pelajaran di universiti dianggap oleh sebilangan besar sebagai satu pengorbanan yang dilakukan oleh ibubapa. Justeru itu amatlah penting untuk mereka yang lulus daripada universiti supaya membayar balik hutang mereka kepada ibubapa.

Kerana di universiti terdapat persetujuan umum bahawa mahasiswa dalam pelajaran dan kegiatan mereka seharusnya menyesuaikan diri bagi menemui kehendak masyarakat, tidak

ramai yang mengambil berat tentang soal-soal akademik. Ini dapat dilihat berasaskan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan mahasiswa.

Terdapat banyak pertubuhan di universiti seperti Persatuan Sejarah, Persatuan Bahasa Tamil, Persatuan Mahasiswa Islam, Persatuan Sukan (berbagai jenis), Persatuan Mahasiswa Negeri-negeri tertentu, dan sebagainya. Setengahnya sangat aktif dan setengahnya kurang aktif. Persatuan-persatuan kadang kala ada juga menerbitkan majalah setiap tahun.

Ceramah dan forum adalah kegemaran sebahagian besar persatuan. Tetapi forum yang paling popular ialah forum politik terutamanya kalau ahli politik pembangkang dijemput. Mahasiswa menganggap forum politik sebagai satu jenis hiburan. Mereka dapat gelak ketawa terutamanya jika ada ahli politik yang pandai berjenaka. Selain daripada politik, tajuk-tajuk forum atau ceramah biasanya berkaitan dengan masalah masa-kini. Itulah yang dikatakan tadi bahawa mahasiswa zaman sekarang di universiti-universiti tempatan sangat sedar tentang realiti sosial sekurang-kurangnya dalam menjalankan kegiatan-kegiatan berpersatuan.

Ceramah atau forum akademik (iaitu membincangkan hal-hal akademik semata-mata) jarang sekali diadakan kerana bilangan yang hadir biasanya terlampaui kecil. Itu jelas menggambarkan sikap mahasiswa. Mungkin para mahasiswa berpendapat bahawa hal-hal akademik sudah banyak dibincangkan dalam kuliah dan tutorial. Tetapi hujah itu sebenarnya membuktikan dengan lebih nyata lagi sikap sempit para mahasiswa.

Tidak terlintas dalam pemikiran sebilangan besar mahasiswa bahawa berasaskan matapelajaran yang dipilih seseorang mahasiswa hanya mengenali beberapa disiplin sahaja dengan lebih dekat. Misalnya seorang penuntut sejarah tidak terdedah kepada disiplin-disiplin sains dan seorang penuntut perubatan tidak terdedah kepada antropologi dan sesiologi apa lagi kesusasteraan. Tidak mungkin dapat diwujudkan satu kurikulum yang begitu luas dan lengkap.

Oleh yang demikian kegiatan-kegiatan luar kurikula biasanya memberi kesempatan kepada para mahasiswa supaya mengenali sedikit sebanyak disiplin-disiplin yang di luar pelajaran formal mereka. Tetapi oleh sebab sambutan daripada mahasiswa sangat dingin maka jarang sekali diadakan ceramah atau forum akademik.

Keadaan yang wujud sesungguhnya lebih serius lagi. Terdapat satu bilangan mahasiswa yang bukan hanya tidak berminat dalam hal-hal akademik tetapi sama sekali tidak mengambil berat tentang apa sahaja kegiatan yang diadakan di kampus. Mereka hampir dapat dikatakan bersifat anti-sosial. Mereka jarang bergaul kecuali dengan beberapa orang sahabat. Memang tidak keterlaluan jika sekiranya dikatakan bahawa mereka tidak mengetahui tentang apa sahaja yang berlaku di dalam kampus.

Ramai penuntut misalnya tidak tahu tentang kegiatan-kegiatan akademik pensyarah mereka sendiri apa lagi tentang kegiatan-kegiatan akademik pensyarah dari jabatan-jabatan atau fakulti-fakulti lain. Mereka seolah-olah hidup tiga atau empat atau enam tahun di satu sudut kecil di universiti.

Penuntut-penuntut seperti ini sama sekali tidak mengalami pertumbuhan intelek dan oleh yang demikian sama sekali tidak mendapat apa-apa faedah daripada pelajaran mereka di universiti. Tiada pertumbuhan intelek bererti kematangan dan keyakinan diri sendiri juga tidak bertambah. Sebab itulah kadang-kadang ada orang berkata dengan sinis bahawa universiti itu sebenarnya tidak lebih daripada satu kilang.

Pelacuran Remaja

Alias Mohamed

Seorang pensyarah di Jabatan Sosiologi dan Antropologi Universiti Malaya, Encik Abdul Hadi Zakaria, mendedahkan kegiatan pelacuran di kalangan remaja di negara ini.

Menurut kajian beliau yang dicadangkan untuk ijazah kedoktoran, sungguhpun pelacuran diharamkan di negara ini seperti hampir di semua negara di seluruh dunia, kegiatan pelacuran adalah berleluasa dan amat membimbangkan. Kegiatan ini dilakukan oleh gadis-gadis bawah 21 tahun.

Pusat-pusat kegiatan mereka yang dikenali dalam kajian Encik Abdul Hadi ialah rumah-rumah khas atau rumah private, rumah urut, pusat-pusat rehat yang berlesen atau relaxation centre, pelayan-pelayan tamu, diskò-disko atau kelab tari-menari dan agensi-agensi teman sosial atau dikenali dengan social escort agencies.

Masalah pelacuran sekarang seperti juga lain-lain maksiat di negara kita adalah satu masalah yang amat membimbangkan. Ia bukan masalah baru. Malah kegiatan pelacuran di kalangan remaja amat popular dan menjadi buah mulut orang-orang yang pulang dari kota Bangkok, Jakarta, Manila, Singapura dan malah di Medan. Lebih-lebih lagi di Sungai Golok dan Hadyai.

Apa yang dibicarakan oleh ahli sosiologi dan antropologi Universiti Malaya itu bukanlah sesuatu yang luar biasa. Yang luar biasa

ialah langkah-langkah yang diambil yang boleh dikatakan hampir senyap-sepi dari mana-mana jua pihak yang menganggap kegiatan pelacuran di kalangan remaja atau pun dewasa sebagai satu ancaman kepada kesejahteraan negara. Lainlah jika kita tidak menslogangkan masyarakat, berdisiplin, cekap dan amanah.

Kita boleh menganggap negatif dengan mengatakan pelacuran ialah sama tua dengan kejadian bumi dengan implikasi bahawa apa pun langkah yang diambil, pelacuran tetap akan wujud.

Kita boleh berkata pelacuran ialah satu profesi yang tertua di bumi dan berbagai-bagi lagi alasan dengan tidak menyedari bahawa jawapan-jawapan kita kepada bahaya pelacuran adalah bersifat defensive dan defeatist iaitu sama dengan jika kita berkata biarlah ia tumbuh dan bermaharajalela dan menghancur-leburkan masyarakat manusia.

Para cendikiawan akan berkata bahawa pelacuran adalah sebahagian dari ciri dan juga akibat kemodenan dan bahawa pelacuran dan lain-lain kegiatan maksiat adalah harga yang terpaksa kita bayar kerana kita mahukan pembangunan material.

Masalah akibat dan ciri-ciri bagi sesuatu perkembangan dan perencanaan dalam kehidupan manusia mungkin satu cara kita melihat dan menghuraikan satu-satu perkembangan. Tanpa satu usaha yang positif untuk mencari penyelesaian total, kita bukan saja menjadi abdi yang paling hina murtabatnya, tetapi juga secara otomatis menjadi para peserta yang memberi sumbangan kepada kehancuran dan purak-purandanya sesebuah masyarakat.

Sama juga dengan masalah-masalah lain dalam kehidupan manusia, jika tiap-tiap orang terutama yang berkedudukan tinggi, berpengaruh dan berkuasa mengambil sikap tegur-menegur sahaja tetapi tidak ada tindakan, jika tiap-tiap pihak hanya bersyarah di sana-sini, maka usaha penyelesaian belumlah bermula.

Yang pasti bermula ialah apabila ada pihak-pihak tertentu menggunakan apa jua kuasa yang ada pada negara untuk menghalang diskò dan dewan tari-menari ala moden, menghalang agensi-agensi teman sosial, menghalang pelayan-pelayan bar dan

restoran, menghalang rumah-rumah private dan menghalang kelab-kelab 'teman hidup' dari membiak dan menggalakkan kegiatan pelacuran.

Jika kegiatan-kegiatan tersebut terus berkembang, maka haruslah kerana ada pihak-pihak tertentu yang menganggap dengan tiadanya kegiatan ini mereka akan kehilangan nikmat keseronokan dari kegiatan tersebut. Setakat ini belum ada bukti yang mendakwa orang-orang kelas atasan tidak menikmati dan 'mengaut untung' dari kegiatan seperti itu.

Kisah-kisah rogol, rasuah, zina, bersekedudukan dan sebagainya mungkin berlaku di luar bandar dan di kalangan orang-orang yang berpendapatan rendah, tetapi yang memberi nyawa, nafas dan sophistication kepada kegiatan-kegiatan pelacuran dan mak-siat ialah mereka yang dikatakan menguasai pusat-pusat yang boleh menggalakkan pelacuran di bandar.

Sungguhpun gadis-gadis Melayu dalam kajian Encik Abdul Hadi itu mungkin 30 peratus dalam kegiatan pelacuran di bandar, ini bukanlah jaminan bilangannya tidak akan bertambah atau lebih besar dari itu jika langkah-langkah yang hendak diambil itu sekadar menyibar maklumat mengenai VD atau penyakit perempuan dan sebagainya.

Di negara-negara Barat kajian-kajian seperti ini telah berjalan puluhan tahun. Di setengah-setengah bandar besar lebih ratusan tahun, tetapi adakah pelacuran di sana berkurangan? Yang pasti ialah terus merebak, kerana kegiatan yang terang benderang sahaja di cegah manakala kegiatan pelacuran yang dilakukan secara tersembunyi atau camouflage digalakkan.

Walaupun di negara kita penyakit menular yang menghinggapi Barat itu tidak berleluasa, tunas-tunas pelacuran yang tumbuh secara kecil-kecil dan sambilan di diskò-disko, rumah-rumah urut, banglo khas, agensi-agensi teman sosial dan sebagainya, mesti dimusnahkan.

Tidak boleh tidak kegiatan dadah haruslah dikaitkan dengan setengah-setengah dari kegiatan ini. Apa juar tamparan dan

pukulan yang diberi kepada dadah dan jenayah-jenayah ISA, maka tamparan dan pukulan yang serupa, jika kita sama berat, harus dilancarkan ke atas persundalan dan tunas-tunasnya.

Remaja Ternoda

Alias Mohamed

Masalah sosial yang serius yang dihadapi oleh belia-belia kita di negara ini perlu diberi perhatian serius. Munculnya gejala-gejala baru hiburan yang tidak terhad dan tidak dihadkan oleh pihak-pihak berkuasa, seperti pengeluaran lesen-lesen hiburan, kebenaran-kebenaran menjalankan kegiatan perniagaan yang terang-terang merosakkan moral dan masa depan golongan remaja di negara ini amat menyedihkan kita. Di satu pihak terdapat kesungguhan untuk meningkatkan imej dan mutu serta taraf budaya Melayu berteraskan Kelislaman dan keMelayuan, tetapi di satu pihak lagi terdapat kegiatan golongan tertentu yang tidak mengenal penat-lelah untuk menghancurkan moral belia-belia yang masih rapuh dan muda itu.

Munculnya perniagaan 'fast food' di kompleks membeli-belah, pengeluaran lesen-lesen diskò atau kelab tari-menari dan 'bar' di bandaraya-bandaraya serta kota-kota besar, kebenaran kepada kepada pelayan-pelayan muda mendapat kerja di tempat-tempat seumpama itu, kebenaran yang diberi kepada restoran-restoran 'fast food' untuk menjual minuman keras, sebagaimana yang diberi kepada kedai-kedai makanan tertentu yang lain, kebenaran yang diberi kepada hotel-hotel untuk mengadakan kelab tari-menari khas bagi anak-anak muda belasan tahun seperti yang ada di Kuala Lumpur, kebenaran sewenang-wenangnya yang diberi kepada murid-murid sekolah untuk mengambil bahagian dalam

kegiatan iklan, perfileman dan model-modelling dan bermacam-macam kebenaran lagi nampaknya bukan saja melemahkan tujuan-tujuan keluhuran budaya negara itu diwujudkan, akan tetapi juga sebagai tindakan 'sabotaj' yang dituju kepada Islam dan orang-orang Melayu itu sendiri.

Jika kebanyakan orang ramai percaya bahawa dadah pada mulanya diedarkan oleh golongan-golongan tertentu untuk melemahkan orang Melayu, maka tidak ada sebab mengapa orang ramai dan bahkan kerajaan sendiri tidak mempercayai bahawa diskò, restoran 'makanan segera', syarikat modelling dan lain-lain lagi itu tidak bertujuan untuk menghancurkan keyakinan orang Melayu kepada Islam dan budaya mereka.

Sudah menjadi pengetahuan ramai sekarang bahawa beberapa restoran 'makanan segera' turut menyediakan minuman keras seperti 'beer' kepada anak-anak sekolah yang beruniform. Restoran-restoran seperti ini juga menjadi pusat tumpuan belia di mana mereka didapati terlibat dalam kegiatan dadah dan mereka itu adalah anak-anak sekolah.

Di setengah-setengah tempat restoran-restoran seperti ini menjadi tempat 'berhenti lelah' bagi anak-anak muda yang berdansa di diskò-disko di siang hari. Tempat-tempat seperti ini berjumlah ratusan di Ibu Kota Kuala Lumpur dan berpuluhan-puluhan di Ipoh, Johor Baharu, Pulau Pinang, Seremban, Kuantan dan lain-lain lagi.

Walaupun mulai bulan November ini pusat-pusat video atau hiburan dihapuskan, "sarang-sarang" jenayah dan keruntuhan budaya dan agama terus-menerus tumbuh seperti cendawan-cendawan muda di musim hujan. Tiap-tiap bandar baru dengan mudah dan senangnya mendapat kemudahan lesen kelab malam, diskò dan tempat-tempat hiburan. Di bawah rancangan "turn-key" di mana banyak pusat-pusat membeli-belah akan dibina, para peniaga yang bergantung kepada hiburan sebagai mata pencarian mereka akan berlumba-lumba mendapatkan lesen-lesen untuk membuka pusat hiburan.

Di Ibu Kota sudah kedengaran diskò dan kelab malam yang menggunakan pas-pas khas dengan bayaran "membership" tahunan berharga \$5,000 ke atas. Di setengah-setengah kelab malam atau tempat hiburan majikan mengeluarkan pas-pas khas kepada anak-anak muda belasan tahun dengan perkataan-perkataan yang "suggestive", seolah-olah "menjemput" hubungan kelamin sesama mereka, ditulis pada pas-pas tersebut.

Yang lebih mengecewakan, pihak-pihak berkuasa mengeluarkan pas atau permit kepada hotel-hotel tertentu di Ibu Kota untuk menjalankan perniagaan diskò atau kelab tari-menari khas untuk kanak-kanak sekolah belasan tahun. Walaupun permit seperti ini bukan untuk setiap hari (hanya hari Sabtu dan Ahad), kesannya amatlah buruk dan padah sekali kepada belia-belia kita, di mana sebahagian besarnya kini terdiri dari belia-belia Melayu. Di tempat-tempat inilah mereka mula menjinakkan diri dengan menghisap dadah, minum arak, main asmara dan seks yang kemudian membawa mereka ke kelab-kelab yang lebih "sophisticated" yang dikunjungi oleh orang-orang dewasa.

Seperti pusat-pusat video, setengah-setengah kelab malam meletakkan papan tanda "Orang Dewasa Saja" tetapi yang nyata ialah tiada seorang pun bertanggungjawab terhadap kunjungan murid-murid sekolah di bawah 18 tahun di tempat-tempat tersebut. Kekecewaan kita menjadi bertambah apabila didapati tiada satu pihakpun dari pihak berkuasa yang begitu yakin bahawa tempat-tempat tersebut merupakan tunas-tunas pelacuran, seks, jenayah, dadah yang amat merbahaya sekali. Kita tidak kedengaran ada Rukun Tetangga, parti-parti politik Bahagian atau Cawangan, polis, Majlis Agama Islam dan sebagainya yang pernah menyatakan hasrat mereka untuk mengawal tempat-tempat seumpama ini.

Harapan kita ialah semoga satu jenerasi rakyat negara ini akan menerima nilai-nilai yang baik untuk meneruskan penghidupan bukan saja untuk diri jenerasi tersebut saja bahkan untuk jenerasi-jenerasi selepas mereka juga. Kempen supaya pelajar-pelajar

dan orang ramai suka membaca tidak akan memberi kesan jika kempen untuk menghapuskan lesen-lesen diskò dan kelab malam atau kelab-kelab "exclusive" diperlahangkan.

Di setengah-setengah kelab seperti ini pas-pas bukan saja boleh dipakai oleh ibubapa tetapi juga oleh anak-anak. Peluang-peluang ini diambil oleh anak-anak untuk mengadakan "party" diskò dan tari-menari pop yang berakhir hingga jauh malam.

Meletakkan tanggungjawab kepada ibubapa saja hanya sebahagian dari usaha penyelesaian. Pihak-pihak berkuasa, parti-parti politik seperti UMNO yang membikin dasar kerajaan dan pentadbiran negara, pertubuhan sosial, majlis-majlis agama dan sebagainya, Bandaraya, lembaga-lembaga majlis perbandaran dan lain-lain boleh memberi sumbangan yang amat besar ke arah ini. Setakat hari ini sumbangan-sumbangan seperti itu kecil dan mengecewakan sekali.

Sahabat Pena

Prof. Khoo Kay Kim

Sudah hampir 50 tahun sejak pertubuhan yang dikenali sebagai Persaudaraan Sahabat Pena mula-mula sekali muncul. Perjumpaan yang melahirkan Sahabat Pena itu diadakan di Taiping pada April tahun 1934. Jika diterjemahkan kepada bahasa Inggeris Sahabat Pena bererti *Pen Friends*; itu boleh menimbulkan salah faham kerana *pen friends* biasanya bukanlah sesuatu yang begitu serius. Tetapi Sahabat Pena di negara ini merupakan suatu pertubuhan yang mempunyai beberapa ciri yang unik.

Permulaannya agak sederhana. Di dalam akhbar Pulau Pinang, *Saudara*, telah diadakan suatu ruangan untuk kanak-kanak. Dengan tidak disangka-sangka orang dewasa pula terlibat. Berlaku surat-menjurat di antara satu sama lain dan akhirnya keputusan dibuat untuk mengasaskan sebuah pertubuhan yang dapat memperjuangkan cita-cita tertentu dengan cara yang lebih berkesan.

Walaupun pada peringkat awal Sayid Syeikh Al-Hadi memainkan peranan penting memberi nafas kepada idea Sahabat Pena itu, pada waktu perjumpaan diadakan di Taiping beliau telah meninggal dunia. Tetapi anaknya Sayid Alwi meneruskan usaha itu. Sayid Syeikh bukan hanya seorang pengarang akhbar. Beliau terkenal sejak tahun 1906 lagi sebagai seorang pemimpin Kaum Muda. Beliau pernah mengasaskan Sekolah Al-Hadi di Melaka (1917) dan kemudian mengetuai Madrasah Masyhur Al-

Islamiah di Pulau Pinang. Dalam lain perkataan beliau adalah seorang reformis.

Tak dapat dinafikan Sayid Syeikh bersama-sama dengan rakan-rakannya seperti Syeikh Tahir Jalaluddin dan Mohd. Yunus bin Abdul Hamid mempelopori perjuangan orang Melayu. Sayid Sheikh dan Syeikh Tahir terutamanya melalui majalah *Al-Imam* (1906–1908) cuba menyedar dan menggerakkan orang Melayu kerana mereka mendapati orang Melayu tertinggal di dalam negara sendiri.

Mereka itu sangat berpengaruh walaupun mendapat tentangan daripada ulama-ulama tradisional (Kaum Tua). Mereka berdua pernah berkhidmat dengan kerajaan Johor (di bawah Sultan Ibrahim); Syeikh Tahir juga pernah berkhidmat dengan kerajaan Perak. Sayid Syeikh pula menulis novel pertama (*Faridah Hanum*) dalam bahasa Melayu di mana beliau cuba membangkitkan isu emansipasi wanita (selaras dengan perjuangan Kaum Muda). Mereka juga mempunyai hubungan rapat dengan Haji Wan Musa, seorang reformis termasyhur di Kelantan. Bersama-sama dengan dua orang anaknya, Nik Abdullah dan Nik Salleh, Haji Wan Musa sentiasa mengkritik Majlis Agama kerana mereka cuba memperkenalkan idea yang baru (tetapi lebih fundamentalis) dalam agama Islam.

Walaupun Sahabat Pena tidak secara berterus terang memperjuangkan idea Kaum Muda, di antara ahli-ahlinya terdapat ramai juga mereka yang menyokong idea reformis seperti Syeikh Abdullah Al-Magribi dan Za'ba, juga Zainal Abidin bin Sultan Maidin.

Tujuan-tujuan Sahabat Pena yang lebih ternyata adalah seperti berikut:

1. Mendirikan satu roh perhubungan berkenal-kenalan dan pergaulan dan memperingat persyarikatan sahabat antara ahli-ahlinya.
2. Hendak meluaskan sekalian ahli-ahlinya bagi menggirang kepada baca membaca dan menggalakkan karang mugarang di dalam bahasa dan buku-buku Melayu.

-
3. Hendak mendiri, meluas dan mengetatkan tawarikh adat resam bahasa Melayu.
 4. Mendirikan satu khutub khanah bagi penggunaan ahli-ahlinya.

Pada suatu ketika, iaitu waktu Sahabat Pena baru muncul, terdapat tuduhan bahawa pertubuhan itu merupakan suatu kongsi gelap; maksudnya ia mempunyai niat yang jahat terhadap kerajaan. Pertubuhan itu sebenarnya telah disiasat oleh Cawangan Khas pada tahun 1935/36; tetapi menurut laporan Cawangan Khas, ia bukan sebuah pertubuhan politik dan kegiatannya tidaklah subversif.

Sepanjang lewat 1930an, Sahabat Pena (kemudian secara rasmi dikenali sebagai Persaudaraan Sahabat Pena) meluaskan sayapnya kepada beberapa negeri di mana cawangan-cawangan diasaskan, termasuk Singapura. Cawangan yang mungkin paling giat bertempat di Batu Pahat di mana dikeluarkan dua penerbitan iaitu *Taman Paspam* dan *Benih Kemajuan*. Di Batu Pahat waktu itu telah diwujudkan sebuah badan khas yang diberi nama Lembaga Bahasa Paspam dan orang yang memainkan peranan mustahak menjayakan kegiatan persuratan Lembaga itu ialah Bahnan Yusuf.

Walaupun Sahabat Pena bukan sebuah pertubuhan politik dan ahli-ahlinya bukan aktivis politik, cita-cita perjuangannya berkaitan rapat dengan semangat nasionalis orang Melayu. Pernah dikatakan bahawa yang telah mendorong tertubuhnya Sahabat Pena itu ialah kewaspadaan bahawa dalam masa yang amat singkat umat Melayu mungkin akan purak puranda; sebabnya orang Melayu waktu itu telah mula berasing-asingan dan berpuak-puak, tidak suka bertutur dalam bahasa sendiri, tidak mempunyai pakaian kebangsaan, tidak membela dan mengambil indah akan adat resam Melayu dan ramai tidak lagi dapat membaca tulisan Jawi. Maka melalui kegiatan-kegiatan persuratan-sosialnya Sahabat Pena berharap dapat menanam semangat kebangsaan di kalangan masyarakat Melayu. Cawangan-cawangan Sahabat Pena kemudian muncul bukan hanya di Semenanjung Tanah melayu tetapi juga Brunei dan Sarawak.

Satu keistimewaan Sahabat Pena yang tidak selalunya disedari ialah pertubuhan ini adalah pertubuhan Melayu tunggal yang melintasi sempadan politik negeri; dalam lain perkataan pertubuhan inilah yang pertama sekali bersifat 'kebangsaan' walaupun Tanah Melayu sebagai sebuah negara rasmi belum wujud lagi ketika itu. Ternyata Sahabat Pena cuba menjelaskan sikap yang lebih luas di kalangan orang Melayu yang pada masa itu lebih condong kepada satu-satu negeri.

Walaupun Sahabat Pena bertujuan menyatupadukan orang Melayu (atau mungkin kerana itu) pada lewat 1930an berlaku kekecuan di dalam pertubuhan itu. Di antara tahun 1937/38 telah diadakan perbahasan panjang lebar yang kemudian menghasilkan peraturan baru (dirangka oleh Sahabat Pena Selangor) yang memberi kuasa kepada cawangan-cawangan masing-masing menjalankan kegiatan-kegiatannya sendiri dengan tidak perlu merujuk kepada ibu pejabatnya di Pulau Pinang.

Masalah itu timbul sebenarnya daripada suatu isu yang dihadapi oleh masyarakat Melayu yang lebih luas iaitu tentang takrif 'Melayu'. Kesatuan Melayu Singapura (diasaskan pada tahun 1926) sebenarnya yang mula-mula sekali membezakan (dalam perlombagaannya) di antara Orang Melayu Jati dengan golongan keturunan Arab dan India. Di Pulau Pinang, golongan keturunan Arab dan India sememangnya ramai dan beberapa orang pemimpin adalah terdiri daripada golongan itu. Maka di dalam Sahabat Pena juga masalah itu berlaku dan dalam pada itu Sahabat Pena di Selangor dapat menegakkan kedudukannya supaya lebih berotonomi.

Namun demikian perjuangan untuk meningkatkan kedudukan kebudayaan dan bahasa Melayu tidak terjejas. Ini kelihatan jelas selepas Perang Dunia II. Bila muncul masalah *Malayan Union* golongan keturunan Arab dan India tetap menyokong usaha orang Melayu untuk menumpaskan *Malayan Union*. Perjuangan UMNO dengan slogannya 'Hidup Melayu' sesungguhnya tidak jatuh berbeza dengan matlamat Sahabat Pena yang sejak tahun 1931 lagi telah berusaha menyatupadukan orang Melayu serta memelihara bahasa dan kebudayaan Melayu.

Penulisan Biografi

Prof. Khoo Kay Kim

Walaupun ternyata amat penting, penulisan biografi bukan sesuatu yang biasa dilakukan di negara ini sama ada pada masa dahulu ataupun pada masa sekarang. Dalam masyarakat dahulu, segala tulisan yang diselenggarakan bukan ditujukan untuk bacaan umum. Pujangga zaman itu menikmati naungan diraja maka tugas utama mereka adalah untuk mengharumkan nama Raja atau untuk menunjukkan bagaimana kuat daulat seseorang Raja berdasarkan salasilah.

Maka sekali sekala terdapat juga tulisan tentang Raja-raja tertentu dalam bentuk syair di mana tugas pujangga adalah semata-mata untuk memuji Raja dan menggambarkan bagaimana istimewanya pemerintahan Raja.

Dalam keadaan itu tulisan tentang individu-individu lain memang tiada kerana tiada orang yang sepatutnya diberi perhatian yang istimewa kecuali Raja. Tetapi sedikit sebanyak keadaan itu telah berubah terutama pada abad ke-20. Perkembangan pelajaran telah melahirkan lebih ramai orang yang berkebolehan menulis dan ada kalanya sumbangan seseorang ketua tempatan dirakamkan dalam syair yang ditulis untuk kenangan tetapi tidak diterbitkan. Tidak bolehlah dikatakan bahawa ini telah menjadi satu kebiasaan kerana syair yang seperti ini yang dapat dijumpai masa sekarang amat kecil bilangannya.

Jelas sama ada pada zaman yang silam ataupun pada masa yang lebih moden, penulisan biografi sebagaimana difahami sekarang tidak dilakukan bukan hanya di kalangan orang Melayu bahkan di kalangan orang bukan-Melayu juga. Masyarakat Malaysia keseluruhannya mempunyai beberapa ciri yang sama. Kalau perhatian perlu diberikan kepada seseorang individu, orang itu semestinya mempunyai kemasyhuran terutamanya orang yang telah menduduki tempat sebagai pemimpin masyarakat. Dalam lain perkataan orang yang dianggap patut disanjung tinggi.

Namun demikian sebarang penulisan tentang seseorang yang dianggap tokoh kerana satu-satu sebab tertentu hanya terdapat biasanya dalam akhbar — ringkas dan tidak lengkap, lebih terperinci sedikit daripada yang biasa dimuatkan dalam buku *Siapa dan Siapa*. Dan tidaklah keterlaluan jika sekiranya dikatakan bahawa tulisan yang seperti itu pun lebih biasa dilakukan sebagai *obituary*.

Satu sebab penting mengapa biografi hampir tidak pernah ditulis pada zaman dahulu (sehingga baru-baru ini) ialah orang Malaysia berpendapat bahawa kehidupan seseorang itu merupakan sesuatu yang sangat *private* dan tidak boleh didedahkan kepada umum. Anak isteri serta sanak saudara seseorang tokoh itu tidak suka membogelkan segala-gala tentang individu itu walaupun dalam keadaan di mana tokoh itu telah meninggal.

Kepercayaan orang Malaysia tidak kira daripada golongan ethnrik mana ialah jika sekiranya ada sesuatu yang perlu disebutkan tentang seseorang itu kepada umum maka hanya yang manis sepatutnya diumumkan. Oleh yang demikian seseorang penulis biografi tidak mudah mendapat maklumat yang lengkap dan objektif daripada mana-mana pihak juga tentang seseorang tokoh apa lagi tentang orang yang lebih terkenal kerana melakukan perkara yang curang atau melanggar undang-undang.

Baru-baru ini, misalnya, dalam filem *Peristiwa di Bukit Kepung*, slant yang diberikan kepada cerita itu sama sekali

menenggelamkan Mat Indera, komunis yang dikenali ramai di Batu Pahat pada tahap awal Darurat itu. Mat Indera tidak muncul sebagai *hero* ataupun *villain* dalam cerita itu tidak seperti filem Amerika yang pernah memberi tumpuan sepenuhnya kepada penjenayah seperti *Butch Cassidy and the Sundance Kid* atau *Bonnie and Clyde*.

Maksudnya perbezaan dari segi sistem nilai juga merupakan satu faktor mengapa penulisan biografi tidak menjadi satu kebiasaan dalam masyarakat Malaysia. Selain daripada itu masyarakat juga amat sensitif. Jika sekiranya seseorang tokoh diberitahu bahawa biografinya akan ditulis maka dia sudah tentu akan mengharapkan satu kajian yang banyak memberi pujian kepadanya. Kalau terdapat pendapat yang kritis tokoh sendiri akan merasa kecil hati.

Bukan dimaksudkan itu tidak pernah berlaku di Barat tetapi pada umumnya pendapat orang Barat tentang biografi ialah tulisan itu semestinya mengandungi kebenaran dan, yang agak ganjil, kadang kala kebenaran tidak juga mengubah sikap masyarakat terhadap seseorang tokoh. Satu contohnya ialah Presiden Kennedy. Banyak telah ditulis tentang Kennedy yang ternyata menunjukkan kelemahannya sebagai seorang manusia sehingga ada yang membuat kesimpulan bahawa beliau sesungguhnya kurang bertanggungjawab sebagai seorang Presiden. Tetapi baru-baru ini, 20 tahun setelah beliau dibunuhi, ternampak bahawa secara umum imej Kennedy tidak banyak berubah. Beliau masih dipuja; ramai menganggap beliau sebagai salah seorang Presiden yang luarbiasa. Ternampak jelas pada masa hadapan kelak jika sekiranya orang Amerika diminta menentukan siapakah di antara Presiden-presiden Amerika yang sepatutnya dianggap mempunyai tempat yang kekal dalam sejarah, Presiden Kennedy akan diletakkan bersama-sama dengan Presiden seperti Washington, Lincoln dan Roosevelt.

Bukan biografi yang tidak biasa ditulis di Malaysia bahkan memoir dan autobiografi juga. Kebanyakan memoir dan autobiografi ditulis oleh orang Barat. Sejak dahulu-dahulu lagi,

pegawai-pegawai Inggeris seperti A.E.H. Anson, Sir Laurence Guillemard, kemudian Victor Purcell, R.O. Winstedt dan Andrew Gilmour merakamkan kenangan mereka waktu mereka berkhidmat di Malaysia. Ramai lagi menulis, setengah-setengahnya dalam bentuk makalah saja, dan ada pula di antara tulisan-tulisan itu yang tidak pernah diterbitkan.

Mujurnya baru-baru ini ternampak beberapa orang Malaysia yang telah mencantohi orang Barat; yang paling berjaya ialah Tunku Abdul Rahman bekas Perdana Menteri Malaysia. Penuntut-penuntut universiti Kajai, Abdul Kadir Adabi, Sayid Syeikh Al-Hadi, Ishak Haji Muhammad, Za'ba, Ahmad Boestaman, Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek, dan sebagainya telah dikaji dengan agak lengkap. Tetapi ramai lagi belum diberi perhatian sewajarnya termasuk Tengku Ismail bin Tengku Mohd. Yassin, Tan Sri Nik Ahmed Kamil, Dato' Panglima Bukit Gantang (Haji Abdul Wahab), Dato' Mohd. Shariff (Menteri Besar Kedah), Tun Dr. Ismail, Dr. Hamzah Taib, dan ramai lagi.

Penulisan biografi pada masa sekarang bukan sesuatu yang begitu jarang berlaku; hanya mereka yang berusaha menulis tentang seseorang tokoh masih mempunyai satu matlumat sahaja — *memuji*. Mereka tidak cuba melihat tokoh dengan perspektif yang lebih bulat. Kenyataan-kenyataan yang dibuat kurang dipertanggungjawab dengan menentangkan maklumat-maklumat yang jelas dan tepat.

Biografi bukan hanya membincangkan tokoh; ia sebenarnya dapat memberi gambaran yang bernilai tentang masyarakat terutamanya zaman di mana tokoh hidup. Itu amat penting dalam penulisan sejarah untuk menjamin supaya anakronisme tidak berlaku.

Kempen Kebersihan

Prof. Khoo Kay Kim

Kempen kebersihan adalah satu-satunya kempen yang bukan hanya lebih bererti tetapi nampak mulai memberi kesan kepada masyarakat. Peranan yang dimainkan oleh T.V. Malaysia sangatlah penting. Mudah-mudahan T.V. Malaysia akan tetap memberi perhatian kepada masalah ini, mungkin tidak semestinya tiap-tiap malam seperti 'Hari Ini Dalam Sejarah' tetapi kempen ini harus dijalankan sehingga masyarakat Malaysia mulai memperlihatkan kesedaran dan secara otomatis akan menjaga kebersihan di mana-mana mereka berada. Maksudnya mereka tidak akan melakukan sesuatu yang tidak selaras dengan idea kebersihan walaupun tiada ada sesiapa yang akan mendenda mereka.

Kebersihan ada kaitannya dengan disiplin, juga apa yang dipanggil *civic consciousness*. Tidak dapat dinafikan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, masyarakat kita telah menjadi semakin cuai. Kebanyakan bandar sekarang kalau dibandingkan dengan zaman sebelum merdeka sangatlah menyedihkan. Ter-nampak seolah-olah tidak ada orang yang menjaga kebersihan bandar: rumput tidak dipotong, rumah tidak dijaga (termasuk rumah kerajaan) dan tempat-tempat di mana orang ramai biasa berkumpul seolah-olah tidak pernah dibersihkan.

Kemerosotan kebersihan sebenarnya menunjukkan bahawa sikap orang Malaysia terlampaui nafsi. Mereka hanya sanggup

menjaga apa saja yang dapat memberi faedah kepada diri sendiri dan tidak rela memberi sumbangan kepada masyarakat keseluruhannya. Tidak terlintas dalam pemikiran mereka bahawa kepentingan komuniti sebenarnya ada kaitan dengan kepentingan diri sendiri.

Ini dapat dilihat juga daripada cara orang Malaysia memandu kereta. Seringkali kita dapat melihat orang melanggar undang-undang lalulintas seolah-olah itu adalah hak mereka, iaitu setiap orang berpendapat bahawa hak mereka lebih penting daripada hak orang lain. Yang paling ternyata ialah pemandu bas mini. Mereka sentiasa mahu mendahului kereta-kereta lain. Dan jika sekiranya pihak polis mengambil tindakan terhadap mereka maka kedengaran sungutan dan jeritan daripada mereka: "Polis menganiaya kami!" Tidaklah pula disebutkan sama ada mereka rasa bahawa tindakan polis itu adalah selaras dengan undang-undang. Berasaskan protes mereta ternampak bahawa andaian mereka ialah undang-undang sepatutnya diketepikan untuk bas mini kerana bas mini memberi perkhidmatan yang penting.

Tetapi dalam masyarakat yang begitu luas itu bukan bas mini saja yang memberi perkhidmatan. Setiap masyarakat memerlukan beraneka jenis perkhidmatan. Hanya sekiranya tiap-tiap orang memainkan peranan yang diserahkan kepadanya baru masyarakat itu dapat hidup dengan cara yang teratur dan dengan cara demikian mendatangkan kebahagian kepada semua anggotanya. Sama sekali tiada sebab mengapa perkhidmatan bas dengan cara demikian mendatangkan kebahagian kepada semua anggotanya. Sama sekali tiada sebab mengapa perkhidmatan bas mini sepatutnya dianggap terpenting.

Sesungguhnya bukan pemandu bas mini saja yang tidak patuh kepada undang-undang. Ramai pemandu kereta swasta pun berlagak seolah-olah merekalah yang sepatutnya diberi kebebasan dan hak istimewa. Pernah berlaku suatu masa di mana seorang pemandu kereta berhenti bila lampu isyarat menunjukkan warna kuning. Kemudian pemandu kereta di belakangnya turun daripada kereta terus pergi ke kereta depan dan menumbuk

pemandu itu kerana begitu mementingkan keselamatan.

Kejadian-kejadian sedemikian sebenarnya bukan berlaku sekali-sekali saja tetapi kerap berlaku. Walaupun ini tiada kaitan dengan kebersihan tetapi kesimpulan yang dapat dibuat ialah pada dasarnya penyakit sosial amat kuat dialami oleh masyarakat Malaysia. Minggu lepas saya telah menyentuh tentang masalah disiplin di sekolah. Itu juga salah satu daripada simptom bahawa masyarakat ditimpa penyakit yang sangat merbahaya.

Masyarakat akan menjadi kucar kacir jika sekiranya penyakit sosial dibiarkan menjangkit. Bila anggota-anggota sesebuah masyarakat menjadi semakin tidak bertanggungjawab maka retakan-retakan akan mulai berlaku. Dan apabila anggota-anggota masyarakat tidak lagi mementingkan kepentingan masyarakat keseluruhannya, kerajaan sendiri akan menghadapi masalah menjaga kestabilan politik dan sosial.

Maka walaupun Kempen Kebersihan itu nampaknya bukan menyentuh perkara yang begitu serius, pada dasarnya ia mempunyai implikasi yang sangat besar. Manusia yang tidak memberi perhatian kepada perkara kecil tidak mungkin dapat memikul tanggungjawab yang berat kerana yang terlibat ialah sikap dan sistem nilai. Manusia bertindak berdasarkan prinsip-prinsip yang menjadi pegangan hidup mereka.

Oleh yang demikian prinsip-prinsip yang positif seharusnya ditanam dalam hati sanubari kanak-kanak. Kempen Kebersihan bermula ia di kalangan orang ramai; selanjutnya ia seharusnya dijalankan di sekolah. Setiap tahun dari semasa ke semasa kempen itu mesti diadakan di sekolah. Kesan-kesannya saya percaya adalah lebih baik daripada pengajaran Sivik di dalam bilik darjah saja.

Murid-murid bukan hanya perlu belajar; mereka harus mengamalkan apa yang sedang dibelajar. Pelajaran yang merupakan latihan membaca buku tidak mungkin dapat memberi makna kepada kanak-kanak. Mereka tidak mungkin dapat memahami bagaimana pentingnya satu-satu pelajaran itu. Lebih-lebih lagi apa yang dipentingkan itu tidak mungkin akan menjadi sebaha-

gian daripada kehidupan mereka yang benar. Itulah masalah terbesar sistem pendidikan kita — ia terlampaui *artificial*.

Seringkali kita mendengar orang mengatakan bahawa "Itu semua teori saja; penting untuk peperiksaan, tidak penting untuk kehidupan." Jika sekiranya itulah nilai pendidikan maka adalah lebih baik jika sekiranya sekolah ditutup saja dan kita cuba mencari jalan yang lebih bererti untuk mendidik kanak-kanak kita.

Malaysia telah merdeka selama 26 tahun. Dalam masa itu, kerana kita mencapai kemerdekaan tanpa huru hara, maka kecenderungannya ialah untuk membenarkan segala-segalanya mengalir seperti dahulu. Malangnya masyarakat tidak mungkin akan bergerak menuju sasaran yang positif jika sekiranya generasi baru tidak dengan sengaja dididik supaya memahami apa sebenarnya yang dikehendaki oleh masyarakat. Tambahan pula pengaruh dari luar akan sentiasa meresap sampai ke generasi muda kerana mereka lah yang paling *impressionistic*.

Generasi muda yang tidak diberi bimbingan akan muncul sebagai generasi dengan sikap dan pandangan yang negatif terutamanya sebab mereka akan salahfaham tentang unsur-unsur budaya yang datang dari luar. Jika sekiranya kita mendapati bahawa terdapat generasi dewasa di Malaysia sekarang yang kurang bertanggungjawab, itu bererti mereka kurang diberi bimbingan semasa mereka di bangku sekolah.

Sukan: Riadah Atau Prestasi?

Prof. Khoo Kay Kim

Sebelum Perang Dunia II walaupun ramai orang Malaysia menyertai sukan, pada dasarnya prestasi bukanlah begitu penting. Orang Malaysia tidak berani bercita-cita tinggi. Walaupun ada setengah-setengah ahli sukan yang dipilih untuk mewakili negeri China atau India, keseluruhannya pertandingan antarabangsa bukan suatu kebiasaan untuk ahli sukan di Malaysia. Mereka sangat berminat dalam sukan kerana digalakkan sejak di sekolah lagi.

Sekolah seperti King Edward VII, Taiping, mempelopori sukan di kalangan murid-murid. Walaupun bola sepak adalah permainan yang paling popular kebanyakan sekolah mempunyai kemudahan untuk murid-murid menceburkan diri dalam sukan seperti badminton, hoki, ping-pong, bola keranjang, bola tampar dan kriket serta olahraga. Pertandingan di antara rumah dan di antara sekolah banyak menarik perhatian dan minat murid-murid. Kejohanan olahraga tahunan adalah hari yang amat penting dan memang menjadi satu kebiasaan untuk murid-murid sekolah memecahkan rekod negeri.

Bila murid-murid keluar dari sekolah dan terutamanya jika sekiranya mereka berkhidmat dengan kerajaan, kesempatan untuk terus menyertai pertandingan-pertandingan sukan sangatlah baik kerana ketua-ketua jabatan menggalakkan sukan.

Jabatan-jabatan kerajaan mengambil bahagian dalam liga bola sepak dan hoki, misalnya, hampir di setiap bandar. Mereka yang lebih berbakat berkesempatan mewakili negeri. Sejak awal 1920an pertandingan Piala Malaya merupakan acara bola sepak yang paling digemari ramai.

Pada waktu itu walaupun sukan digalakkan di sekolah dan di kalangan orang ramai, *incentive* tidaklah begitu banyak. Ramai pemain yang berkebolehan rajin berlatih bukan kerana diberi honorarium atau sebarang *incentive* kewangan. Mereka bangun pagi-pagi untuk berlatih bersendirian kerana jurulatih belum lagi menjadi suatu kebiasaan. Dalam latihan ahli sukan banyak memberi perhatian kepada penguasaan kemahiran. Dalam apa sahaja jenis sukan, kemahiran dianggap terpenting.

Perlawanan bola sepak terutamanya dewasa itu menarik ramai penonton dan biasanya dimainkan di padang bandar. Orang dewasa pada masa itu mempunyai masa kelapangan untuk menonton perlawanan sukan. Pada masa itu bandar-bandar tidaklah begitu besar. Kebanyakan orang boleh berjalan kaki ke padang bandar; yang lain menggunakan basikal.

Kerana orang Malaysia jarang terlibat di dalam pertandingan antarabangsa, sukan lebih dianggap sebagai riadah walaupun, sebagaimana telah disebutkan tadi, ahli sukan bertungkus lumus untuk menguasai kemahiran. Dedikasi itu kemudian mendatangkan kesan-kesan yang penting khususnya dalam bidang badminton. Pada tahun 1949 bila Pertandingan Piala Thomas diperkenalkan buat kali pertama, Tanah Melayu memerlukan seluruh dunia dengan memenangi piala itu. Tanah Melayu juga mencapai kejayaan dalam bidang angkat berat dalam Sukan Empayar British yang berlangsung pada awal 1950an.

Jelas walaupun ahli sukan kita sebelum Perang Dunia II tidak berlatih untuk bertanding di peringkat antarabangsa, dengan dedikasi dan kerajinan mereka berjaya mencapai kemajuan sehingga dapat bersaing dengan dunia luar sekurang-kurangnya dalam bidang badminton dan angkat berat. Kejayaan dalam sukan-sukan lain tidaklah begitu cemerlang tetapi kebolehan

ahli sukan negara ini dihormati dalam bidang bola sepak dan hoki.

Pada tahun 1956 negara ini telah menghantar pasukan hoki ke Olimpik Melburna. Walaupun pasukan kita tidak mendapat pingat dan kedudukannya tidak tinggi, beberapa orang pemain kita mendapat pujian daripada pasukan-pasukan yang handal seperti India dan Pakistan. Salah seorang pemain kita, Chua Eng Cheng, disebutkan sebagai di antara bek kiri terbaik di dunia.

Negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan bermula daripada masa itu, sebagai negara baru, Malaysia (waktu itu Tanah Melayu) dengan beransur-ansur mengambil bahagian dalam semakin banyak pentadbiran sukan di peringkat antarabangsa. Walaupun pada dasarnya negara ini lebih memberi keutamaan kepada pertandingan di peringkat Asia Tenggara dan Asia, pertandingan di peringkat dunia seperti Piala Dunia (bola sepak), Sukan Olimpik (hoki, bola sepak dan olahraga terutamanya) serta Sukan Komanwel serta Piala Thomas (badminton), juga Piala Davis (tennis) tidak kita elakkan.

Untuk menyertai pertandingan di peringkat tinggi itu memerlukan persediaan yang rapi dan memakan banyak perbelanjaan. Sukan dianggap begitu penting sehingga kemudian diwujudkan Kementerian Sukan bersama-sama dengan Belia dan Kebudayaan. Akhir-akhir ini ditubuhkan pula Majlis Sukan Negara dan Malaysia telah lama mempunyai Majlis Olimpik yang merupakan badan tertinggi (bukan-kerajaan) yang bertugas menguruskan segala jenis sukan yang diberi pengiktirafan oleh Majlis Olimpik Antarabangsa (I.O.C.).

Berdasarkan keterlibatan Malaysia dalam pertandingan sukan antarabangsa maka jelaslah konsep sukan untuk riadah sahaja tidak lagi merupakan suatu realiti. Negara ini telah lama sampai ke peringkat prestasi tinggi (*high performance*) bahkan sudah menghampiri sukan profesional. Sesungguhnya tidaklah keterlaluan jika sekiranya dikatakan bahawa sebilangan besar ahli sukan yang mewakili Malaysia dalam sukan yang agak popular seperti bola sepak, hoki dan badminton adalah bertaraf separuh

profesional kerana mereka banyak mendapat bantuan wang. Hanya itu bukan suatu fenomena yang terdapat di Malaysia sahaja; seluruh dunia telah mulai mengambil sikap yang lebih liberal terhadap ahli sukan amatur.

Tetapi apa yang lebih penting ialah kemunculan sukan prestasi tinggi di negara ini di samping sukan riadah yang memang telah lama wujud. Hanya kebanyakan orang di Malaysia kurang sedar bahawa kehendak-kehendak sukan prestasi tinggi dengan sukan riadah tidaklah sama. Akibatnya ahli sukan kita mengalami kegagalan yang ternyata dalam pertandingan antarabangsa. Dalam kebanyakan sukan kita belum lagi sampai kepada paras Asia dan tidak ternampak ada usaha-usaha serius untuk mencapai kemajuan.

Yang paling jelas ialah pengurusan/pentadbiran sukan belum banyak berbeza dengan keadaan sebelum merdeka. Mereka yang memainkan peranan kepemimpinan masih terdiri daripada individu-individu yang hanya melihat sukan sebagai riadah. Mereka bukan hanya tidak mempunyai cita-cita tinggi bahkan tidak berpengetahuan tentang bagaimana sukan di negara ini dapat dinaikkan tarafnya selaras dengan kehendak pertandingan antarabangsa di paras yang tertinggi. Namun demikian kita banyak mengeluarkan perbelanjaan untuk menyertai pertandingan-pertandingan tersebut.

Sebagaimana negara ini dikehendaki ‘pandang ke timur’ untuk mewujudkan semangat dan sikap baru selaras dengan kehendak pembangunan maka dalam bidang sukan juga orang Malaysia seharusnya menghapuskan sikap dan fahaman lama dan cuba mencontohi negara-negara yang maju, tak semestinya Timur kerana Barat masih jauh lebih unggul pada umumnya. Tanpa sikap dan keterlibatan baru perbelanjaan yang banyak itu sangatlah membazir kerana tidak membawa apa-apa hasil yang konkret.

Elitism dan Kecemerlangan

Prof. Khoo Kay Kim

Terutama sekali perlu dijelaskan bahawa elitisme dan kecemerlangan tidaklah sama. Pada zaman sekarang masyarakat di mana-mana pun lebih senang menyambut idea egalitarianisme daripada elitisme: tetapi dengan menolak elitisme kadang-kadang ditolak juga kecemerlangan kerana perasaan zaman sekarang ialah tidak seharusnya diadakan perbezaan di antara yang tinggi dengan yang rendah.

Sesungguhnya terdapat kekeliruan di situ kerana perbezaan dalam masyarakat tak dapat dielakkan. Manusia dilahirkan berbeza dari berbagai segi. Tambahan pula, konsep elitisme itu lebih bersabit dengan perbezaan sosial dalam masyarakat: tidak seharusnya ada kelas tinggi dan kelas rendah.

Tetapi ini tidak seharusnya disalahfahamkan kerana ia bukan bermakna di sesebuah masyarakat kecemerlangan dalam satu-satu bidang tidak sepatutnya diutamakan. Kecemerlangan tiada kaitan dengan status dan kelas; ia mempunyai hubungan erat dengan kemahiran (dalam pengertian yang luas). Maksudnya, dalam satu-satu bidang, masyarakat memerlukan orang yang mempunyai kebolehan yang tinggi.

Masalah elitisme timbul kerana masyarakat mempunyai anggapan-anggapan yang tidak menasabah. Misalnya, seorang doktor dianggap lebih tinggi daripada scorang tukang kayu pada

hal apa yang nyata hanyalah masing-masing mempunyai kemahiran yang berlainan. Masyarakat memerlukan doktor sebagaimana ia juga memerlukan tukang kayu dan sememangnya banyak lagi keperluan manusia. Di dalam tiap-tiap masyarakat ramai orang memberi perkhidmatan dalam berbagai bidang. Itulah yang dimaksudkan *division of labour*.

Tetapi dalam setiap bidang masyarakat memerlukan orang yang cemerlang untuk menjamin kualiti. Setiap manusia mempunyai kebolehannya yang tersendiri; dia perlu disalurkan kepada bidang yang sesuai dengan jiwa dan kebolehannya. Oleh yang demikian negara ini memerlukan lebih daripada satu jenis sekolah. Yang ada sekarang tertumpu kepada kecapaian akademik. Sesiapa yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan sekolah atau kurikulum akademik dianggap sebagai pelajar tercicir. Itulah punca masalah sosial di kalangan pemuda-pemudi kita.

Masyarakat kita tidak memberi perhatian kepada penetapan sistem-sistem untuk menilaikan kebolehan seseorang pemuda. SRP dan SPM dianggap kriteria mutlak untuk menentukan masa depan para pelajar. Tetapi yang ganjilnya sering kali mereka yang tercicir kemudian lebih berjaya dalam kerjaya mereka. Yang tercicir biasanya menceburkan diri dalam perniagaan. Ada di antara mereka yang kemudian menjadi jutawan dan mengubah pula mereka yang lebih berjaya dalam pelajaran. Maka terdapat satu keadaan di negara ini di mana golongan terpelajar menjadi pekerja dan yang menjadi majikan adalah mereka yang gagal dalam pelajaran formal.

Tak dapat kita fahami mengapa hanya yang gagal dalam pelajaran memasuki bidang perniagaan pada umumnya. Yang dapat diperhatikan hanyalah mereka yang mempunyai pelajaran tinggi menganggap perniagaan tidak sesuai dengan kecapaian mereka. Maka di sini ternampak bahawa status adalah faktor yang menentukan pemilihan kerja dan bukan kebolehan.

Namun demikian dalam masyarakat kita ternyata kekayaan dianggap sangat penting dan menjadi salah satu kriteria untuk menentukan status. Maka tidak menghairankan, dalam berbagai

ikhtisas, perhatian utama diberikan kepada wang. Doktor yang memberi keutamaan kepada vokesyennya dianggap bodoh dan doktor yang lebih mengutamakan wang (dan dalam proses itu melabur di sana sini) disanjung tinggi jika sekiranya dia berjaya mengumpulkan banyak wang. Pesakit yang kaya dialu-alukan; pesakit yang miskin kurang diberi layanan.

Masyarakat kita juga keliru tentang apa yang dimaksudkan pentingnya sains dan teknologi. Ramai pelajar sama ada mereka mempunyai *aptitude* atau tidak mahu mempelajari sains pada hal apa yang diperlukan oleh masyarakat demi kepentingan pembangunan bukan lebih banyak saintis tetapi lebih ramai pekerja mahir. Tetapi institusi untuk melahirkan pekerja mahir amat berkurangan dan tidak nampak ada usaha-usaha serius untuk menubuhkan institusi untuk fungsi tersebut. Sebilangan besar pekerja mahir di negara ini mendapat latihan cara tradisional iaitu mereka mula sebagai *apprentice*.

Sekali lagi yang menjadikan masalah ialah soal status. Jurutera atau saintis lebih dihormati masyarakat daripada pekerja mahir. Tetapi jika dibandingkan pekerja mahir lebih mudah mendapatkan kerja daripada jurutera atau saintis kerana pekerja mahir lebih berguna untuk menjalankan projek-projek pembangunan. Sebilangan besar pekerja mahir kelas satu sekarang berada di luar negara (Asia Barat terutamanya) kerana mendapat gaji yang lebih lumayan. Oleh yang demikian Malaysia sendiri terpaksa mengimport pekerja mahir dari negara-negara jiran.

Di sini dapat lagi satu contoh tentang kekeliruan yang timbul di antara dua konsep iaitu elitisme dan kecemerlangan. Pekerja yang mempunyai kemahiran tinggi jika sekiranya dianggap terlibat dalam golongan elit mungkin akan ditolak oleh masyarakat kita. Tetapi bukankah dia sesuai dianggap pekerja mahir yang cemerlang?

Begitu juga universiti seharusnya mengejar kecemerlangan. Buat masa sekarang memang ada kecenderungan untuk masyarakat mempercayai bahawa semua rakyat memasuki universiti. Andaian ini hanya dapat diterima jika sekiranya kita memper-

caya i bahawa hanya orang yang pergi ke universiti berhak menikmati kualiti hidup yang lebih tinggi. Tetapi ini merupakan satu kepercayaan yang tidak lojik. Apa yang sepatutnya dititikberatkan ialah semua orang yang mempunyai kemahiran tinggi berhak menikmati kualiti hidup yang lebih tinggi.

Egalitarianisme tidak sepatutnya bererti, misalnya, di dalam sesbuah pejabat semua pekerja termasuk ketua pejabat adalah sama taraf. Maka jika sekiranya ketua pejabat memberi arahan kepada pekerja di bawahnya sudah tentu mereka tidak berhak mengambil sikap tidak mahu menerima arahan semata-mata kerana di masyarakat kita yang diamalkan ialah prinsip ‘sama rata sama rasa’.

Perdana Menteri berulang kali meminta rakyat Malaysia supaya meningkatkan *productivity*; itu tidak mungkin dapat dicapai jika sekiranya kecemerlangan tidak diutamakan. Malaysia sesungguhnya mempunyai ramai bakat dalam berbagai bidang. Setiap orang seharusnya diberi kesempatan menceburkan diri dalam bidang sesuai dengan bakat semulajadinya. Bakat perlu diasuh dan dipupuk. Di dalam setiap bidang semestinya ada yang tinggi dan yang rendah, berasaskan kemahiran. Dalam lain perkataan kecemerlangan tidak sama sekali bertentangan konsep egalitarianisme.

Panchsheel (Pancasila)

Prof. Khoo Kay Kim

Pada bulan Jan tahun 1945 Sukarno mengumumkan doktrin Pancasila iaitu lima prinsip yang selanjutnya menjadi falsafah rasmi Indonesia merdeka. Lima Prinsip itu ialah: kepercayaan kepada Tuhan, nasionalisme, peri kemanusiaan, keadilan sosial dan demokrasi.

Pancasila berasal daripada perkataan Sanskrit *Panchsheel* yang bererti ‘lima prinsip atau rukun kelakuan’. Prinsip-prinsip itu telah disebutkan lebih kurang 2,500 tahun dahulu. Tetapi pada masa dahulu lima prinsip itu wujud dalam agama Budha. Indonesia yang mula-mula sekali memperkenalkan *Panchsheel* atau *Pancasila* dalam bidang politik.

Dalam hubungan antarabangsa pula konsep *Panchsheel* pernah diwujudkan dalam perjanjian di antara India dengan China mengenai perdagangan serta perhubungan di antara kawasan Tibet China dan India. Ini berlaku pada tahun 1954. Selanjutnya konsep *Panchsheel* mendapat sokongan kuat daripada 29 negara Asia-Afrika yang menyertai Persidangan Bandung di Indonesia pada bulan April tahun 1955.

Di Bandung negara-negara Asia-Afrika telah memberi perhitungan serius kepada soal keamanan di seluruh dunia. Keamanan dirasa perlu untuk negara-negara Asia-Afrika mencapai kemajuan sosial, taraf hidup yang lebih tinggi dan kebebasan yang lebih

ternyata. Prinsip-prinsip *Panchsheel* mendasari pengisytiharan sepuluh perkara yang diharap dapat menjadi asas untuk menjalin hubungan di antara negara-negara yang diwakili dalam persidangan Bandung itu. Sepuluh perkara itu ialah:

1. Menghormati hak-hak manusia asasi untuk tujuan-tujuan dan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.
2. Kehormatan untuk kedaulatan dan keutuhan territorial semua negara.
3. Pengiktirafan kesamarataan semua bangsa dan kesamarataaan semua negara, besar atau kecil.
4. Elakkan campurtangan atau pencerobohan dalam hal-hal negara-negara lain.
5. Kehormatan untuk hak setiap negara mempertahankan diri sendirinya, secara tunggal atau kolektif, selaras dengan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.
6. (a) Elakkan penggunaan aturan-aturan pertahanan kolektif untuk memajukan kepentingan khusus sebarang Kuasa Besar.
(b) Elakkan keadaan di mana sesebuah negara mengenakan tekanan ke atas negara-negara lain.
7. Elakkan tindakan-tindakan atau ancaman-ancaman pencecrobohan atau penggunaan kekerasan terhadap keutuhan territorial atau kemerdekaan politik negara lain.
8. Penyelesaian perselisihan antarabangsa dengan cara damai, seperti perundingan, *conciliation*, *arbitration* atau penyelesaian judisial serta cara-cara damai yang lain yang merupakan pilihan pihak-pihak yang berkenaan selaras dengan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.
9. Pemupukan kepentingan dan kerjasama satu sama lain.
10. Kehormatan untuk keadilan dan obligasi antarabangsa.

Pada dasarnya konsep *Panchsheel* itu mendesak negara-negara Afro-Asia supaya mencari ikhtiar menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dengan tidak menggunakan kekerasan.

Panchsheel jelas merupakan suatu konsep anti-peperangan. Dan pada masa sekarang apabila negara-negara Barat terutamanya begitu bimbang tentang perang nuklear dan Bangsa-bangsa Bersatu sendiri telah mendesak supaya diadakan perlucutan senjata secara total, kelihatan jelas bahawa konsep *Panchsheel* itu sememangnya masih relevan.

Tetapi sayangnya persidangan Bandung sendiri tidak membawa kesan-kesan yang positif. Pertama sekali, dunia pada masa itu jelas terbahagi dua – yang pro-Komunis dan yang pro-Barat. Ternyata perjuangan negara-negara di dunia ini bukanlah untuk menegakkan kebenaran atau untuk mewujudkan keadaan yang lebih aman. Dasar pro-Komunis atau pro-Barat timbul daripada perhitungan politik dan ekonomi iaitu perhitungan-perhitungan yang lebih pragmatis dan bukan perhitungan-perhitungan yang idealis: Maksudnya wujud keadaan di mana manusia sering kali kurang menyoal dan membuat analisa guna mengejar prinsip-prinsip yang lebih mulia dan tidak semestinya melibatkan konflik di antara kapitalisme dan komunisme.

Sejak persidangan Bandung juga di benua Afrika dan Asia lebih daripada benua Eropah, konflik berlaku hampir dengan tidak terhenti-henti. Negara-negara Afrika sentiasa memperlihatkan perubahan pemerintah dan setiap kali perubahan itu berlaku pembunuhan yang dahsyat merupakan satu kebiasaan. Begitu juga keadaan politik di benua Asia. Prinsip-prinsip yang dilafazkan di persidangan Bandung cepat dilupakan dan sekali lagi menunjukkan bahawa perjanjian-perjanjian yang dibuat di antara manusia dengan manusia tidak selalunya mempunyai makna terutamanya jika sekiranya tidak terdapat pihak tertentu yang dapat memainkan peranan menjamin supaya perjanjian-perjanjian dapat berjalan kuatkuasa.

Rukunegara di Malaysia yang telah diwujudkan selepas peristiwa 13 Mei 1969 sedikit sebanyak mencontohi Pancasila Indonesia. Walaupun Rukunegara wujud dalam konteks yang tertentu yang berbeza dengan keadaan yang telah melahirkan Pancasila di Indonesia, kedua-duanya mempunyai fungsi yang

hampir sama iaitu mewujudkan apa yang dapat disifatkan sebagai ideologi kebangsaan. Maka kedua-dua mempunyai perhitungan yang lebih pragmatis daripada *Pancbsheel*.

Pancasila dan Rukunegara memberi titikberat kepada nasionalisme dan nasionalisme pada dasarnya mengutamakan kepentingan satu-satu negara dalam hubungannya dengan negara-negara lain. Nasionalisme adalah perasaan yang bersifat nafsi. Berlainan sekali konsep *Pancbsheel*; ia merupakan suatu prinsip yang lebih universal dan cuba mewujudkan suatu keadaan di dunia di mana keamanan dan kedamaian akan sentiasa diutamakan dan bukan kepentingan nasional.

Oleh yang demikian pernah dikatakan bahawa doktrin *Pancbsheel* sesungguhnya wujud juga dalam prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Tetapi walau pun universalisme memang didukung oleh banyak agama dan bukan hanya Bangsa-bangsa Bersatu, kedudukannya memang lebih lemah berbanding dengan nasionalisme dan sering kali nasionalisme sendiri lebih lemah berbanding dengan *Parochialism* atau *sub-ethnicism*.

Amat sukar untuk menerangkan mengapa manusia lebih mudah digerakkan oleh perasaan *parochial* atau *sub-ethnic* tetapi itu merupakan fenomena yang wujud bukan hanya di negara-negara Dunia Ketiga bahkan di negara-negara maju juga walaupun ini tidak selalunya jelas pada kita. Hakikat ini tidak selalunya diakui oleh para sarjana yang lebih suka memberi perhatian kepada faktor-faktor ekonomi waktu memberi penjelasan tentang konflik di dunia ini.

Tetapi sudah sampai masalah untuk para sarjana mengambil sikap yang lebih realistik tentang perkembangan, pergolakan dan kejadian dalam sesebuah masyarakat juga yang melibatkan hubungan di antara dua atau lebih negara. Tidak dinafikan faktor ekonomi sering kali merupakan unsur yang mendasari konflik atau kerjasama; namun demikian terdapat juga keadaan-keadaan di mana kelakuan manusia tidak semestinya begitu rasional sebagaimana dituntut oleh Marx. Manusia boleh membunuh

bukan hanya kerana perut lapar tetapi juga kerana cemburu, benci membenci akibat seribu satu sebab atau untuk memuaskan nafsu semata-mata. Unsur-unsur tidak rasional itulah yang amat sukar dikikis dan mengakibatkan ideal seperti *Panchsheel* mustahil diamalkan di peringkat dunia.

Kemalangan Jalanraya

Prof. Khoo Kay Kim

Yang anihnya kita dapati di negara ini terdapat kempen raksasa untuk menggalakkan orang jangan merokok sehingga iklan rokok tidak boleh disiarkan melalui T.V. atau dipamerkan di tempat-tempat awam tetapi tidak ada kempen serius untuk mengurangkan bilangan pemandu kereta motor yang merbahaya di jalanraya negara ini.

Ada sekali saya bertemu dengan seorang doktor yang terlibat dengan cukup bersemangat dalam kempen anti-merokok. Saya pun bertanya pada dia, "Mana satu merupakan pembunuhan utama di Malaysia, rokok atau kereta?" Dia menjawab, "Kereta." "Jadi mengapa engkau tidak menjalankan kempen raksasa untuk menentang pemandu kereta yang merbahaya seperti pemandu bas mini?" saya menyoal. Tetapi beliau tidak menjawab.

Itulah masalahnya yang terdapat bukan hanya di kalangan orang kebanyakan bahkan di kalangan mereka yang terdidik. Mereka tidak selalunya dapat melihat dengan perspektif yang betul. Umum diberi nasihat jangan merokok kerana rokok tidak mendarangkan faedah-faedah yang tertentu bahkan jelas akan merosakkan kesihatan seseorang yang merokok. Tetapi tiap-tiap hari kita membaca dalam akhbar tentang kemalangan yang ngeri dan bilangan yang terbunuh setiap tahun adalah ramai.

Baru-baru ini sahaja di sepanjang lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur, hampir setiap hari berlaku kemalangan yang dahsyat. Tak dapat dinafikan itu berlaku kerana kontrektor yang membina jalan tidak mengambil berat tentang keselamatan pemandu kereta. Ini selalu berlaku di negara ini. Terdapat pihak-pihak tertentu yang amat cuai. Bagi mereka orang lain sama sekali tidak penting. Tambahan pula dalam masyarakat kita ada kecenderungan untuk melihat sesuatu dari kacamata perniagaan: kurangkan perbelanjaan dan maksimakan keuntungan. Akibat-akibat lain jarang sekali difikirkan. Setiap ringgit yang dikeluaran dianggap pelaburan dan semestinya membawa tambahan pada modal.

Bukan dimaksudkan di sini bahawa tidak pernah ada kempen untuk menggalakkan orang memandu kereta dengan cermat; tetapi tidak seperti kempen anti-merokok yang disertai oleh tindakan-tindakan yang agak keras (melarang orang merokok di pejabat misalnya) tidak ada pula tindakan yang konkret untuk menjamin supaya pemandu kereta akan menjadi semakin bertanggungjawab.

Kadang-kadang kita mendengar orang mengatakan bahawa untuk mencapai kemajuan masyarakat kita seharusnya bersikap kurang ajar sedikit. Ini sebenarnya bukan nasihat yang baik. Dalam masyarakat kita telah sebenarnya terdapat ramai yang terlampau kurang ajar. Ini adalah akibat daripada pembangunan yang berlaku dengan begitu pesat dan proses itu telah melahirkan suatu golongan manusia yang begitu angkuh kerana sukses yang telah mereka capai. Sikap mereka ialah dengan adanya wang mereka bukan lagi manusia biasa.

Sesiapa yang pernah memandu kereta di Malaysia, terutama sekali di bandar-bandar yang lebih besar, sudah tentu biasa bertemu dengan pemandu kereta yang angkuh. Biasanya mereka ini terdiri golongan muda, sama ada pegawai atau eksekutif di sektor swasta, boleh jadi juga mereka yang berasal dari keluarga yang berada iaitu ayah mereka adalah orang yang berpengaruh. Mereka ini sama sekali tidak menghormati pemandu lain. Mereka

tidak sabar dan kadang-kadang marah pada pemandu yang cermat kerana berhenti bila lampu isyarat telah menunjukkan warna kuning. Pada muka mereka itu seolah-olah tertulis perkataan-perkataan, "Apa engkau boleh buat pada saya?"

Kita jarang melihat polis menahan pemandu kereta yang cuai atau yang memandu kereta dengan terlampau laju di tempat-tempat yang sesak dengan kereta atau manusia. Ada kemungkinan pemandu kereta yang ganas ini akan memukul orang jika sekiranya mereka sendiri yang melanggar kereta orang lain. Mereka ini tidak jauh berbeza dengan samseng; mereka tidak patuh kepada undang-undang. Jika sekiranya mereka didapati melanggar undang-undang mereka dapat menggunakan pengaruh untuk membebaskan diri daripada menanggung hukuman. Ada misalnya pegawai-pegawai tinggi yang membenarkan anak-anak mereka memandu kereta tanpa lesen.

Banyak penjelasan pernah diberikan tentang kadar tinggi kemalangan di jalanraya di negara kita ini. Dikatakan misalnya setengah-setengah kereta dalam keadaan buruk kerana tua atau kurang terjaga. Ataupun tidak baik. Tak dapat dinafikan juga jalan pun kurang baik. Sesiapa yang biasa menggunakan lebuhraya utara-selatan mengetahui bahawa lebuhraya di Malaysia ketinggalan zaman. Jalan tidak diperluaskan mengikut kehendak zaman. Kereta zaman sekarang semakin laju, bukan hanya kereta *saloon* bahkan bas dan lori juga. Pada masa sekarang bas dan lori biasa memotong kereta *saloon* walaupun di belakang bas atau lori tertulis dengan terang perkataan-perkataan *bad laju 70 km. sejam*.

Walaupun kemalangan tidak berlaku memandu kereta sepanjang lebuhraya utara-selatan itu sangat membosankan; seringkali lebih biasa gear ketiga digunakan. Dan kalau pada masa perayaan seseorang hendak ke utara atau selatan atau dari tempat lain menuju Kuala Lumpur akan dia temui pemandu-pemandu kereta yang sungguh kurang ajar. Mereka memotong bukan dari kanan sahaja bahkan dari kiri juga dan jika sekiranya perlu

mengikut sebuah lori mereka akan cuba memotong enam atau tujuh buah kereta sekali gus. Kalau tiba-tiba ada kereta datang dari hadapan mereka akan menolak kereta lain ke tepi seolah-olah mereka adalah raja di lebuhraya.

Soalannya apakah seseorang yang sentiasa menghormati undang-undang dapat buat terhadap mereka yang tidak mahu mematuhi undang-undang? Baru-baru ini Perdana Menteri Malaysia telah banyak menegaskan tentang pentingnya *Perlembagaan*. Mungkin tidak ramai yang memahami bahawa *Perlembagaan* adalah undang-undang tertinggi sesbuah negara. Di dalam masyarakat yang mengamalkan prinsip ‘keunggulan undang-undang’ semua rakyat dikehendaki patuh kepada undang-undang.

Kita telah mengambil langkah yang agak tegas untuk mencegah orang merokok. Mengapa kita tidak mengambil langkah yang lebih tegas lagi untuk menjamin supaya orang yang tidak menghormati undang-undang tidak diberi kesempatan memandu kereta? Ini sebenarnya bukan perkara kecil. Yang tidak disedari ialah pemandu kereta yang liar sama juga seperti seorang yang merokok kedua-duanya mungkin membawa maut kepada diri sendiri. Tetapi ada perbezaan juga. Orang yang merokok tidak mungkin membunuh orang lain; tetapi pemandu kereta yang liar sentiasa membunuh orang lain yang tidak berdosa.

Yang diperlukan sekarang bukan hanya kempen melalui *poster* dan T. V. memujuk orang mematuhi undang-undang waktu memandu kereta; kempen yang sederhana jelas tidak mendatangkan apa-apa kesan. Mengapa tidak boleh diadakan hukuman yang sungguh berat untuk menjamin supaya manusia yang tidak menghormati manusia lain tidak akan dibenarkan memandu kereta? Kita seolah-olah, misalnya, takut pada pemandu bas mini kerana ramai orang menganggap bas mini ini satu rahmat pada penduduk Kuala Lumpur yang tidak mempunyai kereta. Tetapi orang yang sanggup memandu bas mini bukan sukar hendak mencari. Kalau seorang digantung sudah tentu amat mudah mendapatkan 10 orang sebagai gantinya.

Masyarakat perlu menentukan di manakah satu-satu keutamaan. Buat masa sekarang sudah terlampau ramai orang terbunuh di jalanraya. Pemandu yang cermat pun menghadapi bahaya kerana ramai pemandu tidak bertanggungjawab. Nyawa seseorang sama sekali tidak terjamin bila membawa kereta sama ada di dalam bandar ataupun di luar bandar. Sepatutnya Parlimen sendiri memberi perhatian serius kepada masalah ini dan mencari akhtiar untuk mengatasi suatu bahaya yang jauh lebih teruk daripada merokok.

Pembunuhan Anwar Sadat

Alias Mohamed

PADA hari itu di Ottawa, Kanada saya diserang selsema dan demam-demam. Sesudah menemui Doktor Osman (family doctor saya. Dia berasal dari Afrika Selatan dan, katanya, berketurunan Melayu dan beragama Islam) dan mendapat cuti seminggu, saya pulang berihat.

Seperti biasa, untuk menghilang panas-panas badan dan mengelak dari memikirkan demam secara berlebih-lebihan saya membuka televisyen sambil membelek-belek akhbar *The Globe and Mail* akhbar kebangsaan yang terbesar di Kanada.

Saya terlupa channel mana yang saya buka tetapi tidak lama kemudian muncul pengulas berita TV (TV commentator) yang menyebut tentang meletusnya pemberontakan di Cairo dan Presiden Anwar Sadat luka parah dalam kejadian itu.

Ulasan tersebut pendek saja tetapi pengulasnya berjanji untuk kembali ke kaca TV memberi maklumat-maklumat terakhir mengenai perkembangan dalam kejadian itu.

Oleh kerana TV di Kanada lebih banyak bergantung kepada pusat-pusat pemancar dan rancangan-rancangan TV Amerika Syarikat, terutama untuk mendapat maklumat-maklumat mengenai perkembangan-perkembangan di luar negeri untuk rancangan hiburan, maka saya cuba mendapatkan channel-channel lain untuk mengesahkan berita ‘pemberontakan’ tersebut.

Tidak salah lagi sesuatu telah terjadi di Cairo, pemberontakan

atau percubaan membunuh Presiden Sadat. Stesyen-stesyen TV di New York, USA yang diterima di Ottawa juga memberi ulasan terus-menerus, minit ke minit, mengenai peristiwa percubaan membunuh President Sadat.

Kesemua station TV, sama ada di Kanada atau USA, memberi maklumat yang hampir serupa mengenai peristiwa di perayaan menyambut ulang tahun kemenangan Perang 6 Oktober di Cairo itu.

Perbezaan dalam maklumat-maklumat yang diberi ialah mengenai bagaimana peristiwa itu berlaku. Setengah-setengah pengulas TV berkata pemberontakan dilakukan oleh anggota-anggota angkatan tentera Mesir. Setengah-setengah berkata serangan ke atas Presiden dilakukan oleh pengikut-pengikut Kol. Muama Qadafi dan setengah-setengah pula berkata ia dicetuskan oleh bekas-bekas anggota tentera Mesir yang disingkir dan bersembunyi di Libya.

Kesemuanya bersifat spekulatif. Demikian juga dengan keadaan Presiden Sadat — mati atau hidup.

Ada pengulas-pengulas yang percaya Presiden terbunuh serta-merta. Yang lain-lain pula berkata beliau luka-parah dan dikejar-jak ke hospital. Sementara setengah-setengah pengulas TV pula menyebut kalangan anggota tertinggi tentera Mesir sebagai berkata Presiden Sadat hanya cedera dan sedang dirawat di hospital.

Kesemua ini ternyata mendebarkan. Lebih-lebih lagi apabila kita memikirkan kedudukan politik Mesir semasa dan masalah kebangkitan gerakan Persaudaraan Muslim (Moslem Brotherhood) yang tempiasnya dirasa di Malaysia.

Soal yang penting kepada saya pada masa saya mengikuti berita TV yang memberi maklumat saat ke saat ialah nyawa Presiden Sadat, yang tanpa disedari telahpun menghembuskan nafasnya terakhir sebelum berita TV saat ke saat itu dipancarkan.

Yang kedua ialah masalah penggantinya, walaupun kita sedar dasar-dasar luar Mesir dan persaudaraan Arab dan dasar-dasar

mengenai Perjanjian Sinai tidak mungkin melencung dari dasar-dasar yang dirintis oleh Presiden Sadat.

Yang ketiga ialah perkembangan yang berlaku dalam negara itu sendiri khususnya kemunculan golongan-golongan apa yang digelar fanatik Islam dan ancaman golongan ini terhadap pentadbiran negara.

Mesir ada keistimewaananya, ada "signifance"nya kepada negara kita. Sejarah mengenai nasionalisme Melayu dan kemunculan beberapa buah pergerakan politik dan semi politik yang berteraskan Islam di negara kita tidak bermula dengan kematian Presiden Sadat, tetapi sudah lama bertunjang.

Namakan saja majalah dan suratkhabar Melayu sebelum Perang Dunia Kedua yang bertanggungjawab kepada kebangkitan semangat kebangsaan Melayu di negara kita, tidak dapat tidak inspirasinya dapat kita kesan hingga ke Mesir, terutama Universiti Alazhar, yang dianggap satu-satunya pusat kegiatan anti pemerintah sehingga pada saat-saat Presiden Sadat dibunuhan.

Jika Mesir bukan tempatnya yang terutama di mana setengah-setengah orang Melayu menimba ilmu dan inspirasi maka negara-negara lain di sekitar Mesir dan Tanah Arab itu, yang ada persamaan tunggal dengannya, tentulah sedikit-sedikit menyentuh kepentingan setengah-setengah orang di negara kita.

Arab Saudi, Iran, Iraq, Libya dan sebagainya bukan saja termasuk dalam kumpulan "negara Islam" yang mempunyai hubungan sejarah dan darah yang rapat dengan Mesir, malah, seperti Mesir, termasuk dalam kumpulan di mana setengah-setengah ahli politik di Malaysia suka menjadikan contoh.

Oleh kerana semangat ketaksuban dan sifat domatis kita terkadang-kadang tergelincir dari ingatan bahawa antara proses-proses politik dan sosial di negara-negara berkenaan dan proses-proses sosial dan politik di negara kita terdapat dinding perbezaan yang pejal dan tinggi.

Bukan saja proses perkembangan sosial dan politik antara Malaysia dan Mesir berbeza, malah proses perkembangan sosial

dan politik antara sebuah negara Arab Islam dengan sebuah negara Arab Islam yang lain juga berbeza.

Percubaan untuk melihat peristiwa-peristiwa yang berlaku di Iran, Arab Saudi dan Mesir sebagai satu rangkaian dari cetusan "kebangkitan Islam" yang digembar-gemburkan itu bukan saja akan meletakkan orang Islam di Malaysia dalam keadaan yang terpesung, akan tetapi juga akan memberi gambaran bahawa seolah-olah kemampuan dan kebenaran dalam Islam hanyalah mencetuskan huru-hara dan kacau-bilau.

Apa yang benar pada satu-satu tempat tidak semestinya benar pada satu-satu tempat yang lain, sementara apa yang dianggap sebagai benar pada satu-satu tempat mungkin hanya satu konsekuensi dari percampuran pelbagai macam faktor yang dicetuskan oleh segolongan orang-orang yang terpesung dan taksub.

Kumpulan-kumpulan manusia dan parti-parti politik yang mempunyai satu-satu kepentingan yang besar tidak mustahil termasuk dalam golongan-golongan orang yang terpesung, taksub dan gila kuasa.

Apabila taktik-taktik mereka digunakan ke atas kumpulan orang-orang yang tertinggal dan terkeluar dari arus pembangunan mental dan jasmani yang diperjuangkan oleh Islam, maka suasana yang wujud ialah satu keadaan di mana pemerintah dijadikan sararan slogan "anti Islam" kumpulan-kumpulan tersebut.

Di Malaysia kumpulan-kumpulan kecil seumpama itu telah wujud dengan sokongan orang-orang yang berkepentingan dan parti politik tertentu. Di Mesir ia mengorbankan jiwa seorang Presiden, seorang tokoh politik dan pejuang Islam yang mempunyai azam yang keras.

Kemenangan kepada Mesir dan orang-orang Arab umumnya dalam perang Israel dan bulan Oktober 1973 amat besar dan simbolik. Terdahulu dari itu negara-negara Arab telah menyertai tiga perperangan dengan bangsa Israel. Perang pertama dengan Israel ialah apabila negara Israel dengan pertolongan dan ban-

tuan British mengisyiharkan penubuhan negaranya pada 14 Mei 1948.

Pasukan tentera Mesir, Jordan (Transjordan), Iraq, Syria dan Lubnan bertindak dengan menduduki kawasan-kawasan di selatan dan timur Palestin yang tidak dimiliki oleh bangsa Yahudi itu.

Tentera-tentera tersebut juga menawan sebahagian kecil dari Bandar Tua Jerusalem. Sementara itu askar-askar Israel pula berjaya menguasai jalan besar ke Jerusalem menerusi Judaen Hills di mana mereka menentang serangan askar-askar Arab dengan jayanya.

Pada awal tahun 1949 tentera-tentera Israel telahpun menguasai Negev kecuali Gaza Strip. Di antara Februari dan Julai 1949 Israel dan Arab dapat mengujudkan sempadan sementara hasil dari persetujuan-persetujuan genjatan senjata.

Genjatan ini tidak kekal kerana apabila Gamal Abdel Nasser menjadi Presiden Mesir ketegangan baru telah tumbuh semula. Dalam bulan Oktober 1956, dalam krisis yang diakibatkan oleh pengambilan Terusan Suez dari British oleh Presiden Nasser, tentera-tentera Israel menyerang Sinai. Akibatnya dalam tempuh lima hari saja angkatan tentera Israel berjaya menguasai Gaza, Rafa, al-Arish dan sebahagian dari semenanjung ke timur Suez.

Kejayaan ini bagi Israel memberi kedudukan yang strategik kerana menerusi Teluk Aqaba mereka boleh membuka perhubungan laut, yang demikian mengancam kedudukan Mesir. Dalam bulan Disember, selepas campur tangan Britain dan Perancis pasukan darurat Bangsa-Bangsa Bersatu ditempatkan di situ. Tentera Israel berundur dalam bulan Mac 1957.

Dalam tahun 1967 perang Arab-Israel meletus semula selepas Presiden Nasser menuntut tentera-tentera badan dunia itu dipindahkan dari Sinai pada 16 Mei. Pertempuran yang dikenali dengan Perang Enam Hari ini, dari 5 hingga 10 Jun 1967, menyebabkan Arab (Mesir, Jordan dan Syria) kehilangan Bandar Tua Jerusalem, Semenanjung Sinai termasuk Gaza Strip, dan

kawasan-kawasan negara Jordan di barat Sungai Jordan (yang dipanggil West Bank) dan juga Golan Heights di sempadan Syria dan Israel.

Perang di antara negara-negara Arab dan Israel tidak terhenti dengan Perang Enam Hari itu saja. Sehingga tahun 1973 pertempuran-pertempuran terus-menerus berlaku antara pasukan Arab dan Yahudi. Dalam tahun berkenaan perang yang lebih besar telah meletus.

Pada 6 Oktober 1973, pada hari kebesaran agama bangsa Yahudi yang digelar Yom Kippur, tentera-tentera Mesir dan Syria menyerang Israel. Mesir memulakan serangannya menerusi Terusan Suez, Syria di Golan Heights. Perang ini ditempa dalam sejarah sebagai satu kemenangan yang besar dan paling bermakna kepada umat Arab, walau pun beberapa hari selepas itu tentera-tentera Israel berjaya memecahkan barisan tentera Arab di beberapa tempat.

Kisah perang ini dan kejayaan umat Arab, khususnya Mesir, diabadikan oleh pengarang dan tokoh politik Mesir yang terkenal, Mohamed Heikal, dalam bukunya *Road to Ramadan*.

Dalam perang ini tentera-tentera Arab diakui mempunyai kemampuan dan kekuatan yang lebih besar daripada perang-perang terdahulunya dan ini menyebabkan tentera Israel mengalami ke musuhan yang teruk. Akan tetapi seperti perang-perang yang terdahulunya, Mesir dan Israel menanda-tangani perjanjian senjata pada 18 Januari 1974.

Perjanjian ini memaksa Israel berundur ke Semenanjung Sinai ke barat apa yang dipanggil Mitla dan Gidi, sementara Mesir dikehendaki mengurangkan tenteranya di East Bank di terusan tersebut. Pasukan perdamaian Bangsa-Bangsa Bersatu ditempatkan di antara kedua-dua tentera Arab dan Mesir dan Israel.

Perjanjian ini ditambah lagi oleh satu perjanjian yang ditanda-tangani pada 4 September 1975. Israel dan Syria juga menanda-tangani yang serupa yang memisahkan kedua-dua tentera dari bertempur.

Kesemua ini — perang 6 Oktober dan perjanjian-perjanjian selepasnya — berlaku sewaktu Anwar Sadat menjadi Presiden menggantikan Presiden Nasser. Kejayaan Mesir yang merancang berbulan-bulan lamanya untuk menyerang Israel, tanpa sedikit-pun rahsia perancangan itu bocor, diberi kepada Anwar Sadat.

Kini Perang Oktober 1973 telah dianggap sebagai satu peristiwa besar dan bermakna kepada umat Arab. Orang-orang Arab sendiri dan pakar-pakar sejarah di Barat menganggap perang tersebut sebagai melayakkan dirinya untuk mengubah perimbangan kuasa di Timur Tengah. Ini termasuklah konsekuensi-konsekuensi selepas itu yang menjelma dalam "politik minyak" negara-negara Arab yang mengakibatkan kesan-kesan yang besar kepada negara-negara Barat dan juga ekonomi negara-negara Asia dan Afrika.

Kepada pengulas-pengulas politik Arab, Perang Oktober tersebut tidak akan ada persamaannya lagi bagi Arab mahupun Israel.

Jika kata-kata ini benar, maka ini ialah kerana dalam tempuh sebelas tahun — 1970—1981, Anwar Sadat telah memberi sumbangan yang besar kepada bukan saja kemenangan itu akan tetapi juga kepada usaha-usaha perdamaian Arab-Israel.

Anwar Sadat menjadi Presiden dalam tahun 1970 menggantikan Nasser apabila Nasser meninggal dunia pada 28 September 1970 akibat diserang penyakit jantung yang tiba-tiba. Kerajaan Gamal Abdel Nasser yang diambil alih oleh Sadat ialah sebuah kerajaan yang pemimpinnya diterima oleh umat Arab sebagai seorang nasionalis yang bertanggungjawab kepada pembebasan umat Arab dari penjajahan British.

Nasser mendapat latihan awal di Royal Military Academy. Beliau adalah salah seorang yang bertanggungjawab menuahkan sebuah pertubuhan revolusi bawah tanah, iaitu Free Officers, yang bertujuan untuk menamatkan penjajahan British dan keluarga diraja Mesir. Pada 23 Julai 1952 Nasser serta pegawai-pegawai Free Officers yang lain melancarkan rampasan kuasa

terhadap pemerintahan beraja. Mesir kemudian diambil-alih oleh Majlis Pemerintah Revolusi yang dipimpin oleh Nasser sendiri.

Dalam tahun 1954 Nasser menjadi Perdana Menteri. Di bawah pentadbirannya Mesir menjadi sebuah negara Islam bersistem republik, negara kebajikan (welfare state) dan mempunyai hanya sebuah parti politik. Setahun kemudiannya beliau dilantik menjadi Presiden. Di bawah pimpinannya Mesir menyertai perang dengan Israel sebanyak dua kali, iaitu dalam tahun 1956 dan 1967.

Oleh itu apabila Sadat dilantik menjadi Presiden Mesir menggantikan Nasser, negara itu masih berada dalam keadaan perang dengan Israel. Jalan-jalan yang dilalui oleh Sadat tidak dapat tidak terpaksa menyentuh golongan-golongan tertentu di Mesir. Salah satu dari golongan ini melihat usaha-usaha Sadat sebagai condong kepada penyelesaian-penyelesaian yang dicadangkan oleh negara-negara Barat.

Dalam pada itu pun terdapat beberapa golongan lain pula yang menganggap beberapa penyelesaian Anwar Sadat mengenai kemiskinan rakyat dan pembangunan negara sebagai tidak mendatangkan kesan dari segi untuk memperbaiki nasib hidup mereka.

Dalam keadaan Presiden Sadat menghadapi rintangan dalam usaha-usaha untuk memperbaiki nasib hidup rakyat dan kerja-kerja untuk mewujudkan perdamaian dengan Israel inilah muncul kumpulan-kumpulan agama yang berhaluan extremist yang sedang berpengaruh.

Kumpulan-kumpulan ini bukan saja menganggap rancangan-rancangan pemodenan dan pembangunan itu sebagai mempunyai kesan-kesan destruktif kepada pengaruh Islam, malahan juga melihat usaha-usaha Sadat ke arah perdamaian dengan Israel sebagai belot kepada umat Arab dan rakyat Palestin.

Dalam usaha-usaha pertama – pemodenan dan pembangunan – Sadat berhadapan dengan dua macam pertentangan. Yang pertama ialah para intelektual dan pemimpin-pemimpin di kawasan-kawasan penempatan yang menaruh harapan yang

tinggi terhadap perubahan nasib rakyat jelata.

Yang kedua ialah para pemimpin agama dan intelektual yang mirip kepada akhirat semata-mata. Golongan ini menentang pembangunan dan pemodean yang bersifat jasmani dan material. Di antara kumpulan pertama dan kumpulan yang kedua itu mereka disatukan oleh satu persamaan iaitu menentang usaha damai dengan Israel.

Golongan-golongan ini mempunyai penyokong-penyokong di luar negeri, yang sejak kematian Presiden Nasser, berusaha untuk menjadi pemimpin-pemimpin utama umat Arab. Dalam keadaan seperti inilah Anwar Sadat ditentang dan akhirnya menemui maut di tangan golongan fanatik agama.

Keganasan Tabiat Manusia?

Prof. Khoo Kay Kim

Tahun 1983 ini bukan hanya penuh dengan peristiwa tetapi satu-satu peristiwa itu melibatkan penggunaan kekerasan — perang di Asia Barat, perang di Grenada, tembakan kapal terbang Korea Selatan oleh Rusia, pembunuhan Aquino dan letusan bom di Rangoon adalah di antara contoh-contoh yang lebih diketahui umum.

Peperangan di antara satu golongan/negara dengan golongan/negara lain bukanlah sesuatu yang baru bahkan dalam pengajian sejarah dahulu perhatian hampir diberikan kepada perang semata-mata dan jika sekiranya ada tempoh-tempoh tertentu di mana perang tidak berlaku maka dianggap suatu zaman tanpa sejarah. Ini pernah disebut tentang sejarah Malaysia khususnya di antara tahun 1824—1867 iaitu satu zaman di mana pihak penjajah tidak bergerak ke hadapan untuk menguasai negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu.

Perang Dunia I telah menyedarkan manusia tentang bahayanya konflik di peringkat antarabangsa maka negara-negara yang lebih kuat seperti Amerika dan Britain terlibat dalam percubaan untuk mencari *formula* guna menyekat keadaan di mana dua atau lebih negara akan berperang bagi menyelesaikan satu-satu masalah. Idea Liga Bangsa-bangsa dilaksanakan di Paris pada tahun 1919 dengan harapan Liga itu boleh menjadi suatu forum

bagi mengadakan perbincangan; dialog diharap dapat mengakibatkan tolak ansur agar peperangan dapat dielakkan. Tetapi Liga Bangsa-bangsa tidak mampu mengawal negara-negara yang agresif seperti Jerman, Itali dan Jepun. Perundingan hanya dapat mendatangkan hasilnya jika sekiranya pihak-pihak yang terlibat mempunyai tujuan ikhlas mahu mengelakkan konflik.

Lebih kurang 10 tahun setelah tamatnya Perang Dunia I maka keadaan politik di dunia mulai menjadi kecuh. Pada tahun 1931, Jepun menyerang Manchuria. Selanjutnya masalah juga timbul di Eropah di mana Hitler semakin jelas diewa-dewakan oleh orang Jerman. Menjelang tahun 1940 perang telah berlaku di Eropah dan sebelum itu di antara Jepun dengan China.

Walaupun perang sentiasa mendatangkan penderitaan kepada manusia dan sangat merugikan, yang memeranjatkan dunia ialah kekejaman orang Jerman dan Jepun. Berjuta-juta manusia dibunuhi dengan cara yang amat kejam oleh dua pihak itu. Di Eropah yang menjadi mangsa utama ialah orang Yahudi yang sangat dibenci oleh orang Jerman. Tetapi pada masa sekarang oleh Yahudi seolah-olah telah melupakan tragedi yang berlaku pada mereka kerana mereka sendiri pula dengan amat kejam membunuhi orang Palestin. Seluruh dunia bersimpati dengan mereka pada masa Perang Dunia II, kini perbuatan mereka memeranjatkan seluruh dunia.

Kita di Malaysia mendapatkan pengalaman secara langsung kekejaman pemerintahan Jepun. Harus diakui juga yang memerintah Tanah Melayu selama lebih kurang tiga tahun setengah adalah tentera Jepun lebih daripada pegawai-pegawai awam, namun demikian fahaman orang Jepun tentang undang-undang dan keadilan jauh berbeza dengan apa yang biasa diamalkan di negara ini. Bukan hanya pembunuhan dilakukan dengan sewenang-wenang, beratus ribu dihantar untuk bekerja membina Keretapi Maut, sebilangan besar tidak kembali. Bilangan penduduk India di Tanah Melayu didapati telah jatuh (berbanding dengan bilangan yang ditetapkan oleh Banci 1931) apabila Banci diadakan sekali lagi pada tahun 1947.

Seluruh dunia merasa yakin selepas pengalaman Perang Dunia II, manusia sudah semakin waras. Sudah tentu manusia enggan lagi melibatkan diri dalam sebarang perperangan. Tetapi hanya lima tahun berlalu, perang sekali lagi berlaku — kali ini di Korea. Yang terlibat bukan hanya Korea Selatan dengan Korea Utara; China terus menyokong Korea Utara dan Amerika Syarikat membantu Korea Selatan. Beberapa negara, seperti Britain, yang bersimpati dengan Amerika kemudian juga menghantar tentera ke Korea Selatan.

Dalam perperangan inilah Gen. MacArthur yang mengetuai Pentadbiran Amerika di Jepun bercadang menggunakan bom atom untuk memusnahkan musuhnya sebagaimana bom itu yang digugurkan ke atas Hiroshima dan Nagasaki telah menamatkan Perang Dunia II di Asia (tetapi bilangan orang Jepun yang terbunuh dengan cara yang amat ngeri terlampau besar). Mujur pada masa itu Presiden Amerika, Truman, adalah orang yang berperikemanusiaan maka Gen. MacArthur dipecat.

Perang Dunia diikuti pula oleh pertempuran di antara Vietnam dengan kuasa penjajah Perancis. Kejayaan orang Vietnam tidak juga mengakibatkan keamanan. Perang saudara meletus dan Amerika sekali lagi terlibat, kali ini membantu Vietnam Selatan untuk menampung kemaraan Vietnam Utara ke selatan. Sebahagian besar Vietnam musnah kerana perang itu dan ramai kanak-kanak Vietnam tidak pernah hidup dalam keadaan aman sentosa sehingga Amerika menarik diri dari Vietnam pada awal '70an.

Dalam pada itu kekacauan berlaku di negara-negara Afrika, di benua kecil India — India bertentangan dengan Pakistan, India berperang dengan China, perpisahan Pakistan yang melahirkan Bangladesh dan Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia.

Walaupun selepas Perang Dunia II, pemimpin-pemimpin negara-negara yang lebih besar seperti Rusia, Amerika dan Britain telah cuba mencari ikhtiar bagi menjamin supaya Perang Dunia III tidak berlaku iaitu dengan menukuhkan Bangsa-bangsa Bersatu, keupayaan pertubuhan itu untuk menyekat konflik di antara negara tidaklah begitu ternampak.

Hampir setiap dua atau tiga tahun sememangnya ada konflik antarabangsa. Perbincangan dan perbahasan di Bangsa-bangsa Bersatu sentiasa menemui jalan buntu kerana negara-negara di seluruh dunia hampir terbahagi dua — yang terlibat dalam blok Komunis atau blok Barat. Negara-negara yang benar-benar berkecuali bukan hanya amat kecil bilangannya; kekuatannya bukan faktor yang dapat memberi kesan kepada perselisihan di antara kuasa-kuasa yang besar.

Yang ternyata ialah peristiwa yang berlaku pada tahun 1983 ini bila kapal terbang Soviet telah menembak sebuah kapal terbang penumpang Korea Selatan dengan peluru berpandu. Seluruh dunia terkejut tetapi tiada siapapun yang dapat mengambil langkah berkesan untuk menghukum Rusia.

Yang amat sukar difahami ialah negara-negara yang kuat dapat dengan sesuka hati membuat keputusan untuk membunuh kerana satu-satu sebab tertentu. Bukan Rusia sahaja atau negara-negara mana-mana pun yang dari semasa ke semasa menghapuskan musuhnya bahkan Amerika juga, yang menuntut diri sendiri juara demokrasi, melalui CIA, telah beberapa kali campurtangan dalam hal-hal negara lain sehingga ada ketua-ketua negara yang dihapuskan supaya dapat dinaikkan mereka yang lebih pro-Amerika. Sememangnya di Amerika sendiri, pembunuhan yang kurang siuman. Pembunuhan Presiden J.F. Kennedy masih merupakan satu *mystery* — siapakah sebenarnya terlibat tidak diketahui. Pembunuhan John Lennon memang dilakukan oleh seorang gila dan terdapat ramai orang *psycho* di Amerika yang sangat merbahaya terutamanya kerana senjata api dapat dibeli dengan mudah sahaja.

Dalam sejarah dunia ini keganasan adalah satu gejala yang wujud sejak awal-awal lagi dan walaupun dikatakan manusia sekarang lebih bertamaddun kerana kemajuan teknologi yang tercapai sungguh mengagumkan, tabiat manusia ternyata adalah sama. Segala-galanya berubah kecuali manusia. Tindak-tanduk manusia tetap sukar diramalkan.

Pimpinan Mahathir

Alias Mohamed

INGATKAH kita kepada tahun 1971? Tahun tersebut penting dalam banyak hal. Pertama ialah tahun berakhirnya penggantungan Parlimen Malaysia selama 21 bulan akibat Peristiwa 13 Mei 1969. Tahun itu ialah tahun bermulanya peralihan dalam pimpinan parti dan negara. Allahyarham Tun Haji Razak bin Hussein telah dilantik menjadi Perdana Menteri kedua Malaysia menggantikan Tengku Abdul Rahman Alhaj. Tahun itu juga ialah tahun bermulanya Dasar Ekonomi Baru, dan tahun itu ialah tahun bermulanya kemasukan pemimpin-pemimpin baru dalam pimpinan negara. Di antara pemimpin-pemimpin baru ketika itu ialah Dr. Mahathir Mohamad sendiri, yang telah dipulih keahliannya dalam parti UMNO.

Akan tetapi pada tahun 1971 itu kita menyaksikan satu lagi perkembangan dalam UMNO, iaitu tahun di mana UMNO berpeluang merayakan ulangtahun Jubli Perak atau ulangtahun ke-25 penubuhan UMNO. Pada tahun itu UMNO disambut dengan amat meriah, kerana ia dirayakan dalam suasana di mana para pemimpin utamanya masih kuat dan gagah. Ketika UMNO menyambut ulangtahun ke-25 Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar masih hidup, Allahyarham Tan Sri Syed Nasir masih ada, Datuk Harun masih gagah, Datuk Abdul Samad Idris masih ligat, Datuk Senu Abdul Rahman, Encik Khir Johari, Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin, Datuk Jaafar Hassan, Tan Sri Othman Saat

dan Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tengku Abdul Rahman Putera sendiri serta lain-lain masih menjadi pendokong utama UMNO. Sebelas tahun kemudian pada hari ini, kebanyakkan tokoh-tokoh penting dan utama UMNO ini telahpun memberi jalan kepada pemimpin-pemimpin yang lebih muda dan kuat. Demikianlah berlakunya kehendak Tuhan. Dalam UMNO ia menunjukkan "patah tumbuh hilang berganti".

Sebagai ahli-ahli UMNO yang insaf, kita boleh mengambil banyak pengajaran dari peralihan dan penggantian kuasa dalam pucuk pimpinan parti dan kerajaan. Yang penting ialah pepatah Melayu yang mengatakan tiada siapapun yang boleh memekik bahawa ia akan menongkat langit untuk selama-lamanya. Dan tiada patut bagi seseorang mendakwa bahawa tiap-tiap satu pimpinan yang baru itu akan lebih buruk dari yang lama. Tiap-tiap satu pimpinan baru akan berikhtiar untuk memperbaiki tempat-tempat di mana sendi-sendinya dianggap lemah. Tetapi ini bukan bermakna pentadbiran-pentadbiran politik yang lama atau yang lepas itu buruk. Perbandingan harus relatif sifatnya. Ini ialah kerana keadaan yang wujud dalam satu-satu tempuh pentadbiran itu tidak sama. Masalah-masalah negara sepuluh atau dua puluh tahun yang lalu tidak mungkin lagi sama dengan masalah-masalah yang wujud hari ini.

UMNO selepas 25 tahun penubuhannya dalam tahun 1946 itu dan UMNO selepas 25 tahun sesudah mereka tidak sama dalam masalah dan cara-cara penyelesaiannya. Masalah-masalah yang berlaku dalam UMNO pada tahun-tahun permulaan penubuhannya telah menyebabkan keadaan melontarkan Tengku Abdul Rahman Putera ke pentas negara untuk memimpin rakyat. Dua belas tahun selepas Tengku keadaan baru pula muncul dengan penyelesaian-penyelesaian yang meminta stail baru. Keadaan ini menyebabkan perlantikan Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri yang baru. Dalam tahun 1976, selepas kematian Tun Razak, situasi menghendaki bahawa pengantinya haruslah Tun Hussein Onn. Tidak ada tolak-ansur lagi mengenainya, walaupun

betapa kuat dan hebat percubaan manusia untuk mengubah qada dan qadar Tuhan. Demikianlah jua dengan perlantikan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat.

Kita telah menyaksikan banyak perubahan yang tidak pernah kita mimpi akan berlaku dahulunya. Yang penting sekali kita telah menyaksikan kejujuran Datuk Seri Dr. Mahathir dalam beberapa kenyataan akhbaranya yang bernas. Beliau telah menegaskan bahawa beliau tidak ingin memegang kuasa lebih dari yang diperlukannya. Beliau juga telah menyebut tentang betapa sukarinya seseorang pemimpin bertahan dan bertungkus-lumus mencari jalan untuk mengekalkan kuasa dan pimpinannya walaupun pemimpin itu tahu yang ia tidak diperlui lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir telah menunjukkan bagaimana buruknya keadaan jika seseorang pemimpin terus-menerus ingin mempertahankan kedudukannya dalam keadaan ia tidak dikehendaki lagi. Datuk Seri Dr. Mahathir telah memuji sikap Tun Hussein Onn yang mengudurkan diri walaupun ia masih popular dan sumbangannya diperlui untuk membentras penyakit-penyakit negara.

Dalam tempuh beberapa minggu perlantikannya sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir telah memulakan usaha-usaha pembersihan. Beliau telah memulakannya dengan Pentadbiran Awam Kerajaan, termasuk di Jabatannya sendiri, agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun, kerajaan-kerajaan negeri, tentera dan polis, badan-badan swasta, gerakan sukarela seperti badan-badan dakwah dan universiti.

Ada di antaranya dilakukan secara langsung, sementara setengah-setengahnya diterapkan semangat "takutkan Allah". Konsep menibarkan syi'ar Islam dikembangkan kepada peranan Universiti Islam Antarabangsa dan bukan setakat orang-orang Islam dalam negeri semata-mata. Matlamat Perdana Menteri jelas kepada kita — bahawa penghormatan kepada Islam dan kaum Muslimin tidak boleh terlaksana jika pintu untuk mengenalinya

hanya terbuka untuk orang-orang Islam semata-mata. Islam bukan ideologi untuk dijadikan slogan, kerana ia adalah agama dan cara hidup, bukan doktrin yang dijadikan alat untuk mem rebut kuasa politik. Ia juga bukan monopoli satu-satu kaum atau bangsa. Islam adalah untuk manusia sejagat. Islam bukan untuk orang-orang PAS sahaja, akan tetapi juga untuk UMNO dan untuk sesiapa jua yang mempercayai dan mematuhi ajaran Islam.

Demikianlah jika Islam itu mencakup setiap aspek hidup manusia maka ia juga tidak boleh diceraikan dengan kaedah-kaedah untuk mempertahankan keutuhan cara hidupnya. Datuk Seri Dr. Mahathir telah memberi jawapan yang tepat kepada pejuang-pejuang Islam, sama ada mereka itu di Malaysia atau Lubnan, apabila beliau berkata persiapan untuk menentang musuh-musuh Islam tidak boleh tercapai sekadar mengutip derma untuk membantu pejuang-pejuang Islam, kecuali ia dilakukan di bilik-bilik kuliah, di makmal-makmal dan di kilang-kilang,

Pendek kata, sejak beliau dilantik menjadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir menggunakan waktu itu untuk menerapkan nilai-nilai baru di kalangan rakyat, ahli-ahli politik dan para pentadbir. Tetapi adakah kita memainkan peranan sewajarnya untuk menyokong dan melengkapi nilai-nilai yang ingin di terapkan oleh Perdana Menteri itu? Apakah langkah-langkah yang kita atur untuk mengelak dari berlakunya keadaan kemelesetan ekonomi yang bertambah buruk? Apakah yang kita lakukan untuk mewujudkan pentadbiran yang cekap dan amanah itu? Adakah Pergerakan Pemuda hanya penumpang atau pengkor yang tidak berkesan? Apakah perasaan kita? Apakah sikap kita?

Tidak ada satu kuasapun dalam dunia ini yang boleh menahan kita ditimpa nasib sebagaimana yang ditanggung oleh Pertubuhan Pembebasan Palestin kecuali kemahuan dan keazaman kita yang kuat untuk memerangi musuh-musuh kita. Kita

mungkin tidak menghadapi keadaan di Lubnan itu, di mana orang-orang Islam boleh dipijak-pijak, dibelah perutnya dengan benet dan dicincang sekehendak hati oleh musuh-musuh. Ya, mungkin. Tetapi apakah jaminannya komunis Vietnam dan gurila-gurila komunis lainnya di rantau Asia Tenggara ini tidak akan bersikap seperti tentera-tentera Yahudi itu jika mereka mendapat peluang menyerang negara kita? Fikiran Perdana Menteri mengenai persiapan ketenteraan yang rapi dan lengkap itu bukan perkara baru. Dalam tahun 1967 dahulu sewaktu beliau masih menjadi wakil Rakyat Kota Setar, Dr. Mahathir pernah menulis dalam sebuah akhbar dengan rencananya bertajuk "Defence Preparedness". Kata beliau dalam tulisannya itu "Kita mungkin tidak dapat bertahan jika serangan itu datang secara langsung, akan tetapi jika diberi amaran terlebih dulu dan dengan persediaan kita boleh mematahkan pengambil-alihan kuasa oleh apa jua jenis kerajaan barisan pembebasan kebangsaan." Perdana Menteri telahpun mencadangkan ketika itu agar latihan-latihan diberi kepada orang-orang yang taat-setianya tidak berbelah bagi dalam penggunaan senjata api, pertahanan kampung-kampung, jalan-jalan perbekalan makanan dan lain-lain cara perang gurila. Kita mestilah berjaga-jaga untuk menghadapi kemungkinan buruk, katanya. Kita tidak boleh melihat sesuatu itu secara tidak indah sahaja.

Ini bukan tugas kilang-kilang senjata dan makmal-makmal ujian senjata api sahaja. Akan tetapi juga tanggungjawab Pergerakan Pemuda UMNO. Tapi adakah kita telah memulakan tugas kita untuk bergerak ke arah itu, atau kita masih lena dan bermimpi dengan membina sahabat-sahabat dan klik di tempat-tempat yang stratejik dalam parti dan pejabat-pejabat akhbar untuk memenangi pilihanraya dan mengekalkan jawatan?

Saya ingin mencadangkan kepada Pergerakan Pemuda UMNO dan seluruh badan-badan belia di negara ini supaya memulakan tugas mencari jalan untuk mempertahankan negara dengan cara yang lebih berkesan. Kita belum berada dalam keadaan perang.

Akan tetapi negara-negara yang berada dalam keadaan perangpun kadang-kadang ditelan oleh musuh-musuh tanpa sebiji pelurupun dapat ditembak.

Ancaman-ancaman seperti inilah memerlukan waspada Pergerakan Pemuda, jika ia ingin peranan dan identitinya dikekalkan dalam UMNO. Kepada saya, Pergerakan Pemuda tidak harus dibiarkan kekal dalam keadaan ruang kosong atau vakum, iaitu tidak sensitif terhadap masalah-masalah negara. Identiti Pergerakan Pemuda sekarang haruslah dipisahkan dari percubaan-percubaan untuk mewujudkan "pimpinan dalam pimpinan" yang hanya bertungkus-lumus untuk mencipta issue-issue. Tugas kita yang besar ialah berusaha untuk menyelesaikan masalah-masalah negara dan pimpinan dengan tidak mewujudkan satu lagi pimpinan dalam pimpinan. Ertinya, Pergerakan Pemuda tidak memerlukan imej, 'saingan' atau 'competitor' dalam UMNO. Yang "indispensable" dalam Pergerakan bukan pimpinan, akan tetapi penyelesaian. Hanya penyelesaian-penyelesaian yang baik yang boleh dikemukakan yang membolehkan Pergerakan Pemuda menjadi "indispensable". UMNO akan terus hidup dengan pemimpin-pemimpinnya yang bertukar ganti dari masa ke semasa walaupun tanpa Pergerakan. Tetapi mungkinkah UMNO dapat kekal di dunia ini jika penyelesaian-penyelesaiannya yang datang dari pelbagai pihak itu, termasuk Pergerakan Pemudanya, tidak ada atau tidak dapat bertahan?

Pada hari ini Pergerakan Pemuda hendaklah menoleh ke belakang dan cuba menilai kekuatan dan kelemahannya. Apakah sumbangan-sumbangannya pada masa lalu? Pergerakan Pemuda mempunyai peranan besar untuk dimainkan. Ada pula setengah-setengah orang yang berkata Pergerakan Pemuda mustahak, perlu wujud dan oleh yang demikian "indispensable". Inilah waktunya kita memulakan proses "melihat ke dalam" supaya penyelesaian-penyelesaian dan pendekatan kita terhadap satu-satu masalah boleh menjadikan Pergerakan Pemuda sebagai tunas yang perlu dibaja, dipelihara, dibelai dan tidak perlu dimatikan.

Saya ingin melihat Pergerakan Pemuda menjadi sebuah "institution" yang memainkan peranan raksasa dalam beberapa masalah negara. Kita tidak boleh menyalahkan orang lain jika pergerakan-pergerakan pemuda mereka lebih hebat dari segi peranan dan pencapaiannya. Kita juga tidak boleh cemburu kepada beberapa buah pergerakan pemuda sukarela di negara ini kalau mereka lebih terkenal dari Pergerakan Pemuda, terutama di negara-negara jiran dan di negara-negara Islam. Penerimaan orang terhadap kita datang apabila kita boleh membawa diri kita dengan kesan bahawa kita boleh berlaku adil terhadap sesuatu perkara. Pergerakan Pemuda akan hanya menjadi medan berlatih untuk berpidato atau kelab membina pengaruh jika ia bertungkus-lumus untuk mendedahkan kelemahan orang lain, sedangkan kelemahan sendiri dan orang-orang yang rapat dengannya dan yang ada 'saham' dalam pimpinannya, dielak atau ditutup. Peranan seperti ini mestilah ditamatkan. Ada peranan yang lebih besar yang harus kita mainkan. Ada tujuan dan objektif yang lebih murni yang harus kita capai dan perjuangkan. Kita harus mempunyai 'character' dan 'dignity'. Kita tidak boleh mengekalkan kewibawaan kita seperti orang-orang yang merangkak dalam lumpur dan mengharapkan keluar dari lumpur itu tanpa lumpur di sekeliling badan.

Kita sedang menghadapi pelbagai macam dugaan dan ancaman. Kesatuan dalam umat Islam sedang dipecahkan. Kita berpecah bukan saja dalam pilihanraya, akan tetapi juga ketika tiap-tiap seorang dari kita bertekad dalam hati untuk membuat amal ibadat dan mengadap Tuhan. Kita mula bercerai-berai di masjid-masjid dan surau. Kita pecah sewaktu berjumaah. Kita mulai pecah waktu sembahyang Hari Raya. Kita telahpun bermusuhan ketika berkenduri kendara, di majlis-majlis kahwin dan di setengah-setengah tempat kita bercerai-berai kerana parti-parti politik yang kita ikuti itu diberi label 'Parti Kafir' dan 'Parti Islam'. Setengah-setengah dari alim-ulama yang mendakwa dirinya sebagai pejuang Islam dengan mudah dan senang sekali memberi

pahala dan dosa kepada manusia. Mereka telah mengambil-alih tugas Allah (s.w.t.) Mereka telah dapat menentukan di dunia ini ahli syurga dan ahli neraka.

Masalah Pengiktirafan dan Penerimaan Kepimpinan UMNO

Alias Mohamed

Tidak lama dahulu saya pernah terdengar di salah sebuah mesyuarat Agong Pemuda UMNO tentang kedudukan ahli-ahli Pemuda UMNO berhubung dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekeliling kita. Ada setengah-setengah anggota Pergerakan tidak begitu mengambil indah terhadap apa jua yang berlaku di sekeliling mereka kecuali pada saat-saat apabila hampir dengan pilihanraya. Akibatnya, mereka tidak begitu faham aliran-aliran dan pesanan-pesanan dalam kenyataan-kenyataan akhbar. Ada setengah-setengah ahli Pergerakan yang tidak tahu pendirian parti terhadap satu-satu issue yang ditimbulkan oleh parti lawan. Keadaan seumpama ini menyebabkan ahli-ahli Pergerakan menghadiri ceramah-ceramah dengan hujah-hujah yang lemah yang tidak dapat mematahkan di'ayah-di'ayah parti lawan dan mereka-mereka yang atas sebab-sebab tertentu tidak bersetuju dengan Pemuda.

Soal yang penting ialah imej Pergerakan. UMNO yang mendo-kong kerajaan hari ini telah menetapkan bahawa demokrasi ialah sebaik-baik sistem bagi negara ini. Segala alat demokrasi yang disediakan oleh kerajaan untuk membolehkan rakyat bersuara itu bukan hanya terbuka kepada UMNO sahaja, akan tetapi juga parti-parti yang menentang UMNO. Jika kita sendiri tidak menggunakan alat-alat ini untuk menyibarkan pegaruh kita,

maka ia akan digunakan oleh parti-parti lawan untuk menyibarkan pengaruh mereka dan menentang UMNO. Orang-orang yang memekik kononnya demokrasi di negara ini terhad ialah orang yang sama yang menggunakan alat-alat demokrasi sepenuhnya untuk menentang kerajaan. Mereka yang melaugkan dengan kuat demokrasi kerana menyokong demokrasi ialah mereka yang ingin memperalatkan demokrasi untuk menghancurkan demokrasi.

Sekarang wujud golongan-golongan yang pada ketika-ketika tertentu menuduh kerajaan menyumbat mulut mereka supaya tidak boleh bercakap dan tidak bebas bersuara, akan tetapi dengan cara yang amat licin dan seni mereka menggunakan alim ulama dan rakyat miskin yang tidak mempunyai apa-apa kepentingan untuk menikam kerajaan dari belakang. Alim ulama dan tuan-tuan guru ini dihasut supaya memusuhi kerajaan dengan menggunakan surau dan masjid. Di setengah-setengah tempat mereka mengambil peluang mengecam kerajaan ketika kaum Muslimin menunaikan sembahyang Hari Raya Puasa. Isi khutbah yang disediakan oleh Majlis Agama Islam diketepikan dan digantikan dengan isi khutbah sendiri. Sekarang mereka bukan saja menggunakan alat-alat demokrasi yang disediakan oleh kerajaan itu untuk mengecam dan mengkritik kerajaan secara terbuka, malahan juga menggunakan bangunan-bangunan kerajaan, surau dan masjid, pemberas suara dan lain-lain kemudahan yang terdapat dalam masjid untuk memburukkan imej kerajaan.

Sungguhpun peristiwa pulau-memulau di kalangan orang-orang Islam ini bukan satu perkembangan baru, kerana ia pernah berlaku sewaktu PAS belum menyertai Barisan Nasional sebelum tahun 1973 dahulu; kejadian yang berlaku sekarang adalah sangat merbahaya kepada perpaduan bangsa Melayu dan keselamatan negara. Ia juga menunjukkan seolah-olah peristiwa-peristiwa itu dirancang dengan rapi. Dalam tindak-tanduk mereka ini mereka telah menunjukkan satu pola atau "pattern" yang tersusun rapi. Sungguhpun pemimpin-pemimpin PAS cuba menafikan bahawa peristiwa-peristiwa seumpama itu tidak ada

kena-mengena dengan parti politik, bukti-bukti yang ada menunjukkan politiklah yang menjadi punca kekeruhan dan kekacauan dalam perpaduan umat Islam di negara kita hari ini. Tentulah kejadian ini tidak bermula dengan akidah semata-mata jika tidak kerana racun-racun politik yang disuntik ke dalam akidah Islam.

Orang-orang Melayu di negara ini ingin mengetahui sama ada pemimpin-pemimpin Islam tertentu lebih gemar bermain silap mata dari menyokong kerajaan untuk menyelesaikan perselisihan faham di kalangan orang Islam. Suara pemimpin-pemimpin PAS hanya sekadar melepas batuk di tangga sahaja dalam masa negara sedang menghadapi cabaran kepada perpaduan umat Islam. Adalah menakjubkan jika pemimpin-pemimpin PAS yang mendakwa bertanggungjawab kepada agama Islam di negara ini tidak menganggap tugas mereka untuk menyelesaikan bibit-bibit perpecahan di Terengganu dan Kelantan itu.

Kita hendaklah memikirkan harga yang terpaksa kita bayar dalam jangka panjang akibat membenarkan golongan-golongan tertentu menggunakan alat-alat demokrasi untuk menghancurkan perpaduan bangsa Melayu sendiri. Adalah lebih baik bagi negara ini mengorbankan segelintir pengkhianat-pengkhianat jika dengan berbuat demikian kita menyelamatkan 14 juta rakyat dari terjerumus ke dalam gaung perang saudara.

Negara kita belum lagi menghadapi atau berada dalam keadaan huru-hara. Perkembangan baru ini di Terengganu dan Kelantan tidak syak lagi akan digunakan sepenuhnya oleh Parti Komunis Malaya, terutama sayap agamanya, iaitu Persatuan Persaudaraan Islam atau PAPERI, untuk memecah-belahkan barisan umat Islam di negara ini.

Tetapi ancaman terhadap UMNO dan kerajaan bukan saja dari luar. Anasir-anasir yang ingin melihat UMNO dan kerajaan lumpuh dan tumbang juga datang dari dalam. *Ancaman dari dalam* ini wujud dalam berbagai bentuk. Walaupun bilangan golongan anti pentadbiran baru ini kecil, mereka boleh melakukan kererosakan, sebotaj dan pemulauan secara halus di mana-mana,

termasuk di bank-bank, pejabat-pejabat kerajaan dan ejensi kerajaan. Golongan-golongan ini sedar kita hanya mempunyai lapan tahun sahaja lagi untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Golongan-golongan ini akan mengambil peluang dari kedudukan kerajaan seperti ini untuk melambat-lambatkan tercapainya matlamat DEB.

Tidak semua orang suka pentadbiran yang cekap, amanah dan licin atau bersih. Mereka tidak suka cekap kerana cekap bererti mereka akan kehilangan peluang untuk mendapat kekayaan secara haram. Mereka hanya sanggup menjadi cekap jika mereka tahu mereka akan mendapat upah dari sumber-sumber lain dari yang halal atau lain dari yang diberi oleh kerajaan secara sah dan benar. Sikap pegawai-pegawai kerajaan tertentu, sungguhpun tidak semua, menggeciwakan UMNO dan orang Melayu. Peniaga-peniaga muda Melayu misalnya yang kali pertama atau kedua menceburkan diri dalam perusahaan akan keciwa dengan sikap pegawai-pegawai kerajaan dan bank yang memilih bulu dan rompi untuk meluluskan permohonan projek dan pinjaman.

Pemimpin-pemimpin kita telah berkali-kali menasihatkan pegawai-pegawai kerajaan dan bank-bank supaya memberi kemudahan dan memperhitungkan objektif DEB, agar lebih ramai orang Melayu menjadi peniaga dan pengusaha. Dalam kes-kes tertentu, permohonan-permohonan peniaga muda Melayu ini ditolak sewenang-wenang walaupun alasan yang diberi oleh pegawai-pegawai dan bank-bank berkenaan tidak munasabah. Dan tahun demi tahun Perhimpunan Agong UMNO terpaksa mendengar rungutan peniaga-peniaga muda Melayu ini. Sungguhpun setengah-setengah dari rungutan mereka dapat diatasi setelah campur tangan pihak atasan, kita haruslah sedar bahawa tahun demi tahun bilangan pemuda Melayu yang menyahut seruan kerajaan untuk menceburkan diri dalam bidang perdagangan dan perusahaan, akan bertambah ramai dan besar. Di sinilah kerjasama dan persefahaman pegawai-pegawai kerajaan dan bank itu dikehendaki.

Kita juga sedar kadar pertambahan bilangan peniaga muda Melayu dan pertambahan pegawai-pegawai kerajaan dan bank mungkin tidak seimbang, yang membolehkan kerja-kerja untuk memproses permohonan menjadi lambat dan tertangguh. Ini mungkin satu masalah yang memerlukan kesabaran untuk mengatasinya. Tetapi pokok pangkal sebenar masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga muda Melayu ialah alasan-alasan yang diberi serta sikap yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai berkenaan. Setengah-setengahnya tidak dapat tidak akan memberi kesan buruk kepada imej kerajaan dan UMNO.

Kaedah di mana peniaga-peniaga dan pegawai-pegawai kerajaan dan bank boleh duduk bersama-sama di satu bangku dalam apa jua jawatankuasa atau latihan iktisas yang melibatkan penyertaan bumiputera dalam perusahaan dan perdagangan harus digalakkan. Kita sedar Jabatan Perdana Menteri telah mewujudkan Unit Penyertaan Bumiputera, akan tetapi unit tersebut mungkin tidak dapat melayan kesemua penyertaan bumiputera terutama peniaga-peniaga muda yang ingin menjalankan perniagaan yang melibatkan jumlah hanya puluhan atau ratusan ribu sahaja. Unit Penyertaan Bumiputera di JPM hanya sesuai bagi masalah-masalah besar yang dihadapi oleh orang Melayu dengan perusahaan-perusahaan besar dan raksaksa. Dalam pada itu pun, kita masih memikirkan Unit tersebut boleh membantu dalam meneliti laporan-laporan yang datang dari unit bumiputera di bank-bank dan pejabat-pejabat kerajaan. Dalam hal ini, peniaga-peniaga muda Melayu sendiri haruslah mengambil daya usaha memajukan masalah mereka kepada pihak-pihak atasan, supaya alasan-asalan yang diberi oleh pegawai-pegawai bank dan jabatan-jabatan kerajaan terhadap permohonan-permohonan yang ditolak tidak merupakan alasan sebelah pihak sahaja, sedangkan peniaga-peniaga tidak dapat peluang mengemukakan alasan mereka. Pegawai-pegawai kerajaan dan bank patut bersikap seperti Melayu dan mengurangkan sikap sompong mereka yang berlindung di sebalik jawatan pegawai itu. Mereka tidak meminta percuma. Mereka hanya meminta kemudahan.

Pegawai-pegawai kerajaan dan bank hendaklah sedar dan ingat bahawa mereka juga akan turut bertanggungjawab sekiranya dasar-dasar kerajaan yang didokong dan digubal oleh pemimpin-pemimpin Melayu tidak berjaya atau gagal. Mereka tidak harus berkhayal yang mereka akan mendapat kedudukan yang lebih baik jika dasar-dasar UMNO terhadap orang-orang Melayu gagal. Kehancuran dasar-dasar UMNO di negara ini akan dengan sendirinya menghancurkan kedudukan dan impian pegawai-pegawai itu. Mereka juga patut sedar bahawa di negara kita hanya dua kuasa sahaja yang boleh mentadbirkan negara ini. Kuasa yang pertama ialah orang-orang Melayu seperti UMNO atau PAS, dan kuasa yang kedua ialah orang-orang bukan Melayu. Sekarang UMNO yang mentadbirkan negara kerana rakyat sedar jika mereka mahukan PAS, maka mereka terpaksa menjual maruah orang Melayu dengan bertuankan pemimpin-pemimpin yang tidak dapat menunjukkan kecekapan, kebersihan dan amanah. Mereka telah mentadbirkan Kelantan selama 19 tahun dan akibat dari pentadbiran itu rakyat Kelantan terpaksa menanggung kesusahan. Mereka sedar mereka tidak akan dapat memerintah negara ini dengan barisan pemimpin-pemimpin yang ada pada hari ini. Oleh sebab itu, mereka menggunakan apa jua ikhtiar untuk menentukan barisan UMNO mengalami purak-puranda. Ikhtiar yang paling baru ialah melaga-lagakan orang Islam di kampung-kampung. Jika mereka berjaya dengan ikhtiar ini, mereka akan melaga-lagakan orang di bandar-bandar pula. Dan jika ikhtiar inipun akan mendapat kejayaan, mereka akan memperhebatkan gerakan untuk mengapi-apikan sentimen perkauman Islam dan bukan Islam dan di antara Melayu dan bukan Melayu. Pegawai-pegawai kerajaan hendaklah sedar usaha raksasa yang digunakan oleh setengah-setengah pemimpin Melayu untuk membelah dua negara ini. Mereka patut insaf bukan orang Melayu atau Islam dan Raja-Raja Melayu yang akan mendapat faedah dari perpecahan seperti ini, akan tetapi 'kuasa kedua', iaitu kuasa politik bukan Melayu.

Kita telah melihat bagaimana rakyat pribumi yang sah di Kampuchea dan Afghanistan telah dibelakangkan sama sekali

oleh kuasa luar atau asing. Di Kampuchea negara itu terbelah tiga, di Afghanistan terbelah dua. Sekarang kita sedang memerhatikan bagaimana tentera-tentera Yahudi dan Amerika Syarikat memulakan proses untuk membahagikan Lubnan kepada dua bahagian. Janganlah kita mimpikan Islam lagi di negara itu, apabila Amerika dan Israel meletakkan patung-patungnya untuk mentadbir Lubnan. Kita tidak pernah mimpikan semua ini boleh berlaku di Kampuchea. Kita tidak pernah mimpikan semua ini boleh berlaku di Afghanistan. Kita tidak pernah memikirkan semua ini boleh berlaku di Lubnan. Bolehkah kita memberi jaminan semua ini tidak akan berlaku di Negara kita sendiri? Jangan nanti kita menyesal dengan menang sorak kampung tergadai.

Anasir-anasir pemecah sekarang hanya mencari peluang yang baik untuk memecah-belahkan negara. Komunis telah berusaha selama 35 tahun di negara kita untuk merebut kuasa secara kekerasan. Mereka sedang meneruskan usaha ini. Dan pada saat ini, kita masih memburu mereka di sempadan dan di hutan rimba. Pada saat ini juga anasir-anasir komunis sedang giat mengedarkan dadah kepada belia-belia Islam supaya pegangan orang Melayu kepada Islam menjadi lemah. Pada saat ini, mungkin anasir-anasir Freemason sedang menjalankan jarumnya di kalangan ahli-ahli UMNO yang berpengaruh dan berkuasa. Anasir-anasir pertubuhan ini telah berjaya di peringkat awal di Singapura di mana beberapa orang pemimpinnya ditangkap. Kita harus sedar jarum-jarum pertubuhan ini mungkin bukan berjalan dalam kalangan UMNO sahaja tetapi juga di kalangan pegawai-pegawai kerajaan. Pegawai-pegawai kerajaan hendaklah memandang perkara ini dengan serius. Pada setiap masa mereka hendaklah awasi teguran dan kritik yang dihalakan kepada pemimpin sekarang, terutama keazaman pemimpin-pemimpin kita untuk menerapkan nilai-nilai Islam di negara ini. Mereka hendaklah menjadi mata dan telinga kerajaan terhadap sikap anasir-anasir tersebut mengenai Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa.

Tugas ini bukan luar biasa bagi pegawai-pegawai kerajaan. Mereka pernah menjadi pengkritik-pengkritik terhadap apa jua issue semasa mereka di kampus-kampus universiti dahulu. Setengah-setengah pemimpin pelajar bertanggungjawab mengirim laporan-laporan kepada pemimpin parti dan kerajaan. Ada di antara mereka membuat rombongan menemui Menteri-menteri. Mereka hendaklah menyambung tugas-tugas ini, walaupun mereka sekarang bergelar pegawai dan bukan pelajar.

Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menolong mereka mendapatkan ijazah-ijazah tinggi. Mereka dihantar ke luar negeri, diberi latihan dan kemudian diberi kedudukan penting dalam pejabat-pejabat kerajaan dan di universiti-universiti. Apakah mereka mahu menjadi pepatah Melayu "kacang lupakan kulit"? Adakah sukar bagi mereka untuk menolong orang-orang Melayu sekarang dengan kedudukan mereka sebagai pegawai, dan tidak sukar bagi mereka berdemonstrasi menghentam kerajaan waktu di universiti-universiti kerana kononnya kerajaan membelaikan orang Melayu? Sekarang terdapat lebih dari setengah juta pegawai kerajaan dalam negeri, dan tiap-tiap seorang dari mereka mendapat kedudukan dengan usaha-usaha UMNO dan pemimpin-pemimpin Melayu. Tidakkah besar sumbangan pegawai-pegawai kerajaan ini jika dalam diri mereka wujud perasaan untuk mengujudkan setengah juta peniaga-peniaga dan pengusaha-penusaha Melayu yang berjaya, yang dapat tinggal dan memiliki bangunan-bangunan batu dan rumah-rumah kedai di tengah-tengah bandar?

Kita mendengar adanya rungutan ahli-ahli politik dan Wakil Rakyat yang mengatakan wujud sikap sompong dan angkuh setengah-setengah pegawai-pegawai kerajaan. Kita juga terdapat cakap-cakap pegawai kerajaan yang mengatakan ahli-ahli politik tidak memahami dan tidak mengerti pentadbiran kerajaan. Jika benar cakap-cakap seperti ini, maka tentulah benar pula cakap-cakap bahawa pegawai-pegawai kerajaan kita masih ramai yang tidak memahami dasar-dasar parti kita. Jika pegawai-pegawai

kerajaan memikirkan ahli-ahli politik hanya patut di Cawangan dan Bahagian parti masing-masing, dan pegawai kerajaan pula patut tinggal di bilik-bilik berhawa dingin sahaja, maka mereka hendaklah mula memikirkan orang-orang yang memberi kedudukan kepada mereka hari ini. *Abli-abli politik banya berminat untuk melaksanakan dasar-dasar parti dan menentukan dasar-dasar itu berjaya dan tidak gagal. Ini termasuklab kerja-kerja menentukan pegawai-pegawai kerajaan melakukan apa yang memang boleh dibuat, dan bukan melakukan apa yang tidak boleh dibuat dan tidak digalakkan oleh dasar-dasar parti.* Tentulah menjadi kekeciwaan kita jika pegawai kerajaan tidak membuat apa yang mereka boleh buat atau jika mereka mengharapkan sesuatu untuk membuatnya.

Apabila Dasar Ekonomi Baru dijangka mencapai objektif 30 peratus saham orang Melayu pada tahun 1990 nanti, usia UMNO akan genap 44 tahun. Tidakkah perlu kita melihat ke dalam parti itu pencapaian-pencapaian yang kita dapat laksanakan sejak UMNO ditubuhkan dalam tahun 1946 itu?

UMNO telah banyak mencapai kejayaan. Hampir semua harapan-harapan yang pernah ditimbulkan oleh para nasionalis Melayu dalam tahun 1920an dan 1930an telah dapat kita laksanakan dalam zaman pentadbiran sejak Tengku Abdul Rahman sampailah ke zaman Dr. Mahathir Mohamad. Akan tetapi ini bukanlah bermakna kita boleh berpeluk tubuh. Kita hendaklah sedar, cita-cita yang dimimpikan oleh anggota-anggota UMNO juga menjadi cita-cita orang lain. Perbezaannya ialah kita berjuang untuk meninggikan mutu hidup orang Melayu, sementara orang lain pula bekerja untuk meninggikan mutu hidup dan mempertahankan keturunan mereka. Dalam keadaan kita berlumba-lumba inilah kita harus berwaspada agar kita tidak terjerat atau terjerumus ke jerangkap samar. Pemimpin-pemimpin kita mungkin tidak upaya melayan semua perkara di semua tempat. Adalah menjadi tanggungjawab Pemuda UMNO untuk memerhatikan agar setengah-setengah perkara itu tidak menyulitkan kedudukan pemimpin-pemimpin.

Pegerakan Pemuda UMNO misalnya mestilah memainkan peranan untuk memerhati keadaan ini. Tetapi ini bukan bermakna ia harus mencipta issue-issue dengan sewenang-wenang untuk kepentingan diri sendiri sahaja. Tenaga-tenaga mahir kita ramai. Mereka inilah yang perlu diberi tugas dan tugas itu hendaklah dijalankan dan bukan digunakan untuk mencapai hasrat dirinya semata-mata. Kita tidak akan dihormati dan diiktiraf sekiranya dalam kes-kes yang memerlukan pandangan dan kajian serious Pergerakan Pemuda. kita hanya mampu membuat kenyataan-kenyataan akhbar yang remeh. Bukan saja ahli-ahli UMNO sendiri menganggap tindakan kita itu remeh-temeh, akan tetapi juga orang-orang dari parti lain menganggap kita dari golongan yang sederhana sahaja kebolehannya. Masalah kita ialah usaha untuk bersaing dengan Pergerakan Pemuda dari Parti-parti lain itu tidak begitu ketara. Yang ada pada kita hanyalah bilangan. Dalam zaman elektronik ini, kita bukan saja muah kepentasan dan kelajuan malahan juga kekuatan daya fikir. Saya tidak mengatakan kita tidak mempunyai kebolehan daya fikir yang kuat. Saya hanya berkata daya fikir kita tidak cukup kuat untuk menyaingi atau mengatasi daya fikir dan kepentasan orang lain bekerja dan berusaha, baik untuk tujuan-tujuan politik mahupun lain-lain.

Pergerakan Pemuda patut membaharui azamnya ke arah menerapkan imej baru dalam badan pertubuhan itu, dan dalam nafas yang sama juga mula mengatur langkah-langkah supaya kita tidak lagi dipermainkan oleh teman-teman kita yang sebaya dengan kita dalam parti lain atau dalam pertubuhan-pertubuhan lain. Pengiktirafan dan penerimaan orang lain terhadap kita haruslah bermula di atas asas-asas yang berkait dengan kewibaan pimpinan kita. Tugas kita ialah untuk membantu dan melengkapi cita-cita murni pimpinan UMNO. Kita hendaklah bertindak sebagai jambatan yang padu dan kuat di antara kerajaan dan rakyat, di antara UMNO dan belia-belia, di antara dasar-dasar dan cita-cita dan di antara nasionalisme Melayu dan agama Islam.

Tidak Bersedia Menerima Kekalahan

Alias Mohamed

Sebagai sifatnya sebuah pergerakan politik yang terbesar di negara ini dan mungkin juga salah sebuah pergerakan politik pemuda yang terbesar di rantau Asia, Pergerakan Pemuda UMNO tidak luput dan tidak mungkin akan luput dari berbagai cabaran kecil atau besar, bahaya ataupun tidak. Ini ialah kerana manusia ialah haiwan yang sentiasa gelisah, bukan seperti ular sawa yang berpuas hati dengan hanya sekali menelan mangsa yang disukainya kemudian berihat sepanjang bulan. Manusia bukan sahaja mahu makanan yang enak, akan tetapi juga harapan, janji-janji dan perubahan. Oleh sebab itulah tidak mungkin ada orang yang mengatakan ia berpuas hati dengan usaha dan pencapaiannya.

Seorang pemimpin mungkin berpuas hati dengan usaha dan pencapaian-pencapaiannya pada satu-satu ketika atau tahap tertentu, akan tetapi pada ketika-ketika yang lain pula ia akan menoleh ke belakang dan mengenang semula akan kemungkinan-kemungkinan ia boleh memperbaiki lagi pencapaian-pencapaiannya, jika tidak kerana had-had yang ditentukan oleh hukum atau peraturan alam ke atas dirinya. Seharusnya ada had kepada apa jua yang boleh dilakukan oleh seseorang untuk memberi peluang kepada orang-orang yang datang kemudian menilai dan memperbaikinya pula. Ini sudah menjadi lumrah alam. Patah tumbuh hilang berganti, yang lama memberi jalan kepada yang baru dan yang tua memberi jalan kepada yang muda.

Akan tetapi pada asasnya sesiapa juga yang mempunyai cita-cita yang murni terhadap bangsa dan negaranya akan berusaha untuk melakukan sesuatu yang lebih baik dan dengan ikhtiar yang lebih sempurna. Apa jua pencapaian dan ikhtiar selepas itu adalah dilihat menerusi kehendak-kehendak dan keadaan dan perkembangan yang lain. Tidak ada dua masa yang berlainan mewujudkan satu keadaan yang serupa. Oleh itu, seharusnya timbul perbezaan antara apa yang patut dilakukan pada satu-satu ketika dan apa yang difikirkan baik dan betul oleh orang lain di ketika-ketika lain.

Satu-satu gerakan massa atau *mass movement* kebiasaananya dikaitkan dengan personaliti seseorang pemimpin. Kita tidak boleh berpura-pura dan main-main dengan perjuangan menebus maruah bangsa. Kita tidak boleh memulakan sesuatu penilaian dengan andaian kerana andaian tidak tertakluk kepada satu-satu perkembangan atau faktor tertentu sahaja. Sifat andaian adalah luas. Satu pimpinan politik atau gerakan massa tidak boleh dilihat dari satu andaian yang tidak flexible, yang tidak memperhitungkan semua kemungkinan. Andaian yang menghadkan kemungkinan adalah bukan andaian yang terbaik. Oleh sebab itu, perubahan yang hendak kita lakukan hendaklah mengambil perhitungan personaliti pemimpin dalam satu-satu masa, fikiran rakyat, pengalaman mereka dan cita-cita mereka. Sebuah negara muda seperti negara kita yang sedang maju mestilah berkembang. Peluang-peluang untuk menjadikannya sebuah negara maju, progresif dan demokratik mestilah dibuka seluas-luasnya. Tidak ada negara yang boleh berkembang, maju dan progresif jika hanya pemimpinnya sahaja yang mahukan fikiran mereka berkembang, maju dan progresif, sedangkan fikiran rakyat jelata dibiarkan kolot, pasif dan tidak progresif. Demikianlah juga kepada survival satu-satu kaum dan umat manusia jika sebaliknya berlaku.

Permusuhan yang lama dan panjang dengan mudah sahaja mencari jalan keluar sehingga keadaan menjadi buruk dengan

fitnah-memfitnah, tuduh-menuduh dan kecam-mengcam. Tidak ada pihak yang sepatutnya memulakan keadaan seperti ini yang menggelisahkan. Setiap pemimpin Pemuda hendaklah faham bahawa akan hadir di kalangan mereka pemimpin-pemimpin yang lebih handal dan matang. Oleh yang demikian, mereka hendaklah bersedia menerima kenyataan walau pahit sekalipun. Jangan memulakan keadaan yang boleh membiakkan persaingan dan intrig, kerana kegiatan-kegiatan ini hanya akan menolong mewujudkan satu bangsa yang mudah tumbang dengan satu kejutan yang memeranjatkan dari musuh-musuh negara. Dalam konteks ini Pergerakan Pemuda hendaklah bersiap sedia memperkemasikan kedudukan dan bersatu-padu kerana ini merupakan *couverture par excellence* atau satu kedudukan strategik yang paling berharga sekali.

Tenaga-tenaga morai atau moral energies terbit dari keyakinan dan kepercayaan yang bersungguh-sungguh dan tidak dari paksaan.

Oleh yang demikian, momentum massa atau *mass momentum* yang terbit dari keazaman besar untuk menang atau berjaya dalam sebuah negara demokrasi mempunyai kemampuan yang lebih besar. Ini berbeza dengan tenaga moral dan momentum massa yang digembelingkan untuk tujuan-tujuan perpecahan dan kemusnahan, yang tidak terbit dari keyakinan yang bersungguh-sungguh dan yang dipaksa. Tenaga moral yang digunakan seperti ini adalah tenaga yang sia-sia. Salah satu dari rahsia kejayaan UMNO dan Pergerakan Pemuda bertahun-tahun ialah keyakinan dan matlamat terhadap kemenangan dan kejayaan. Sungguhpun UMNO sering bertukar ganti pemimpin dan sungguhpun personaliti-personaliti para pemimpinnya bersilih ganti, semua tanpa moral perjuangan dan momentum yang kekal ialah tenaga moral dan momentum yang bukan saja berkembang akan tetapi juga menjurus ke arah kemenangan yang lebih besar. Dalam tempuh hampir 40 tahun perjuangan orang Melayu dan UMNO di negara ini tidak ada satu tahap dalam perjuangannya yang menunjukkan

orang Melayu dan UMNO bersedia menerima kekalahan dan menanggung malu kerananya. Tidak ada seorang pemimpin Melayu dalam ingatan saya yang sanggup menggadaikan maruah bangsanya. Jika terdapat penafsiran-penafsiran yang berlainan mengenai piinpinan ini ialah kerana setiap masyarakat memerlukan perubahan, sementara perubahan pula tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa sebahagian tertentu masyarakat, betapa kecil sekalipun bahagian itu dalam masyarakat. Perubahan dalam fikiran dan idea, *approach* atau kaedah dan perlaksanaan adalah hakikat yang tidak boleh dipisahkan dari sifat-sifat hukum alam. Apabila bahagian-bahagian tertentu dalam masyarakat itu menyuarakan fikiran-fikiran mereka mengenai cita-cita dan matlamat pimpinan, maka ia dengan sendirinya menimbulkan reaksi dari bahagian-bahagian lain dalam masyarakat itu. Ini ialah satu pengorbanan masyarakat yang kita boleh *tolerate*.

Perubahan yang kita tidak boleh *tolerate* dan bertolak ansur ialah perubahan yang ingin mengenepikan hasrat terbanyak dan yang ingin memaksakan ke atas orang ramai apa yang mereka ingin capai untuk diri mereka dan kaum-kerabat mereka.

Perubahan yang dipaksakan seperti ini tidak kekal lama. Kita boleh merancang, tetapi Allah Subhanahu Wata'ala yang menentukan. Saya teringat kata-kata pemimpin India mendiang Mahatma Gandhi yang berkata: "*Man is nothing. Napoleon planned much and found himself a prisoner in St. Helena. The mighty Kaiser aimed at the crown of Europe and is reduced to the status of a private gentleman. God has willed it. Let us contemplate such examples and be humble.*"

Sungguhpun dari masa ke semasa para pemimpin kita mengingatkan kita akan gejala-gejala yang mungkin timbul dari usaha-usaha yang tidak berpandukan kesabaran dan perhitungan yang teliti, ahli-ahli parti dan orang ramai hendaklah sentiasa dikehujukan dengan ingatan-ingatan dan nasihat. Bukan sahaja mata dunia akan tertumpu kepada kita pada masa-masa tenang, akan tetapi juga pada masa-masa tegang. Oleh yang demikian, adalah

penting bagi UMNO dan Pergerakan Pemudanya mengawasi kegiatan dan berhati-hati dalam tindakan. Tidak semua yang radikal itu baik dan tidak semua yang moderate atau sederhana itu boleh mendatangkan faedah kepada rakyat dan negara. Tindakan-tindakan yang tidak mengambil perhitungan fikiran rakyat dengan mudah boleh di salah tafsirkan dan mengakibatkan salah faham. Lebih-lebih lagi kenyataan-kenyataan seseorang pemimpin, di peringkat mana dia berada sekalipun, yang bertujuan untuk mengherdik pemimpin-pemimpin yang lain itu hanya akan menimbulkan kemarahan dan tindakbalas. Perpecahan akan bermula dari sini.

Matlamat Perjuangan

Alias Mohamed

SATU kesan yang paling utama dari perhimpunan yang menggabungkan tenaga 'veteran' dan 'amateur' Pergerakan Pemuda UMNO sejak dari zaman YAB Tun Hussein Onn sampailah ke zaman Saudara Anwar Ibrahim ialah keharmonian dan kesesuaian antara yang lama dan yang baru. Tiap-tiap seorang dari pemimpin Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia — YAB Tun Hussein Onn, Tun Razak, Tun Sardon Jubir, Datuk Senu Abdul Rahman, Datuk Haji Harun Idris, Tan Sri Syed Jaafar Albar, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin dan Saudara Anwar Ibrahim — adalah pejuang zamannya. Tiap-tiap seorang dari mereka adalah perakam zaman, perakam perjuangan UMNO dan perakam cita-cita orang Melayu umumnya. Setengah-setengah dari mereka mungkin tidak lagi berpaut kepada kuasa, kepada pengaruh dan kepada kedudukan yang hampir kesemuanya bersifat sementara itu, akan tetapi aspirasi mereka, pengalaman-pengalaman dan ideal-ideal mereka tetap hadir di sepanjang zaman, di sebarang waktu. Nama-nama mereka serta ideal yang mereka perjuangkan adalah sebahagian dari orang Melayu dan sebahagian dari UMNO itu sendiri. Sebagaimana tidak mungkin lagi UMNO dipisahkan dari orang Melayu, maka demikianlah tidak mungkin lagi ideal dan cita-cita yang mereka perjuangkan dapat dengan enteng dan mudah sekali diceraikan dari cita-cita orang Melayu umumnya.

UMNO kini sudah mencapai tingkat kematangannya dan ke-

dewasanya. UMNO tidak lagi boleh disifatkan sebagai parti yang hanya mementingkan survival semata-mata. UMNO tidak lagi boleh disifatkan sebagai "particularistic" atau "racist" atau "communal", apa lagi "conservative". Demokrasi di negara kita juga sudah mengharungi bukit dan lurah, gunung dan ngarai. Kita sudah diuji oleh Darurat dan malapetaka 13 Mei. Kita sudah diuga oleh "extremism". Kita sudah dikocakkan oleh sisa-sisa "colonialism" dan, akhir-akhir ini, kita telah dikejutkan oleh faham fanatik beragama. Ini tidaklah termasuk cabaran-cabaran yang kita hadapi dari "kebudayaan Hai Hong", dari keadaan inflasi dan pada hari ini dari kritikan-kritikan terhadap dasar-dasar kerajaan. Bolehlah kita memberi jaminan di sini bahawa cabaran-cabaran yang lebih besar akan datang dari masa ke semasa.

Kita tidak sepatutnya bersikap sompong dengan kejayaan-kejayaan ini, tetapi tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh berbesar hati dan bangga. Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia turut bertanggungjawab terhadap kejayaan-kejayaan ini. Jika kita terpaksa meninggi diri dan menepuk dada di atas kejayaan-kejayaan dari titik-titik hitam yang melanda negara kita ini, maka ini ialah kerana hanya kita sahajalah yang dapat menilai kejayaan kita.

Dalam UMNO kita memerlukan usaha kolektif sebagaimana juga kita memerlukan usaha perscorangan atau seseorang pemimpin. Hal seperti ini lebih-lebih lagi kebenarannya dalam Pergerakan Pemuda, kerana jika tidak demikian maka konsep Pergerakan dan perjuangannya hampir tidak penting lagi kepada politik tanahair. Bagi tiap-tiap zaman dalam pimpinan Ketua-ketua Pergerakan harus ada cita-cita dan matlamat yang murni yang hendak dicapai. Jika tidak kerana cita-cita dan nilai-nilai kepimpinan mereka yang diterapkan dalam program dan aktiviti Pergerakan itu, maka tidak mungkin kita berada pada tempat yang kita sedang nikmati hari ini. Kita ragu jikalau bukan kerana nilai-nilai serta pandangan yang mereka terapkan dalam

Pergerakan dan UMNO dari masa ke semasa, kita boleh mencapai taraf yang mengagumkan di mata dunia. Bahawa UMNO telah berkembang ke United Kingdom, Amerika Syarikat dan di Timur Tengah, dan bahawa pelajar-pelajar Melayu berada di seluruh negara-negara maju dan negara-negara Islam yang besar di seluruh dunia dalam jumlah puluhan ribu semuanya menunjukkan dengan jelas bukan sajalah kemampuan orang Melayu itu sendiri, akan tetapi juga pengaruh dan pentingnya nilai-nilai dan cita-cita yang diterapkan oleh pemimpin-pemimpin Pergerakan pada masa-masa lalu. Ini adalah satu kejayaan besar bagi Pergerakan. Ini adalah satu kebanggaan kepada kami.

Pemimpin-pemimpin yang mempunyai cita-cita terpisah dari pemimpin-pemimpin yang tidak mempunyai cita-cita dan rancangan Pergerakan. Pemimpin yang sering saja berselindung di belakang kabus kepura-puraan dan 'obscurity', yang tidak ada 'commitment' dan keyakinan tidak akan kekal dalam Pergerakan Pemuda UMNO yang besar. Mereka akan kekal hanya sebagai pengunjung dan bukan pereka atau pembina cita-cita bangsa Perbezaan antara pemimpin-pemimpin yang membina cita-cita bangsa dan pemimpin-pemimpin yang berpura-pura ialah pemimpin-pemimpin golongan yang pertama menganggap kemiskinan dalam demokrasi lebih baik dari kemakmuran di bawah pemerintahan yang zalim dan yang siang malam merancang untuk menghapuskan orang-orang yang dianggap musuhnya. Tidak bermakna sama sekali kebebasan bagi perhambaan yang masih dikenakan tekanan. Tidak bermakna sama sekali kebebasan sedangkan wujud golongan-golongan yang berusaha dan berebut-rebut mencari tempat strategik untuk mengongkong kebebasan.

Kuatkuasa undang-undang adalah satu cara yang berkesan untuk mengawal moral rakyat, tetapi undang-undang memerlukan agama di mana agama mengajar bahawa ketidak patuhan, ketidak setiaan dan pencabulan terhadap undang-undang itu adalah anti agama. Oleh itu, pemimpin-pemimpin yang menganggap undang-undang sebagai alat untuk menjamin moral

rakyat tidak merosot hendaklah juga menganggap seperti itu terhadap diri mereka. Pandangan Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini supaya "the fear of God" dijadikan panduan bagi semua orang patut diterapkan sebagai nilai politik. Jika pemimpin-pemimpin boleh memasukkan perasaan takutkan Allah ke dalam diri rakyat dan diri pemimpin-pemimpin yang tidak jujur, maka pemimpin-pemimpin yang menganggap diri mereka dapat melepaskan diri dari tindakan-tindakan buruk yang hanya diketahui oleh mereka dan sahabat-sahabat mereka sahaja itu, hendaklah faham bahawa undang-undang Allah tidak terhad kepada satu-satu golongan tertentu sahaja.

DEB: Masalah Kemudahan Bank

Alias Mohamed

TELAH diiktiraf bahawa sebuah kerajaan yang stabil memerlukan sebuah pentadbiran yang efisien (efficient), sementara sebuah pentadbiran yang efisien memerlukan pegawai-pegawai dan "bureaucratic managers" yang tidak rasuah, jujur dan dedicated.

Dalam sebuah negara yang merdeka semangat kebangsaan satu-satu bangsa dan nasionalisme memainkan peranan untuk membina sebuah pentadbiran yang teguh. Nasionalisme pula telah diiktiraf sebagai sebuah sumber kuasa yang menegakkan cita-cita dan perjuangan rakyat jelata di atas tuntutan murni untuk meruntuhkan nilai-nilai politik dan pentadbiran penjajah yang asing (alien).

(Apabila negara kita mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 tuntutan orang Melayu pada waktu itu ialah untuk mewujudkan sebuah sistem politik dan ekonomi yang merdeka dan bebas. Sungguhpun tidak semua negara-negara yang mencapai kemerdekaan dapat berdiri sendiri dalam tempuh yang singkat, negara kita, Malaysia, adalah di antara contoh-contoh bagaimana sebuah negara yang muda sedang menuju ke arah matlamat kemerdekaan ekonomi, sesudah mencapai kemerdekaan politik.)

Negara kita adalah sebuah negara yang mungkin di antara yang paling bertuah kerana walaupun ia masih mengamalkan de-

mokrasi ala Inggeris, ia tidak terpengaruh dengan kuasa-kuasa asing sehingga boleh menyebabkan sistem politik di negara ini boleh menjadi alat kuasa-kuasa tersebut. Beberapa banyak negara yang telah merdeka telah menjadi alat kuasa-kuasa seperti itu. Apalagi segala sumber ekonomi negara-negara sedemikian.

Kita sesungguhnya amat bertuah kerana tidak menjadi mangsa kuasa-kuasa negara asing yang rakus. Kita harus berbangga dengan pemimpin-pemimpin negara kita sejak merdeka kerana telah memelihara maruah rakyat dan nasionalisme orang Melayu.

Manusia mempunyai suatu kelemahan hakiki, iaitu mempunyai ingatan yang singkat dan sementara. Tidak ramai orang Melayu yang masih lagi kuat berpegang teguh kepada perjuangan pemimpin-pemimpin UMNO tahun-tahun 1950an. Mereka juga kurang mengenali anggota-anggota dari angkatan itu. Sementara dalam UMNO sendiri anggota-anggota dari angkatan 1950an semakin kurang, orang-orang muda yang hampir terpisah dengan perjuangan dan dasar-dasar yang diperjuangkan oleh UMNO tahun 1950an dahulu semakin bertambah dan memegang jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan dan swasta.

Sungguhpun kehadiran golongan-golongan baru in dalam pentadbiran kerajaan tidak boleh menyebabkan berlakunya purak-puranda dalam dasar-dasar UMNO dan kerajaan, akan tetapi tanda-tanda menunjukkan mereka perlu diberi kesedaran semula mengenai perjuangan dan cita-cita UMNO.

Baru-baru ini kerajaan telah melaksanakan beberapa peraturan yang ada hubungan dengan dasar-dasar dan cita-cita UMNO yang diperjuangkan dalam tahun-tahun 1950an itu. Peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh pimpinan baru kerajaan di bawah Dr. Mahathir menunjukkan terdapat kecondongan setengah-setengah pihak di kalangan pentadbiran kerajaan untuk menggenepikan harapan rakyat jelata. Ia menunjukkan adanya tanda-tanda, jika tidak disekat, orang ramai akan kehilangan kepercayaan kepada pentadbiran kerajaan dan parti yang mewujud dan mendokong pentadbiran tersebut.

menunjukkan terdapat kecondongan setengah-setengah pihak di kalangan pentadbiran kerajaan untuk mengeneptikan harapan rakyat jelata. Ia menunjukkan adanya tanda-tanda, jika tidak di-sekat, orang ramai akan kehilangan kepercayaan kepada pentadbiran kerajaan dan parti yang mewujud dan mendokong pentadbiran tersebut.

Kes-kes seperti sikap *sambilewa*, acuh tak acuh, rasuah dan tidak jujur seolah-olah disahkan oleh tindakan baru kerajaan tersebut. Bersabit dengan peraturan ini, kerajaan juga telah menubuhkan jawatankuasa penyiasat yang terbit dari Laporan Ketua Odit Negara dengan niat untuk memperbaiki sistem perbelanjaan.

Peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan itu bukanlah bermakna ketidak-ciciran, rasuah, dan ketidak-jujuran hanya wujud dalam pentadbiran kerajaan sahaja. Rasuah, penyalah-gunaan kuasa dan lain-lain ketidak-licinian pentadbiran juga wujud di bank-bank dan sektor swasta yang lain. Pergerakan Pe-wujud di bank-bank dan sektor swasta yang lain.

Pergerakan Pemuda UMNO baru-baru ini telah meyuarkan ketidak-puasan hati terhadap setengah-setengah sektor swasta yang tidak mengambil indah terhadap badan-badan pelajar yang memerlukan bantuan. Pergerakan Pemuda juga telah berkali-kali membantah sikap tidak jujur setengah-setengah bank dalam mengendalikan "equity share" bagi orang-orang Melayu. UMNO sendiri telah memberi amaran kepada sektor swasta yang mempermainkan penyertaan orang Melayu dalam sektor tersebut. Pegawai-pegawai Melayu dalam sektor berkenaan disekat ke-naikan gaji dan sengaja diberi gaji yang rendah. Mereka juga tidak menggalakkan pegawai-pegawai Melayu dalam syarikat dan firma-firma mereka mendapat pangkat yang lebih tinggi.

Dalam bank-bank kerajaan dan separuh kerajaan pegawai-pegawai Melayu bukan saja mempunyai kuasa pentadbiran yang kuat tetapi juga kuasa "executive" yang besar. Hal ini adalah penting untuk menjamin pertumbuhan ekonomi orang Melayu.

Akan tetapi tanda-tanda yang baru menunjukkan sejak beberapa lama bank-bank seumpama ini tidak memain peranan sewajarnya untuk menjamin keutuhan ekonomi orang Melayu, sebagaimana yang pernah dicadangkan oleh beberapa kongres ekonomi bumiputera pada masa-masa lepas. Kerajaan nampaknya berminat untuk mengubah Akta Bank supaya tanggungjawab menukuhan bank tidak melencung ke arah membantu pegawai-pegawai bank yang kaya-raya sahaja. Setakat hari ini kita belum lagi didedahkan dengan hasil penyiasatan penyalah-gunaan kuasa pegawai-pegawai bank dalam bank-bank yang dianjurkan oleh kerajaan.

Dalam kita menentukan Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan dengan betul, adalah penting kegiatan-kegiatan pegawai-pegawai tinggi bank kerajaan dan separuh kerajaan ini, atau bank-bank yang dikendalikan oleh bumiputera, dikawal rapi. Orang ramai dari masa ke semasa nampaknya tidak lagi bersabar sikap setengah-setengah pegawai-pegawai tinggi bank. Sementara pegawai-pegawai berkenaan mendapat segala macam kemudahan dari bank-bank yang mereka pimpin, orang rami dan rakyat umum yang sepatutnya mendapat kemudahan yang serupa diketepikan dalam permohonan-permohonan mereka untuk mendapat kemudahan-kemudahan tertentu.

Untuk menjamin Dasar Ekonomi Baru dan cita-cita yang di-perjuangkan oleh UMNO sejak tahun 1950an itu dilaksanakan dengan licin adalah penting sebuah Jawatankuasa Pengawas Pentadbiran Bank-bank dalam negeri ditubuhkan segera. Tugas-tugas jawatankuasa ini bukan saja untuk menentukan bank-bank dalam negeri memainkan peranan selari dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, akan tetapi juga sama ada dasar-dasar bank berkenaan bersesuaian dengan rancangan untuk mewujudkan satu golongan orang Melayu yang "business-oriented" atau golongan "business community" yang "sustained". Siasatan seperti ini adalah mustahak ditentukan setakat manakah bank-bank berkenaan telah berjaya menolong orang Melayu dalam bidang ekonomi, seperti perusahaan dan perdagangan. Jumlah pinjaman kepada orang

Melayu sahaja tidak boleh mencerminkan kejayaan, kerana ada golongan orang Melayu tertentu sahaja yang mendapat faedah dan pinjaman yang besar dari bank-bank tersebut. Oleh sebab itu adalah penting Jawatankuasa itu menentukan kategori orang Melayu yang mendapat pinjaman, mengikut jenis dan jumlahnya. Jawatankuasa seperti ini juga harus memberi fokus yang terperinci terhadap kegiatan pegawai-pegawai executive bank-bank berkenaan, sama ada pinjaman-pinjaman disalurkan terus kepada pegawai-pegawai berkenaan atau menerusi "proxi-proxi"nya, kaum-kerabatnya, anak-beranaknya dan sebagainya lagi.

Dasar Ekonomi Baru kerjaan kita hendaklah difahamkan sebagai satu kaedah untuk mewujudkan sebuah masyarakat orang Melayu yang tidak lagi bergantung kepada politik atau kuasa politik sepenuhnya untuk menjadi sebuah masyarakat yang memiliki saham-saham yang besar dalam ekonomi negara di tanahair mereka sendiri. Orang Melayu tidak harus terus-menerus dididik dengan "complex" yang rendah sehingga boleh memberi gambaran yang orang Melayu tidak mempunyai kemahiran dan kepakaran. Sungguhpun langkah-langkah kerajaan sendiri adalah "fundamental" di peringkat ini untuk mendorong orang Melayu memiliki saham-saham equity yang besar dalam ekonomi negara, ini tidak bermakna orang Melayu harus diasuh atau dibesarkan dengan sikap manja atau sikap tidak mampu berdiri sendiri. Pegawai-pegawai tinggi bank, sama ada di bawah pimpinan orang Melayu mahupun sektor asing, sistem perkhidmatan kerajaan sendiri dan orang-orang Melayu mempunyai kedudukan yang istimewa dalam masyarakat, hendaklah mendekong sikap amanah kepada bangsa dan rakyat. Mereka hendaklah memahami asas-asas dan cita-cita yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin Melayu dalam tahun 1950an dulu. Mereka hendaklah mematuhi kepada janji-janji kemerdekaan dan menghormati undi orang Melayu dalam pilihanraya yang menegakkan kerajaan yang dipimpin oleh orang Melayu.

Gempar Isu BMF

Alias Mohamed

Datuk Syed Nahar dan Datuk Rahim Tambi Chik kesal beribu-ribu juta wang yang sepatutnya boleh digunakan untuk tujuan-tujuan membina kemajuan rakyat di negara kita, telah lesap di telan pinjaman kepada BMF. Bukan Datuk-Datuk itu saja yang kesal, ramai lagi para pemimpin kita kesal. Pendek kata, yang tak kesal ialah yang pernah mendapat faedah dari pinjaman dan komisyen. Rakyat jembel lebih-lebih lagi kecewa dan marah. Nasiblah pinjamam BMF itu rugi. Kalau untung, siapakah yang akan bertanya ke mana wang itu pergi. Dilabur di Hong Kongkah, di Singapurakah, di Swedenkah, di Tokyokah. Tiada siapa yang bertanya di mana? Malah bunga yang disimpan dalam bank tempatan pun, mana ada yang berani bersungut bahawa keuntungan itu ialah faedah, walaupun Islam kata haram.

Yang haram ialah apabila faedah tidak diperolehi oleh orang-orang yang berkepentingan. Manalah tahu, kalau senyap-senyap faedahpun dibaham, komisyenpun dibaham. Tentulah pada ketika itu tiada lagi orang tertentu bertanya, seringgitkah, sejutakah? Faedahkah atau komisyenkah? Seringgit? Sejuta? Faedah? Komisyen? Bukankah semuanya wang?

Kes BMF ini memang menarik diikuti. Bukan saja soal halal dan haramnya. Bukan saja soal moral dan tiada moralnya wang

yang diambil dan yang mungkin diambil oleh beberapa orang ahli Lembaga Pengaruhnya. Malah soal jumlah pun penting, sebagaimana pentingnya soal di mana ia dilaburkan.

Menarik diikuti kerana ia membuka kepada banyak persoalan-persoalan lain yang *vital*. Misalnya kalau tempat dilabur itu menjadi persoalan, melabur di negara-negara lain atau di kotaraya-kotaraya lain selain di Hong Kong bagaimana? Dan kalau jumlahnya yang dipertikai, jumlah yang dilaburkan di negara-negara lain macam mana pula? Apakah bezanya pertukaran luar (*foreign exchange*) yang kita rugi dengan membeli barang import (walaupun faedah atau keuntungan dari segi penggunaan atau *consumption* adalah serta-merta) dan pelaburan seperti yang dilakukan oleh pegawai-pegawai BMF (patut diingat bahawa ketika wang yang pada akhirnya itu berjumlah \$1.7 billion dipinjamkan, pasaran harta Hong Kong adalah menggalakkan).

Pertanyaan ini penting kerana ia boleh membangkitkan banyak lagi soalan-soalan yang bersangkut-paut dengan moral pinjaman dan juga jumlah pinjaman. Misalnya, orang yang yakin akan mendapat keuntungan besar dari pelaburan yang besar pasti tak mampu membeli saham dengan banyak mungkin membeli hanya yang mampu akan membeli nilai saham yang maksima dibenarkan oleh firma-firma yang menjualkan saham, iaitu mungkin sejuta unit bagi nilai yang sama.

Bukankah ahli-ahli Lembaga Pengarah BMF memperhitungkan soal-soal seperti ini ketika membuat pelaburan di Hong Kong? Lebih-lebih lagi apabila mereka ketahui pasaran harta di tanah jajahan British itu melambung pada masa pelaburan itu dibuat? Pendek kata *time frame* atau bidang waktu itu mustahak untuk menentukan sama ada mereka melabur dengan cermat atau melabur kerana ada udang di sebalik batu?

Jika angka-angka pasaran saham menunjukkan nilai harta meningkata ketika mereka ini melabur, adakah boleh kita katakan orang lain tidak akan bertindak seperti itu jika mereka menjadi ahli-ahli Lembaga Pengarah? Mungkinkah jumlah yang digunakan

untuk melabur terlalu besar pada satu-satu tempat, maka tidak-kah ada pihak-pihak yang tertentu memperhitungkan pada waktu itu bahawa pelaburan seumpama itu akan memberi kesan buruk jika pasaran harta di Hong Kong itu ditakdirkan merosot seperti yang berlaku sekarang? Ertinya, tidakkah ada dasar yang mengatakan hanya sejumlah wang tertentu saja yang dibenarkan melabur pada satu-satu tempat kerana sebab-sebabnya begitu dan begini?

Isu BMF ini sungguh menarik. Banyak moral dan pelajaran yang kita dapati darinya. Kata Orang Putih, '*Blessing in disguise*'. Kalau tidak berlaku apa yang digelarkan sebagai 'Skandal BMF' maka mungkin tidak ada Menteri Besar dan Ketua Menteri yang merasa perlu menelik kepada diri sendiri dan bertanya di manakah atau di sektor manakah sejumlah besar wang dan harta rakyat negeriku yang aku telah laburkan? Tentulah telah ada Ketua Menteri atau Menteri Besar, malah para Menteri, yang telah memikirkan sekarang untuk berhati-hati membelanjakan wang rakyat.

Bukan itu sahaja, malah akan ada Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar yang mula tidak senang dengan membelanjakan wang terlampau besar bagi satu-satu projek, kerana manalah tahu, nanti projek itu akan diistiharkan rugi tahun depan oleh Ketua Odit Negara. Lagipun sudah ada contoh-contoh di mana syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh PKN atau SEDC telah diarahkan tutup oleh Perdana Menteri dan Timbalan Menteri kerana rugi, kerana penyelewengan dan tidak '*viable*'.

Pada dasarnya, tidak ada beza antara BMF dan syarikat-syarikat atau ajensi-ajensi kerajaan di negeri-negeri dan Pusat. Pelaburan adalah pelaburan. Ia melibatkan wang rakyat, sama ada ia dilaburkan di Hong Kong atau dalam negeri. Jika rugi, maka yang rugi dalam negeri tidak boleh menjadi untung kepada rakyat, sebagaimana juga dengan BMF yang telah menanggung kerugian besar di luar negeri itu. Kesannya tetaplah menjalar kepada rakyat.

Oleh sebab itu melihat kes BMF dari segi fizikalnya saja tidak akan menolong - kita selama-lamanya. Kita mungkin perlu melihat '*who is who*' atau jumlah yang dilaburkan atau tempatnya, tetapi yang lebih mustahak dari semua ini ialah prinsipnya. Jika kita berkata berjuta-juta telah lesap dengan begitu saja *tanpa faedahnya* sampai kepada rakyat, kerana pelaburan atau pinjamannya dilakukan di luar negeri, maka kita patut juga bertanya lain-lain projek sia-sia di negara ini yang tidak menguntungkan kanak-kanak sekolah dan penumpang-penumpang bas mini dan sebagainya.

Pendek kata, kes BMF adalah satu-satunya isu yang paling menarik sekali di zaman ini. Ia boleh menyebabkan kita bertanya banyak soalan, seperti rumah-rumah yang dibeli oleh Menteri-Menteri di negara-negara asing, simpanan-simpanan mereka di negara asing, wang negara ini yang dibiarkan mengalir ke Negeri China, India dan sebagainya yang berjumlah ribuan juta sejak merdeka, pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh setengah-setengah orang politik di negara-negara jiran. Malah banyak lagi. Siapakah yang untung? Adakah orang-orang yang kita kata perlu ditolongkan itu, seperti siswa-siswa, petani, boroh, nelayan dan sebagainya mendapat faedah dari pengaliran wang ke negaranegara asing seperti ini?

Ini hanya sedikit saja contoh jika BMF ini dilihat dari Kuala Lumpur. Bagaimana misalnya jika peristiwa BMF ini dilihat dari bank-bank asing yang memberi pinjaman kepada Carrian, dan lain-lain syarikat harta di Hong Kong? Jumlahnya mungkin tidak besar tetapi moralnya tetap serupa.

Seperti yang dikatakan, BMF bukan saja mendedahkan kebijaksanaan dan tidaknya pinjaman dibuat tetapi juga mengemukakan profail ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pegawai-pegawai yang terlibat. Pendek kata, setiap aspek dari BMF adalah penting dan perlu. Kesan dan apa jua yang ditemui dari BMF adalah jauh dan dalam sekali.

Setiap orang di Malaysia, lebih-lebih lagi para Menteri dan

pemimpin-pemimpin, wartawan, guru sekolah, kerani , seniman, pelajar, mahasiswa, para eksekutif dan lain-lain lagi akan menerima bahangnya. Tinggal lagi, bagaimanakah tiap-tiap orang dari mereka akan menyerapkan bahang tersebut supaya ia menjadi positif dan bukan negatif.

BMF: Tentang Keadilan dan Rasuah

Alias Mohamed

'Isu BMF' selalunya berlaku pada tiap-tiap kali Ketua Odit Negara membentangkan laporannya kepada kerajaan. Yang berbeza ialah badan-badan atau ajensi-ajensi yang terlibat tidak bernama *Bumiputera Malaysia Finance*.

Misalnya, Kementerian Perusahaan Awam yang dipimpin oleh Datin Paduka Rafidah Aziz. Menurut laporan akhbar pada 28 Oktober 1982, sejumlah 81 buah syarikat yang ditubuhkan di bawah Kementerian Perusahaan Awam telah ditutup sehingga akhir bulan September kerana mengalami kerugian teruk, tidak memperlihatkan masa depan dan kerana tiada potensi. Jumlah kerugian ialah \$95 juta dan lebih satu pertiga dari kerugian tersebut berlaku dalam Syarikat Gula Negeri Sembilan. (Tentulah seronok ceritanya jika ada wartawan-wartawan syarikat akhbar yang dimodali oleh UMNO itu berminat untuk membuat *investigative reporting*, sebagaimana yang dibuat terhadap BMF, mengenai asal-usul Syarikat Gula tersebut, siapa anggota-anggota pengaruhnya, bagaimana ia ditubuhkan dan dari modal siapa dan lain-lain lagi).

Menurut Rafidah, dari jumlah 616 buah syarikat yang ditubuhkan di bawah kementerian tersebut kerajaan telah membelanjakan pelaburan berjumlah \$1.4 billion atau \$1,421 million. Jumlah kerugian yang ditanggung oleh 81 buah syarikat-syarikat

tersebut ialah lebih dari separuh jumlah pelaburan. Wang siapa yang rugi jika tidak wang rakyat jembel?

Andaikan kita mempunyai 22 buah kementerian, dan katalah dalam tiap-tiap kementerian terdapat 50 buah saja sektor atau agensi yang melibatkan diri dalam pelaburan atau peruntukan. Jumlah semua agensi atau syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan/kementerian ialah 1,100. Jika kerugian dalam sebuah syarikat kerajaan diandaikan hanya \$1 juta (berdasarkan kerugian \$95 juta dalam 81 buah syarikat/agensi Kementerian Perusahaan Awam), maka kerugian bagi sejumlah 1,100 syarikat ialah \$1.1 billion atau \$1,100 million. Angka kerugian hampir sama dengan kerugian yang dialami oleh BMF.

Pada waktu itu, iaitu pada waktu 1,100 buah syarikat kerugian menanggung kerugian lebih dari \$1 billion, adakah setengah-setengah di kalangan kita akan mencari tokoh-tokoh yang bertanggungjawab?

Laporan-laporan akhbar nampaknya bercelaru antara peribadi seseorang dan *mismanagement* itu sendiri. Jika *mismanagement* dan *kickbacks* (rasuah), tidakkah ada orang-orang yang nanti sanggup mendedahkan "*mismanagement*" atau rasuah yang lebih besar yang dilakukan oleh tokoh-tokoh tertentu dalam syarikat-syarikat yang dikendalikan oleh kerajaan, dalam bank-bank dan sebagainya?

Orang yang berjuang mencari keadilan untuk "menebus malu" maruah rakyat yang tercemar akibat pinjaman BMF harus pula sanggup mendedahkan tindakan-tindakan rasuah yang dilakukan sendiri oleh teman-teman dan tokoh-tokoh yang orang-orang berkenaan ingin selindungi. Malah, satu pertanyaan menarik, siapakah yang akan mendedahkan penyelewengan (bukan saja rasuah) yang dilakukan oleh orang-orang berkenaan, iaitu yang memperjuangkan mencari keadilan? Ini penting kerana rasuah dan penyelewengan dalam pentadbiran bukan saja dilakukan oleh pengarah-pengarah bank, pegawai-pegawai PTD, akan tetapi juga oleh para penulis dan pemimpin akhbar yang diberi kuasa

untuk melaksanakan kuasanya dalam bidang-bidang yang mereka kuasai.

Pendek kata, keadilan tidak menjadi keadilan sehingga ujian terkena diri sendiri. Memperjuangkan keadilan tidak sama dengan mengamalkan keadilan. Banyak pemimpin-pemimpin bercakap tidak seperti bikin sebab itulah Dr. Mahathir cipta slogan "Kepimpinan Melalui Teladan." Mungkin para penulis dan wartawan sendiri menghadapi ujian seperti ini apabila mereka diberi kuasa untuk menjalankannya.

Pilih kasih adalah salah satu sumber rasuah. Menggunakan akhbar dan bahan-bahan cetak untuk dengan sengaja menjatuhkan maruah orang lain juga rasuah. Rasuah bukan saja kerana ada wang yang dihulur dari bawah meja. Mencari kepentingan diri dengan tindakan-tindakan yang menjuruskan ke arah seperti itu juga rasuah. Pendek kata, pengertian rasuah adalah luas, seperti juga kejahatan, kezaliman, penipuan dan sebagainya. Banyak bentuk-bentuknya. Kejahatan yang dilakukan oleh orang-orang yang difikirkan salah oleh orang ramai tetaplah tidak boleh menjadi kebaikan, lebih-lebih lagi jika ia dibuktikan oleh undang-undang dan diuji oleh moral. Demikian juga dengan kebaikan yang kita sendiri memberi ukuran kepada sesuatu tindakan kita. Belum tentu ia boleh menjadi kebaikan kepada orang ramai.

Sementara perkara pinjaman kepada BMF ini tetaplah sesuatu tindakan yang luar biasa dari segi jumlah pinjaman dan cara-cara pinjaman tersebut diluluskan, tindakan-tindakan yang serupa atau yang hampir serupa yang dilakukan oleh kita atau orang-orang yang kita tidak ingin rendahkan martabatnya kerana satu-satu kepentingan peribadi, tidak boleh menjadi tidak salah dan tidak bertentangan dengan kemahuan orang ramai.

Pendek kata dalam apa juu tindakan sikap mengelak dari tindakan *double standard* adalah penting. Sama ada kita seorang buruh atau kerani atau guru atau penulis atau seorang pensyarah, tindakan-tindakan kita mudah digunakan oleh orang ramai untuk

membanding-bandingkan kredibiliti kita, lebih-lebih lagi apabila kita tidak boleh berlaku adil kepada diri sendiri dan sering mencari kesalahan orang lain.